

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 51**Isnin****11 Oktober 2004**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-**Jadual:-**

Maksud B.22 (Halaman 24)
Maksud B.23 (Halaman 47)
Maksud B.24 (Halaman 120)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.22 (Halaman 24)
Maksud P.23 (Halaman 47)
Maksud P.24 (Halaman 120)

Memotong RM10 Gaji Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
Mengikut Peraturan Mesyuarat 66(9) (Halaman 47)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 11 Oktober 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan rancangan dan strategi untuk meningkatkan lagi daya saing, daya tahan dan keberkesanan perdagangan di peringkat global.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan daya saing, daya tahan dan keberkesanan perdagangan di peringkat global, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melaksanakan beberapa strategi bagi mempertingkatkan perdagangan Malaysia di peringkat antarabangsa yang terdiri daripada:

- (i) meningkatkan dan mempelbagaikan pasaran eksport bagi pasaran yang berpotensi tinggi iaitu China, ASEAN dan Asia Barat dan pasaran baru iaitu Asia Selatan, Asia Tengah, Eropah Timur, Afrika, Amerika Latin dengan terus mengekalkan tumpuan bagi pasaran tradisi yang sedia ada iaitu Amerika Syarikat, Jepun, negara-negara Eropah Barat, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan;
- (ii) menyesuaikan produk dan perkhidmatan yang dieksport mengikut permintaan pasaran;
- (iii) mempertingkatkan promosi sektor perkhidmatan yang berpotensi tinggi seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, pembinaan francais, teknologi maklumat dan juga perkhidmatan bagi industri, gas dan minyak;

- (iv) membina imej Malaysia sebagai pengeluar produk dan perkhidmatan yang berkualiti melalui penjenamaan menerusi kempen pengiklanan *Made Malaysia for the World* dengan izin di pasaran penting seperti China, Asia Barat, ASEAN, USA, Eropah Barat dan Amerika Selatan;
- (v) menganjurkan seminar dan bengkel kepada pengeksport Malaysia mengenai undang-undang import antarabangsa, kualiti serta piawaian antarabangsa, e-dagang, penjenamaan produk, logistik, pembiayaan perdagangan, kemahiran pemasaran dan maklumat pasaran, meningkatkan kecekapan dalam aspek penyebaran maklumat perdagangan dengan membangunkan kaedah penyebaran secara elektronik kepada pengeksport serta menerbitkan *directory sectoral* dan menyebarkan maklumat mengenai perkembangan-perkembangan dalam pasaran-pasaran baru, pewujudan pasaran-pasaran bebas di peringkat wilayah serta kemajuan dalam perundingan pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)

Di samping itu MITI juga telah merancang beberapa aktiviti promosi perdagangan secara menyeluruh pada tahun 2004 melalui penyelarasan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam 55 pameran perdagangan antarabangsa, 9 misi perdagangan dan pelaburan, 4 pameran produk Malaysia, 7 promosi '*in-store*', 57 kaunter promosi perdagangan dan pameran barangan dan perkhidmatan daripada 250 syarikat Malaysia di Pusat Perdagangan Malaysia di Dubai, penganjuran 14 misi belian ke Malaysia dan 14 misi pemasaran khusus ke pasaran luar negara, penganjuran 35 seminar, taklimat dan sesi rundingan perdagangan mengenai peluang perdagangan bagi pengeksport Malaysia dan penyebaran penerbitan maklumat perdagangan pada komoditi perdagangan melalui halaman MATRADE, perpustakaan perniagaan MATRADE dan saluran media elektronik.

Strategi dan program promosi perdagangan di peringkat global telah dirancang berpandukan kehendak para pengeksport dan industri dengan mengambil kira kemampuan mereka untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Melalui pendekatan yang diambil keupayaan daya saing dan daya tahan pengeksport Malaysia dapat dipertingkatkan lagi di peringkat global. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, dengan senario semasa kenaikan harga minyak di peringkat global ini dan kemungkinan harga minyak itu akan terus naik sehingga US60 dolar, apakah strategi jangka pendek dan jangka panjang yang dibuat oleh pihak MITI untuk menangani cabaran ini?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu pihak kerajaan memantau dari segi kenaikan harga dan apakah kesan-kesannya ke atas ekonomi dunia dan seterusnya kepada ekonomi Malaysia. Mengikut perangkaan daripada badan dunia dari segi pertumbuhan GDP pada hujung tahun ini dan pada tahun akan datang akan berkurangan berbanding pada setengah tahun pertama ini.

Dari segi strategi yang akan dijalankan pihak MITI melalui MATRADE akan melaksanakan program dengan lebih agresif lagi di samping negara kita dengan negara luar, negara ASEAN kita membina ekonomi blok kita, kita bekerjasama sebagai satu badan, satu rantau yang integrasi ke arah itu untuk mewujudkan kawasan ASEAN yang kukuh dan ini nanti akan menjadi satu entiti untuk bersaing dengan pasaran lain-lain blok pasaran antarabangsa. Di antaranya, ASEAN telah pun melaksanakan *ASEAN China Free Trade Area* yang membuka, access pasaran yang lebih luas lagi kepada China dan Asian yang mempunyai 1.7 bilion manusia dan GDP keseluruhan secara 'aggregate' oleh semua negara tersebut iaitu sebanyak lebih kurang US 2 trilion dolar.

Saya percaya melalui strategi-strategi yang telah saya sebutkan tadi dilaksanakan dengan lebih agresif lagi kita akan dapat mempertahankan kedudukan perdagangan kita.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Berkenaan dengan pemasaran, biasanya kita dapati bahawa pemasaran barang-barang daripada negara kita dipasarkan melalui MATRADE. Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian ataupun kerajaan mencadangkan untuk melantik seorang pegawai yang bernaung di bawah kedutaan sebagai pegawai penerangan dan juga pegawai pemasaran dalam memasarkan barang-barang daripada negara kita?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan pegawai pemasaran di pejabat-pejabat luar di negara kita. Kita sekarang ini mempunyai pejabat MATRADE di 24 buah negara dan sedang berkembang dengan 7 lagi pejabat-pejabat yang akan

dibuka yang meliputi semua rantau di dunia ini. Kita mendapati bahawa keperluan untuk negara kita pada peringkat ini adalah mencukupi. Melalui strategi-strategi yang telah kita laksanakan sebagai contoh kita mengadakan *trade mission* daripada bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini dari segi hasilnya terbahagi kepada dua iaitu *actual sale* sebanyak RM224 juta dan *potential sale* sebanyak RM 114 juta. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat belum lagi difikirkan.

[Soalan No.2 - Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] tidak hadir]

[Soalan No.3 - Dato' Haji Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] tidak hadir]

4. Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan siswazah-siswazah lepasan dari institusi pengajian tinggi manakah yang lebih diiktiraf di Malaysia.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, setiap IPTA mempunyai kelebihan masing-masing dan tiada IPTA mempunyai kelebihan secara keseluruhan dari segi pengiktirafan ijazah mereka. Walau bagaimanapun, dari segi perjawatan dalam industri terdapat kecenderungan untuk memilih graduan lepasan IPTA yang telah lama ditubuhkan seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia.

Bagi sektor pendidikan tinggi swasta, siswazah lepasan kursus pengajian yang memperoleh perakuan akreditasi dari LAN umumnya adalah diiktiraf berbanding dengan yang tindakan memperoleh perakuan akreditasi. Ini kerana kursus-kursus pengajian sedemikian mempunyai beberapa unsur nilai tambah seperti berikut, iaitu:

- (i) layak untuk memohon jawatan-jawatan di sektor awam;
- (ii) boleh dipertimbangkan untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dan dapat pemindahan kredit; dan
- (iii) layak untuk mendaftar sebagai pengamal profesional bagi kursus pengajian yang tertakluk kepada badan profesional seperti Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Jururawat dan sebagainya.

Namun demikian, kemasukan para graduan ke alam pekerjaan juga amat bergantung kepada keperluan guna tenaga semasa, keterampilan mereka sendiri dari

segi kematangan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran ICT, kemahiran berbahasa Inggeris dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertuan dan terima kasih Timbalan Menteri. Senario sekarang ini, kami ada banyak *graduate* dari luar negeri, itulah *francais* dari luar negeri. Banyak yang dapat *masters* dengan izin dan Ph.D, - *doctorate* tetapi adakah Kementerian Pengajian Tinggi menyediakan garis panduan untuk murid-murid di Malaysia ini mana satu universiti, mana satu *degree* yang boleh diterima oleh kerajaan. Ada senarai begitukah? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, seperti dikatakan tadi untuk pihak pendidikan tinggi swasta jika program telah dapat perakuan akreditasi daripada LAN maka ia akan diterima dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk jawatan di perkhidmatan awam tetapi untuk penerimaan oleh pihak swasta dan industri ia tertakluk kepada pihak industri untuk membuat keputusan masing-masing. Biasanya kalau ada perakuan akreditasi dia akan diterima lebih baik oleh pihak swasta.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita sedia maklum, masih terdapat warga Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke universiti seberang laut (*oversea university*), tanpa pengetahuan. Adakah kursus yang diikuti itu diiktiraf oleh kerajaan ataupun tidak, jadi apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memaklumkan kepada mereka bahawa kursus yang diikuti itu tidak diiktirafkan, jika didapati kes-kes yang seperti itu.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa menggesa semua pelajar yang ingin belajar di luar negara, menyemak dengan kementerian saya dan juga menyemak melalui laman web JPA iaitu www.eghrmis.gov.my di mana di situ tersenarai semua kursus yang telah diiktiraf oleh JPA.

Walau bagaimanapun, pengiktirafan oleh JPA adalah untuk tujuan supaya mereka layak untuk memohon jawatan di perkhidmatan awam, tetapi untuk pekerjaan di pihak swasta, ia tertakluk kepada penerimaan industri. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi memastikan pertanian padi di Lembah Setiu akan setaraf dengan tempat-tempat lain kerana keadaan sawah mereka yang sering terdedah kepada banjir akibat sungai dan saluran dan ini tidak memungkinkan hasrat kerajaan untuk melihat padi 10 tan per hektar akan tercapai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan tanaman padi di Lembah Setiu setaraf dengan tempat-tempat lain dan hasrat untuk mencapai pengeluaran padi 10 tan sehektar, kerajaan sedang memperbaiki sistem pengairan dan saliran serta merancang pembinaan Empangan Paya Peda yang dijangka dapat menampung air serta membaik pulih dan menaik taraf Skim Setiu dan tujuh Skim Pengairan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Yusop bin Majid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bilakah dijangka masanya untuk petani-petani dan juga pesawah-pesawah di Lembah Setiu ini akan dapat mengusahakan tanaman padi mereka secara dua musim setahun ataupun 2.5 musim setahun. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pada masa ini memanglah sudah menjalankan penanaman padi dua musim setahun, iaitu daripada bulan November sehingga bulan April dan juga bulan Mei sehingga bulan Oktober. Namun demikian, seperti masalah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, dengan masalah banjir dan sebagainya, jadi tidaklah dapat pulangan atau *tonnage* seperti yang diidam-idamkan, iaitu sehingga mencapai 10 tan dan setakat ini pun, pengeluaran di tempat tersebut dalam anggaran empat hingga lima metrik tan sehektar, tetapi insya-Allah dengan adanya nanti pembinaan seperti yang saya cakapkan tadi, di mana pada masa ini ianya adalah dalam kajian atau juru perunding, atau *detail designing stage*, di mana insya-Allah dengan kos anggaran yang diberikan kepada kami iaitu RM76 juta, ianya akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu dalam masa *plus minus* setahun lagilah, sebab kita sudah sampai kepada Rancangan Malaysia Kelapan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Seorang Ahli: Waalaikumussalam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Salam sejahtera dan selamat pagi. Sebelum saya mengutarakan soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan dan peluang keemasan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada rakan-rakan yang baru sahaja menerima gelaran Datuk daripada Melaka, Sarawak dan juga Sabah. Ahli Yang Berhormat bagi Gombak, Ahli Yang Berhormat bagi Bera, Jasin daripada Melaka.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, daripada Sarawak dan Ahli Yang Berhormat bagi Beluran daripada Sabah. Mudah-mudahan gelaran ini akan memberikan daya kekuatan kepada mereka untuk terus berkhidmat dengan baik.

Seorang Ahli: Jasin, Jasin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan tambahan saya..... sebut dah Jasinkan, Gombak, Bera, Jasin, ada lagi yang belum disebutkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Beras ialah makanan utama kita, kerana dari beras akan jadi nasi. Rakyat Malaysia semua kaum makan beras dan secara umumnya, tanah di negara kita ini memang sesuai untuk ditanam padi, yang pelik dan ajaib kita kekurangan beras.

Saya hendak bertanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang berkait rapat dengan makanan ini, ada atau tidak rancangan kerana tanah memang sesuai untuk ditanam dengan padi, rancangan kerajaan buat macam skim FELDA, Sabah banyak tanah, Sarawak banyak tanah dan di negeri-negeri kita pun banyak tanah yang sesuai untuk padi, buat macam skim FELDA ini, secara melaut, secara meluas ditanam padi ini supaya keperluan makanan untuk negara ini dari segi padi dan beras ini akan dapat mencukupi, dan mungkin akan menjadi salah satu daripada mata pencarian yang boleh menampung kehidupan rakyat.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Tani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih di atas soalan dan juga cadangan tadi, jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, memanglah kita mengatakan *threshold* kita, iaitu kita setakat ini mengatakan bahawa pengeluaran kita adalah sehingga 65% *self sufficient level*, tetapi sebenarnya kita telah dapat mengeluarkan padi sehingga 72% hingga 80%, tetapi untuk tujuan keselamatan makanan, kita menetapkan tidak ada kurang daripada 65% tingkat *self sufficient*. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sekarang ini banyak dari segi perancangan yang dibuat untuk kita membuka lagi beberapa jelapang padi, khususnya di Sabah dan di Sarawak, sebab di tempat-tempat itu ada lagi banyak tanah yang digunakan, tetapi yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, iaitu menggunakan sistem ala FELDA itu, kita akan perbincangkanlah, sebab dari segi kos infrastruktur memang

tinggi sekiranya kita hendak membukakan jelapang padi, dan buat masa ini kita juga menggalakkan pengeluaran oleh petani-petani kecil ini, padi-padi tempatan atau beras tempatan, iaitu sekarang ini Bernas telah mempergiatkan usaha dan aktiviti mereka untuk membeli semua jenis padi, beras tempatan yang ada di dalam negara khususnya di Sarawak, di mana *niche* yang digunakan iaitu ini adalah beras *speciality rice*, dengan izin. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Y.B. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] tidak hadir]

7. Tuan Liow Tiong Lai [Bentong] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mekanisme kawalan AP bagi sayur kubis yang diimport berlebihan dari luar negara sehingga menyebabkan harga kubis keluaran dalam negara tidak dapat menarik petani kita menanam sayur kubis.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jawatankuasa Mentadbir Lesen Eksport Hasil-hasil Pertanian, sentiasa mengambil langkah-langkah bagi mengawal pengeluaran AP untuk kubis bulat. Penetapan kuota import kubis bulat ditadbirkan secara bulanan.

Cadangan jumlah kuota import bulanan diputuskan oleh jawatankuasa berkenaan, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti pengeluaran kubis bulat tempatan, jumlah eksport, jumlah baki stok bulan sebelumnya dan harga pasaran semasa.

Bagi memastikan jumlah kubis bulat yang diluluskan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, melalui FAMA menjalankan pemeriksaan berterusan di semua pintu masuk utama negara dengan kerjasama pihak kastam dan memantau premis-premis di pasar borong dan premis penyimpanan.

Di samping itu, di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian melalui FAMA, bagi menstabilkan harga sayur-sayuran di pasaran tempatan adalah seperti berikut:-

- (i) membangunkan infrastruktur pemasaran dan rangkaian bekalan yang cekap dan berkesan dari peringkat ladang sehingga ke peringkat pengguna, termasuk mewujudkan kemudahan-

- kemudahan seperti pusat perolehan, pusat pengumpulan ladang, pusat jualan dan bilik sejuk;
- (ii) aktiviti jualan terus oleh pengeluar kepada pengguna melalui Program Pasar Tani dan Ladang Kontrak yang bertujuan melibatkan petani-petani terus dalam aktiviti-aktiviti pemasaran;
 - (iii) melalui perkongsian pintar, FAMA membekalkan sayur-sayuran ke *hyper market* yang mempunyai rangkaian di seluruh negara, sebagai contoh kerjasama FAMA dengan *Dairy Farms Giant Retails Sdn. Bhd.* di mana FAMA telah dilantik sebagai *listing consultant*, dengan izin, untuk kemasukan hasil-hasil pertanian ke rangkaian Giant.

Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasihlah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana memang ada mengambil langkah-langkah untuk menstabilkan harga kubis ini, tetapi tahu atau tidak, sedar atau tidak Yang Berhormat bahawa dari segi pelaksanaannya, bagaimana boleh terjadinya ada lambakan kubis yang berlebihan sehinggakan harga-harga kubis tempatan tidak dapat menggalakkan petani-petani kita untuk meneruskan pertanian industri sayur ini.

Dalam negara kita, kita selalu menggalakkan dari segi sektor pertanian, dan kebanyakannya dari segi industri getah, industri sawit, tetapi dari segi industri sayur ini, kita hendak tahu, kita hendak jadikan perindustrian sayur-sayuran ini satu pertanian yang ke hadapan, yang mendapatkan rezeki yang baik kepada petani kita, tetapi dari segi kawalan harganya begitu longgar sekali, sehinggakan petani-petani sayur menampakkan masa depan mereka begitu gelap, kerana selalunya terjadi lambakan sayur di negara kita daripada negara China ataupun negara-negara lain dan apabila kita hendak eksport sayur kita, contohnya ke Thailand ataupun negara lain, memang terdapat banyak sekatan oleh negara-negara lain.

Dan kita hanya dapat mengimport ke negara Singapura dan itu pun harga dikawal oleh Singapura, apakah langkah lain selain daripada langkah-langkah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, langkah-langkah lain yang boleh dapat kita membantu industri sayur-sayuran dalam negara kita, agar bukan sahaja dari segi harga sayur, malah dari segi bidang lain yang dapat memberi bantuan, agar kita dapat

menggalakkan industri sayur ini menjadi suatu industri yang penting dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, atas luahan apa yang disebutkan tadi, iaitu keprihatinan Yang Berhormat terhadap petani-petani khasnya mereka di dalam bidang menanam sayur-sayuran dan seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, memang kita berdaya dan berusaha sedaya upaya untuk mengatasi segala apa yang telah Yang Berhormat katakan tadi. Dan memanglah kita juga menggunakan dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak terjadi, dan sebab itu Yang Berhormat, kita memang berhati-hati menggunakan AP ini, kita berhati-hati sebab, kita membuat perancangan sama ada hendak mengeluarkan AP atau tidak, menggunakan bulanan, kita tidak memberi AP yang berpanjangan, tetapi mengikut kadar bulan ke bulan, iaitu melihat dari segi *supply* dan *demand* pada masa itu, sebab itu kita hendak memastikan bahawa pengeluaran kubis tempatan tidak terjejas dari segi kemasukan kubis-kubis daripada luar negara dan kadang-kadangnya kemasukan ini tinggi, sebab pada masa tertentu, *seasonal* kadang-kadang *demand* untuk kubis ini *seasonal* khasnya semasa perayaan dan sebagainya.

Terima kasih Yang Berhormat, memang kita sekarang ini hendak memastikan bahawa kita mengeluarkan secara tempatan, secara intensif, saya telah menjawab beberapa hari yang lepas, bahawa ada beberapa program yang kita jalankan untuk memastikan bahawa kita hendak mengeluarkan secara tempatan dengan program seperti taman kekal pengeluaran makanan, kerana kita telah memperkenalkan Malaysia sebagai *The Halal Food Hub*, jadi ini semua kita akan *intensifykan*, dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat dan apa-apalah Yang Berhormat, kalau dapat berilah juga cadangan, pandangan kepada kami supaya kita dapat memastikan bahawa lambakan seperti Yang Berhormat katakan tidak terjadi dengan berleluasa. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan saya, harga sayur-sayuran dan barangan sejak akhir-akhir ini naik. Harga kubis pun naik dan saya tidak tahu apakah kerana lambakan AP yang begitu banyak ataupun kerana berlakunya penyeludupan. Apabila ada barang naik dan harga naik akan berlaku penyeludupan masuk ke negara kita ini.

Oleh itu, selain jaminan daripada Kementerian, apakah perlu dikuarantinkan segala barang-barangan import seperti sayuran-sayuran, buah-buahan dan apa juga yang dibawa masuk ke negara kita ini supaya masalah penyeludupan ini bukan setakat beras dan beras pulut, pembangkang tahu hal ini tetapi dia berdiam diri. Jadi, apakah jaminan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya masalah penyeludupan ini dan juga pengeluaran AP yang tidak diselewengkan berterusan berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Berkemungkinan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku dan sebab itulah kami kata satu daripada pihak berkuasa yang kami bawa dalam menentukan jumlah barang-barangan ini masuk ialah pihak kastam. Insya-Allah, Ahli Yang Berhormat kita bekerjasama rapat untuk memastikan bahawa segala penyeludupan ini sebab ini mungkin satu faktor di mana walaupun kita *strict* dengan izin, dari segi pengeluaran AP tetapi kadang-kadang kemasukan dari sumber-sumber yang tidak mengikut undang-undang juga terjadi dengan berleluasa.

Untuk memuaskan hati Ahli Yang Berhormat, saya memberikan di sini bagaimana anggaran kuota ini dijalankan. Faktor-faktor yang digunakan ialah dari segi penggunaan, pengeluaran tempatan dan juga dari segi stok semasa. Semua ini diambil dalam perhatian dan oleh yang demikian baharulah kita mengetahui berapa banyakkah melalui AP barangan-barangan ini boleh dimasuk.

Jadi, kajian-kajian juga digunakan dari segi penggunaan isi rumah, institusi dan kilang oleh FAMA dan selepas itu kita membuat kajian juga dari segi bekalan dan selepas itu kita mencari juga faktor-faktor lain yang memungkinkan supaya kita dapat memberi AP yang cukup-cukup atau tidak menjejaskan dari segi pengeluaran tempatan. Terima kasih.

8. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana ancaman Syiah dan fahaman agama menyeleweng yang merosakkan akidah Ahli Sunah Wal-Jemaah di dalam negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain]: Tuan Yang di-Pertua, ancaman Syiah dan fahaman ajaran sesat dan menyeleweng dikenal pasti masih wujud di negara ini. Gerakan Kumpulan Syiah didapati aktif sekitar tahun 90-an. Pada 2 hingga 7 November 1997, kerajaan telah

menahan 10 orang pengikut utama Syiah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) di Kem Tahanan Kamunting, Perak.

Ekoran itu didapati aktiviti penyebaran Syiah agak kurang agresif dan tidak secara terbuka. Walau bagaimanapun, kerajaan mendapati mereka terus menyebarkan fahaman Syiah dalam bentuk yang lebih berhati-hati. Kegiatan kumpulan ini akan terus dipantau oleh pihak berkuasa dan dalam keadaan terkawal.

Ancaman Syiah dan ajaran sesat yang menyeleweng terhadap keselamatan negara dan agama antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) menyumbang kepada perpecahan ummah dan menghancurkan Islam dari dalam;
- (ii) menafikan keilmuan ulama muktabar dan mencelanya;
- (iii) cuba mengubah keilmuan agama Islam dengan cara membuat takwilan sendiri;
- (iv) timbulnya berbagai-bagai keganasan dalam masyarakat; dan
- (v) berlaku keretakan dalam sebuah rumah tangga iaitu keluarga dan seumpamanya.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan ini dengan jelas. Bagi saya dan ramai orang Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam Ahli Sunah Wal-Jemaah, kita memandang berat sangat ancaman-ancaman daripada Syiah dan juga ajaran-ajaran sesat. Sudah tidak menjadi rahsia umum, sesetengah masyarakat kita berpecah kerana tidak mahu talkin, tidak mahu qunut, tidak mahu tahlil, tidak mahu doa dan sebagainya sedangkan amalan ini telah kita guna pakai daripada zaman turun temurun kita. Fahaman Qadariah, fahaman Jabariah, semuanya mengancam kedudukan kita sebagai pegangan Ahli Sunah Wal-Jemaah dan sebenarnya Nusantara kita memang berpegang daripada dahulu Mazhab Shafie Ahli Sunah Wal-Jemaah dan ancaman-ancaman ini seperti mana Yang Berhormat Menteri katakan tadi akan menyebabkan perpecahan ummah dan perpecahan dari dalam.

Saya ingin hendak bertanya, apakah tidak ada satu gerakan yang dipelopori oleh JAKIM, Jabatan Perdana Menteri dengan kementerian-kementerian yang lain, kita membuat satu gerakan untuk menghapuskan ancaman ini sebelum ia menjadi satu perkara yang akan memecahkan ummah seperti jawapan tadi dan perpecahan dari

dalam yang meruntuhkan agama Islam yang suci yang kita pegang selama ini, yang begitu baik supaya masyarakat kita terhindar. Bagaimana agaknya kalau kita pandang ini sebagai ancaman yang serius, yang boleh merosakkan kekuatan ummah kita, maka Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya bolehkah - apa hendak sebut? Digabungkan, disenyawakan atau apa perkataan yang lebih baik? *[Disampuk]* Ha, diintegratekan ataupun macam manalah, maksud saya Yang Berhormat Menteri fahamlah, kita banteras ajaran ini sehebat-hebat yang mungkin supaya menyedarkan juga rakyat bahawa ancaman ini benar-benar akan memberikan kesan buruk kepada perpaduan umat Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Terima kasih di atas keprihatinan dan minat Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading dan saya sebenarnya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana sanggup datang untuk memeriahkan Majlis Tilawah Al-Quran. Terima kasih banyak kerana sangat prihatin dengan perkembangan Islam. *[Disampuk]*

Langkah-langkah untuk pencegahan ini telah pun dilakukan oleh ... *[menyedari reaksi Ahli-ahli Yang Berhormat]*...dan juga rakan-rakan yang lainlah *[Disorak]* Sebenarnya JAKIM telah memainkan peranan seperti biasa apabila menghadapi ancaman daripada ajaran sesat dan sebagainya. Pertama iaitu dengan meminta Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk mengeluarkan fatwa dengan jelas. Kemudian meminta pula negeri-negeri membawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri sebab kuasa fatwa adalah kuasa negeri-negeri untukewartakan (gazet) dan menjadikan fatwa supaya ianya berkuat kuasa.

Selain daripada itu pihak JAKIM juga telah mengadakan beberapa siri penjelasan sebenarnya, seperti yang kita lakukan kepada Al-Arqam tempoh hari, penjelasan pegawai-pegawai JAKIM dengan kerjasama erat daripada cendekiawan Islam di institusi pengajian tinggi telah membantu JAKIM untuk membuat penjelasan sejelas-jelasnya kepada masyarakat tentang sesuatu ajaran sesat yang telah berkembang di negara kita ini, seperti Al-Arqam tempoh hari telah dijalankan penjelasan seluruh Malaysia.

Selain daripada itu menapis bahan penerbitan yang berunsur salah dan menyeleweng yang telah disebarkan juga membuat tapisan. Kemudian membuat tapisan terhadap tenaga-tenaga pengajar ataupun penceramah-penceramah supaya

mereka tidak menyebarkan atau pun tidak memberi peluang langsung kepada mereka untuk menyebarkan ajaran-ajaran salah ini melalui ceramah-ceramah dan juga penjelasan mereka.

Selain daripada itu, yang terakhirnya ialah mengambil tindakan iaitu tindakan undang-undang mengikut peruntukan yang sedia ada seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan lain-lain lagi. Hanya itu. Sekian.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading menyebut ancaman dan bimbang tentang ancaman Syiah. Tempoh hari Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading bimbang tentang ancaman kepada tulisan jawi dan sebagainya.

Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya tidak nampak bukti yang mengatakan apakah bentuk ancaman itu sebenarnya. Kalaulah setakat memberi penjelasan, takrifan dan takwilan yang berbeza, apakah kita perlu bertindak kepada kumpulan-kumpulan sesama kita semata-mata hanya mereka ada pendekatan yang berbeza. Saya tidak nampak ada bukti yang mengatakan kumpulan-kumpulan ini yang mempunyai pendekatan atau pun ilmu yang berbeza ini semestinya menjadi ancaman kepada kita kerana parti PAS adalah ancaman tetapi kita tidak mengharamkannya kerana kita adalah sebuah negara yang mengamalkan kebebasan. Kalau kita boleh memberi kebebasan kepada orang yang beragama lain – orang Hindu, orang Budha ada pernah kita bangkitkan ancaman agama-agama ini terhadap kita. Tetapi apabila sesama sendiri, apabila sesama Islam sendiri, kita begitu rancak, kononnya kumpulan ini tidak betul dan ini tidak betul.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kementerian sendiri dan JAKIM boleh mengambil pendekatan yang lebih progresif dan liberal terhadap perkara ini supaya perpecahan ummah itu – kononnya kita mencari penyelesaian tetapi mungkinkah ini yang menjadi punca sebenarnya? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Sebenarnya JAKIM mengkategorikan pendapat dan juga pandangan serta perpecahan itu dengan berbagai-bagai kategori - kita kelompokkan. Kalau yang mengancam yang pernah berlaku seperti ajaran Muhamad Nasir Ismail, lapan daripada lima belas orang ahli kumpulan ini terbunuh ketika bertempur dengan anggota keselamatan sewaktu mereka menyerang Balai Polis Batu Pahat pada 16 Oktober 1980, itu yang sangat ganaslah.

Baru-baru ini Kumpulan Al-Maunah – kita tahu Kumpulan Al-Maunah merompak sejumlah senjata di Kem 304, Rejimen Askar Wataniah di Grik, Perak dan membunuh anggota keselamatan yang sedang bertugas – ini di antara yang militan, yang kita kelompokkan mereka perlu ditangani dengan baik. Tetapi di sana ada mempunyai berbagai-bagai kategori yang lain. JAKIM berpandangan ada sebahagiannya yang kita anggap ia masih dalam kumpulan yang kita ungkapkan ikhtilaf, dengan izin iaitu boleh berbeza pendapat dalam kelompok orang Islam – itu tidak timbul masalah. Macam apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi iaitu perkara yang kita anggap kecil-kecilan, soal talkin, soal sembahyang tarawih sama ada lapan atau dua puluh rakaat, itu kita tidak boleh ambil tindakan. Itu biasa.

Jadi, soal-soal besar ini yang boleh menimbulkan perpecahan dalam kalangan masyarakat Islam, itu yang perlu ditangani dengan baik, minta fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan dan minta Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri memfatwakan danewartakan. Ia ada perbezaan di antara yang ikhtilaf – boleh berbeza pendapat, boleh berbagai-bagai tetapi dalam batas-batasnya, ada adab-adabnyalah berbeza pendapat. Tetapi kalau tidak meraikan adab-adab juga akan diambil tindakan iaitu melanggar adab-adab di kalangan orang Islam.

Di kalangan bukan Islam, itu terserah kepada mereka iaitu menurut pandangan agama mereka. Ahli Yang Berhormat bagi Kota Baharu juga kena faham keadaan tersebut iaitu dalam Islam ada adab-adabnya kita boleh menyatakan pandangan tetapi masih dalam keilmuan Islam. Saya rasa pembahasannya itu terlalu *detail* dalam perkara ini cuma yang satu lagi iaitu *atta'farruk*, dengan izin iaitu yang boleh menimbulkan perpecahan, itu akan ditangani. Wallahhu-alam.

[Soalan No. 9 – Y.B. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) tidak hadir]

[Soalan No. 10 – Y.B. Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) tidak hadir]

[Soalan No. 11 – Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) tidak hadir]

12. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan Sibu terletak di zon tengah negeri Sarawak. Bagaimana Kementerian menarik pelabur asing agar mendirikan kilang di Sibu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan menambahkan peluang pekerjaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah penggalakan bagi menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia masuk ke negeri Sarawak. Langkah-langkah tersebut termasuk:

- (i) memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;
- (ii) memberi kelonggaran syarat ekuiti yang mana pelabur asing dibenarkan memiliki 100% ekuiti dalam projek perkilangan tanpa sebarang syarat eksport;
- (iii) melonggarkan dasar pengambilan pegawai *expatriate* bagi projek perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan;
- (iv) mempercepatkan proses pemberian kelulusan permohonan lesen pengilangan bagi kebanyakan projek pengilangan;
- (v) memperkenalkan insentif baru dan memperbaiki insentif sedia ada dari semasa ke semasa, contohnya menaikkan kadar pengecualian cukai di bawah insentif taraf perintis daripada 85% kepada 100% dan menaikkan pendapatan *statutory* di bawah insentif elaun cukai pelaburan daripada 80% kepada 100% bagi syarikat yang menjalankan projek pengilangan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (vi) mengambil langkah-langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan;
- (vii) mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk kerajaan negeri dan kerajaan tempatan; dan
- (viii) menganjurkan misi penggalakan perdagangan dan pelaburan ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri berperanan dalam usaha menarik pelaburan asing ke negeri dan kawasan-kawasan yang berpotensi. Ini termasuklah:

- (i) mengambil bahagian dalam misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (ii) mempromosikan peluang-peluang pelaburan yang wujud di negeri masing-masing;
- (iii) memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan menawarkan pakej-pakej insentif khas bagi menarik pelaburan dalam industri yang digalakkan.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan menteri atas jawapan yang diberikan kepada soalan saya. Bolehkah saya mengemukakan satu cadangan supaya pada masa yang akan datang, semasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri membuat misi perdagangan ke negara luar, bolehkah kementerian memberi tahu Majlis Perbandaran Sibu supaya SMC (*Sibu Municipal Council*) dapat menghantar satu atau dua orang kaunselor menyertai misinya menjemput pelabur asing datang ke Sibu untuk melabur. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, MITI sentiasa menghantar jemputan kepada kerajaan negeri dan juga pihak swasta untuk menyertai misi perdagangan dan pelaburan MITI, insya-Allah kita akan hantar juga kepada Majlis Perbandaran Sibu pada masa yang akan datang.

13. Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan banyak Industri Kecil Sederhana (IKS) negara kita berminat berniaga dan melabur di negara China dan India. Adakah kerajaan mempunyai rancangan dan galakan untuk membantu IKS kita dalam pelaburan mereka.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan IKS tempatan untuk bersaing dan merebut peluang perniagaan yang wujud di luar negara termasuk di India dan China.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan syarikat Malaysia termasuk IKS berniaga dan melabur di luar negara ialah:

- (i) menyediakan insentif cukai dalam bentuk pengecualian cukai sepenuhnya ke atas keuntungan yang dibawa balik hasil pelaburan di luar negara dan elaun tahunan sebanyak 20% selama lima tahun ke atas kos pengambilan alih syarikat milik asing di luar negara oleh syarikat tempatan bagi tujuan mendapatkan teknologi tinggi dan pasaran eksport;
- (ii) menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke pasaran-pasaran baru, berpotensi bagi mengenal pasti peluang-peluang pelaburan di negara-negara berkenaan;
- (iii) menganjurkan seminar domestik untuk syarikat tempatan mengenai peluang-peluang pelaburan di negara-negara tersebut;
- (iv) menubuhkan unit pelaburan seberang sempadan di MIDA pada akhir tahun 2002 untuk menyelaraskan dan menggalakkan pelaburan Malaysia di luar negara;
- (v) melaksanakan program pembangunan *enterprise* kecil dan sederhana (EKS) secara bersepatu seperti program dengan izin, 'start 500' dan global *supply programme* oleh SMIDEC bagi tujuan mewujudkan pembekal dan pengeluar bertaraf global; dan
- (vi) mewujudkan MATRADE - *programme and top* dengan izin bagi membantu syarikat bumiputera yang berpotensi terutamanya EKS memasarkan produk mereka di pasaran luar negeri. Syarikat yang terpilih akan memberi bantuan dalam aktiviti galakan eksport dalam tempoh tiga tahun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini merupakan soalan yang baik dari Yang Berhormat bagi Bakri. Bolehkah Yang Berhormat terangkan selain daripada insentif cukai, elaun tahunan berapa peratus, misi dagang, seminar, unit pelaburan juga program bersepadu dan lain-lain aktiviti MATRADE. Apakah kajian kementerian untuk menempatkan syarikat-syarikat EKS ini di *niche-niche* ataupun di dalam industri yang kita mempunyai peluang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini ialah kerana negara China dan India mempunyai kelebihan dari beberapa segi termasuk bilangan kependudukan, mereka

mempunyai lebih daya saing mengenai IKSnya berbanding dengan Malaysia tetapi memang Malaysia mempunyai kelebihan juga di beberapa segi termasuk bahasa dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan Yang Berhormat. Kementerian sudah tahu itu semua Yang Berhormat. Soalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sudah tanya pada mulanya Tuan Yang di-Pertua. Pada mula itu ada soalan [*Dewan riuh*]

Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: Hah, Kota Baharu pun tahu dah itu soalan. Tidak habis lagi, ada sambungan. Sambungan bukan IKS sahaja itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan. Soalan Yang Berhormat. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah kajian itu, saya bermula dengan apakah kajian [*Dewan riuh*] Itu soalan. Tetapi hendak kaji apa? Saya bagilah butiran sedikit dalam bidang yang hendak kita kaji itu. Itulah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ketereh tak baiklah macam itu. Kita cuba hormat kepada Tuan Yang di-Pertua. Hormat kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya pandang kepada dia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Merapu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan. Soalan Yang Berhormat. Cepat Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, itulah. Apakah kajian mengenai hal-hal *niche*. *Niche* yang Malaysia perlu ada untuk bersaing dengan negara-negara dwi-negara ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapulah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita telah berbincang perkara sebelum ini, Malaysia mempunyai beberapa *niche* dalam bidang-bidang tertentu seperti ENE, bidang *machinery*, bidang kimia, bidang yang berteraskan kepada komuniti.

Salah satu daripada perancangan kerajaan untuk meningkatkan daya saing SME dalam untuk meletakkan SME dalam global *supply chain*. Di sini kita telah pun melaksanakan program yang kita namakan sebagai *industrial linkage programme*. Yang Berhormat terkejut sangat itu.

Untuk makluman Dewan, daripada tahun 1997 hingga 2002 sebanyak 222 SME telah berjaya masuk dalam global *supply chain* melalui *industrial linkage programme* yang melibatkan penjualan pada tempoh tersebut sebanyak RM335 juta.

Dato' Chua Jui Meng [Bakri]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat Dato' yang di bawah pimpinan menterinya telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa dalam aspek-aspek ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Kita nampak sekarang di dunia, negara China telah muncul sebagai satu kuasa ekonomi di antara yang terbesar sekali di dunia. Umpamanya di dalam aspek mikro iaitu suatu petunjuk perkembangan ekonomi sesebuah negara iaitu penggunaan besi keluli. China sudah jadi nombor satu di dunia di dalam pengeluarannya dan penggunaannya. Pada masa ini, walaupun menjadi pengeluar yang terbesar di dunia masih mengimport banyak besi keluli. Sudah tentu China sudah menjadi suatu pasaran *consumer* yang terbesar sekali sekarang di dunia dan mempunyai banyak kelebihan di dalam aspek-aspek ekonomi mereka dan sekarang sudah melebihi Jepun daripada aspek lebih perdagangan dua hala dengan Amerika Syarikat, keuntungan lebih besar daripada Jepun sekarang.

India sudah bangkit semula, Projek Lebu Raya Utara Selatan dibina sepanjang 8,000 kilometer, Lebu Raya Timur-Barat sekarang dibina dan mereka sudah ada kelebihan di dalam subsektor ekonomi seperti bioteknologi, ICT, *business out-sourcing* dan lain-lain lagi.

Soalan saya ialah sama ada kita sudah memberi keutamaan kepada benua kita sendiri iaitu Asia termasuk Timur Tengah, berbanding dengan Amerika Syarikat dan Eropah. Jika jawapannya ya, apakah tindakan-tindakan dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian Yang Berhormat Dato' yang menunjukkan keutamaan telah diberikan kepada benua kita sendiri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ada dua peringkat yang mesti kita lihat dalam konteks kita meletakkan China dan India sebagai negara ekonomi yang penting. Pada peringkat Asean, kita telah pun

Di samping itu, di bawah *Married Woman and Children Maintenance Laws* juga ada peruntukan mengenai perlindungan hak anak dan wanita. Sekian, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih. Saya amat terkejut mendengar jawapan dari Timbalan Menteri. Ini masalah yang begitu jelas dan terbukti berlaku setiap hari. Walaupun perintah mahkamah telah diberi mengikut *Marital and Divorce Act*, tetapi wanita ini mangsa-mangsa yang diceraikan oleh suami-suami yang tidak bertanggungjawab ini tidak dapat menguatkuasakan perintah tersebut. Untuk mendapatkan perintah nafkah ini juga mereka mengalami kesulitan. Kes mahkamah ditangguh, selepas itu kalau bekas suami bayar beberapa bulan selepas itu tidak bayar, bekas isteri-isteri ini kena pergi balik ke mahkamah untuk minta mengemuka dan mengesahkan perintah tersebut. Mereka kena bayar wang cagaran.

Jadi, saya terkejut Timbalan Menteri langsung tidak faham apa masalah dihadapi oleh wanita. *[Disampuk]* Masuk undilah kata hendak undi wanita. Jadi, saya pohon, saya hendak cadangkan sebab setahu saya pihak NGO, wanita telah banyak mengemukakan memorandum kerana masalah ini. Saya ingin pohon Timbalan Menteri balik untuk mengkaji semula akta ini. Sekian.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyatakan di bawah akta ini iaitu Akta Perkahwinan dan Perceraian 1976, tidak memberi perlindungan kepada kaum wanita, tidak benar. Di bawah Seksyen 77 di mana wanita atau isteri yang telah diceraikan, mereka akan diberi perlindungan atau bayaran nafkah dan ini akan ditentukan oleh mahkamah. Dan di bawah akta tadi saya sebut *Married Woman and Children Maintenance Laws* juga ada peruntukan untuk memberi perlindungan kepada hak wanita. Ini telah menunjukkan bahawa di bawah akta ini wanita boleh....

Cik Fong Po Kuan: Duduklah I belum habis lagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Datuk Tan Chai Ho: Saya habiskan ini dahulu. Jadi, di bawah akta ini mengenai tuntutan pembayaran nafkah, adalah jelas iaitu ditentukan oleh mahkamah. Satu lagi saya faham di mana Yang Berhormat sentiasa bertanya apabila anak-anak yang sudah mencapai umur 18 tahun, di mana mereka tidak memberi penjagaan atau hak nafkah. Jadi, kementerian ini pun sudah mengkaji supaya akan meminta beberapa peruntukan di bawah akta ini termasuklah di bawah Seksyen 95 di mana kita akan

tentukan umur sampai berapa di mana anak-anak kepada isteri yang dicerai boleh dapat perintah penjagaan. Ini kita akan putuskan selepas kajian yang telah dibuat.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah tuntutan nafkah ini berlaku bukan kerana masalah undang-undang sahaja. Kita dapati memang ada peruntukan yang tertentu untuk melindungi isteri-isteri ini tetapi masalahnya dari segi implementasi. Kita dapati bahawa selalunya walaupun mahkamah sudah buat keputusan tetapi tidak dilaksanakan.

Jadi, apa yang kita hendak rayu dan minta kepada kementerian ialah untuk membantu, untuk mencari satu kaedah di mana kita boleh memastikan bahawa perkara-perkara ini dapat dikurangkan sama ada mungkin kementerian boleh mengkaji tengok, adakah cara di mana kita boleh peruntukkan suatu undang-undang di mana, kalau suami itu bekerja, mungkin daripada majikan boleh terus tolak gaji dia ataupun macam mana caranya supaya masalah ini begitu kian lama dan selalu sahaja dibangkitkan tetapi tidak dapat juga kita cari satu penyelesaian.

Jadi, saya di sini merayulah kepada kementerian supaya mengkaji tengok ada cara yang mungkin boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah ini sekali gus supaya perkara ini tidak timbul lagi. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari Yang Berhormat adalah sangat membina di mana.....

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Datuk Tan Chai Ho: Apa tu bising! Tadi dia sudah bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Tan Chai Ho: mencadangkan supaya kita mengkaji, dan ini adalah satu masalah di luar akta ini, jadi, kita kena kaji dari semua aspek. Jadi, inilah yang saya katakan tadi, Yang Berhormat telah cadangkan suatu idea yang sangat baik, jadi, kementerian ini akan mengambil perhatian mengkaji supaya kita boleh tolong kaum wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

15. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kementerian akan menyediakan peruntukan untuk membaiki pulih jalan di Jalan Sandy Plain dan Karamunting dengan penggunaan minyak aspal. Adakah rancangan untuk memanjangkan jalan tersebut ke Pelabuhan Sandakan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek melebarkan Jalan Sandy Plain dan Karamunting atau dengan lebih tepat Jalan Bokara sudah tersenarai dalam program projek jalan negeri. Oleh itu, tidak ada rancangan bagi kementerian ini untuk menaiktarafkan jalan tersebut. Ahli Yang Berhormat adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada kerajaan negeri untuk mendapat maklumat lebih lanjut berkaitan pelaksanaan projek jalan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Soal Jawab sudah habis.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” ***[Hari Keenam]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B.22 [Jadual] –
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila sambung jawapan dan habiskan, Yang Berhormat.

11.08 pagi

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih di atas peluang untuk saya menyambung penggulungan yang telah saya buat tempoh hari. Saya sudah pun menjawab soalan-soalan dari 11 Ahli Yang Berhormat dan hanya tinggal tiga lagi soalan-soalan yang dikemukakan oleh tiga lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin saya jawab pada pagi ini khususnya Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dari Sabak Bernam dan dari Ayer Hitam.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan ada mencadangkan beberapa cadangan khususnya mengenai keperluan pangkalan data (*data base*) di setiap kawasan Parlimen. Ini telah pun saya jawab dari segi perlunya pangkalan data yang ada sekarang dikemaskinikan dan sudah pun dibuat dalam tahun 1985, 1986 berhubung dengan 5,000 lebih kampung-kampung di seluruh negara di Semenanjung dan pangkalan data di Sabah dan Sarawak sudah tentu perlu dibentuk selaras dengan apa yang ada di Semenanjung.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan menimbulkan banyak persoalan mengenai kekurangan infrastruktur asas khususnya di negeri Sabah dan yang lebih khususnya di Kinabatangan sendiri. Saya ingin menyatakan bahawa di Kinabatangan, kementerian sudah pun memperuntukkan sejumlah RM79.5 juta untuk perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk empat projek jalan luar bandar, 80 projek jalan kampung, 17 projek elektrik luar bandar, 24 bekalan air luar bandar.

Sebenarnya kalau pun dirasakan masih kekurangan di Kinabatangan, RM79.5 juta ini adalah lebih tinggi daripada peruntukan yang diberikan kepada seluruh negeri Melaka iaitu RM73.5 juta, lebih tinggi daripada peruntukan yang diberikan kepada seluruh negeri Pulau Pinang – RM48.7 juta dalam lebih tinggi daripada seluruh

peruntukan untuk negeri Perlis – RM59.5 juta, iaitu betapa prihatinnya kementerian dan kerajaan untuk melengkapkan infrastruktur asas yang masih berkurangan di kawasan-kawasan khususnya di Sabah dan Sarawak dan peruntukan-peruntukan ini jelas membuktikan keutamaan yang diberikan.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga ada menimbulkan masalah pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang dilaksanakan oleh pelaksana-pelaksana lain khususnya JPPK di Kelantan, JPPS di Sabah dan JKR bagi projek jalan-jalan kampung dan juga projek-projek lain. Ini sebenarnya berhubung dengan kaedah dan dasar kerajaan sama ada kementerian perlu menubuhkan jabatan sendiri di setiap negeri yang sudah tentu....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya habiskan ayat ini dahulu, ... yang sudah tentu memakan kos belanja yang besar dan juga tentang penambahan birokrasi yang perlu diimbangi dengan betapa pentingnya peruntukan-peruntukan sebaliknya digunakan untuk terus sampai ke kumpulan sasaran. Jadi, sesuatu yang perlu kita teliti sebelum kita membuat keputusan supaya perlaksanaannya dikendalikan sendiri oleh kementerian dan justeru kementerian perlu melantik pegawai-pegawai dan menubuh jabatan-jabatan tertentu di seluruh negara seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, dua persoalan Yang Berhormat. Pertama, terima kasihlah banyak peruntukan yang boleh dikatakan telah diturun. Soalan saya, penjelasan ialah sama ada kementerian ada satu *time frame* tentang pelaksanaan jalan-jalan kampung, lima tahun lagikah akan selesai, sepuluh tahun lagikah. Berdasarkan jumlah kampung-kampung tradisional yang ada pada hari ini, apakah dapat digambarkan, bila jalan-jalan kampung ini dapat diselesaikan.

Selain masalah projek-projek yang telah diluluskan sama ada sewaktu pemimpin membuat lawatan, tetapi sehingga ada di antara kes-kes di mana projek yang diluluskan itu masih belum dilaksanakan. Di mana silapnya perkara ini berlaku

dalam kes-kes tertentu di mana apabila ada pemimpin-pemimpin yang datang meluluskan projek-projek tertentu tetapi apabila dirujuk kononnya tidak ada.

Saya bagi contoh dalam kawasan saya sendiri sebagai satu contoh, sudah beberapa kali saya ajukan perkara ini kepada mesyuarat permohonan daerah sebuah jambatan bernilai RM1.8 juta di Sungai Siputeh, yang amat memerlukannya bukan sahaja kemudahan orang-orang kampung tetapi juga pelajar-pelajar sekolah, sebagai contoh, sudah diluluskan lebih kurang tiga tahun yang lalu tetapi sehingga ke hari ini saya tidak tahu di mana silapnya. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah perkara ini berlaku disebabkan perubahan pertukaran projek yang sering juga berlaku kadang-kadang. Jadi, saya tidak lagi hendak sentuh tentang soal kontrak-kontrak jalan terutama yang sekarang ini telah diserahkan kepada pihak JKR untuk melaksanakannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat Larut, tentang sama ada kementerian mempunyai *time frame*, sememangnya ini merupakan daya usaha baru kementerian untuk membuat satu kajian yang agak menyeluruh tentang keperluan projek-projek luar bandar ini baik jalan kampung mahupun elektrik luar bandar dan seterusnya supaya kajian ini dapat menghasilkan satu bentuk keperluan yang menyeluruh di seluruh negara dan berdasarkan kepada keperluan ini untuk mewujudkan infrastruktur ini secara menyeluruh, berapakah dari segi keperluan perbelanjaan dan peruntukan dan seterusnya berapa tahunkah peruntukan-peruntukan yang diperlukan ini dapat diagihkan dapat dirancang supaya kita mempunyai satu *time frame* dan perancangan jangka panjang yang lebih tersusun, bilakah agaknya kemudahan-kemudahan asas ini dapat disediakan kerana sering kali kita mendengar semasa negara kita bergerak ke arah mencapai status negara maju 2020, apakah mungkin pada masa itu semua kemudahan asas ini sudah dapat disempurnakan dan kalau kita tidak mempunyai satu kajian yang menyeluruh mungkin ini sesuatu yang kita tidak dapat ketahui. Maka ini sesuatu yang kementerian sedang menumpukan perhatian pada peringkat awal dan insya-Allah saya kira apabila kajian ini dapat diselesaikan ianya akan memberi faedah kepada kita semua dari segi maklumat. Soalan seterusnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua, yang bangun Yang Berhormat. Sri Gading dengan Jasin.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Nanti saya hendak jawab ini Yang Berhormat Sri Gading, saya akan beri Sri Gading tetapi boleh saya minta duduk sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh, boleh, boleh.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Duduk sekejap, bahkan saya sudah janji Kalabakan, lepas ini saya bagi Kalabakan, lepas itu Sri Gading. Tentang soalan apakah terjadi kepada projek-projek yang telah diluluskan oleh pemimpin yang melawat satu-satu kawasan yang kemudiannya dua tiga tahun kemudiannya didapati projek itu sudah tidak ada.

Saya memang tidak mengetahuilah secara khusus kalau ada projek-projek khusus seperti jambatan yang disebut oleh Yang Berhormat tetapi apa yang pasti sekiranya projek-projek khusus ini dapat diberikan kepada kita maklumat, kita akan kaji, tetapi banyak yang kita dapati sebenarnya kalau ianya masih tidak terlaksana selepas beberapa tahun bahawa projek ini sebenarnya projek ini tidak pernah diluluskan secara rasmi begitu juga dengan apa yang ditimbulkan oleh Ayer Hitam, projek Parit Haji Ali kah yang kita *check-check* tidak ada apa rekod bahawa di kementeriannya - saya tidak tahulah projek ini diluluskan bila sama ada surat sudah dikeluarkan tetapi kalau ada maklumat yang lebih terperinci umpamanya kalau ada surat-surat kelulusan mungkin bawa kepada kementerian atau beri kepada saya dan kita akan *check* semula. Tetapi ialah samalah dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Larut.

Saya bimbang kadangkala apabila seseorang pemimpin datang ke satu-satu kawasan biasanya kalau ada permohonan-permohonan yang diberikan kebanyakan pemimpin akan mengatakan bahawa kita akan mempertimbangkan ya, kita akan timbang kerana jarang kita saya kira yang pemimpin boleh meluluskan terus, saya luluskan projek ini.....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Ketereh kena duduklah sebab saya sudah ada *booking* dua sudah Kalabakan dengan Sri Gading.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya jelaskan sikit, kalau boleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang ini telah diluluskan oleh.... hendak jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Telah pun diluluskan oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri, jambatan tersebut telah pun diluluskan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Diluluskan secara verbal?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dalam pengumuman dia buat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dan saya telah bawa dalam mesyuarat Pembangunan Luar Bandar, tetapi sehingga sekarang belum ada apa-apa tindakan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Okey, kalau begitu kita ambil maklumat terperinci.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Dari segi projek mana dan kita akan kajilah, cuma memang saya kita susahlah sebab kalau projek yang khusus-khusus seperti ini bagi kita yang tidak mengetahui mungkin kelulusan telah diberi dan sebagai dan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam bangun.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Ayer Hitam saya akan jawab, Ayer Hitam kemudian. Saya ada jawapan Ayer Hitam, Ayer Hitam boleh kemukakan. Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, apabila kita cerita fasal Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tentu sekali kita berharap penuh kepada kementerian ini untuk melaksanakan projek-projek. Tetapi bila kita dapati kementerian ini bukanlah agen pelaksana di Sabah dan Sarawak, mungkin di Kelantan bukan, jadi masalah. Apabila kita mahu merujuk mahu mengadu kepada tauke dalam kementerian ini mereka bukan tauke, jadi apa macam masalah rakyat boleh kita selesaikan.

Di Sabah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah yang mengendalikan semua projek federal di Sabah, ada yang datang daripada Jabatan Perdana Menteri, ada yang datang peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar, jadi mereka kementerian ini bukan agen pelaksana, jadi sekiranya ada masalah kelambatan, masalah macam-macam masalah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar tidak ada kuasa untuk tegur, ini kenapa, itu.

Kami wakil rakyat tidak mahu di mana mahu mengadu. Sebab nasib kami bergantung kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri Sabah JPPS demikian, mungkin di Kelantan. Jadi saya mahu supaya satu agen pelaksana, kalau ada peruntukan pun dibahagi kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar, jadi kalau ada masalah pelaksanaan kami hanya boleh mungkin mengadu kepada Kementerian kemajuan Luar Bandar. Sekarang ini bila kita mengadu kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar peruntukan datang daripada Jabatan Perdana Menteri di mana Pengarah ICU yang berkuasa. Jadi kami wakil rakyat ini jumpa Pengarah ICU, mungkin kalau disuruh kita jumpa, tidak setaraf. Kami punya taraf jumpa Menteri bukan jumpa Pengarah, ini kita punya masalah. Jadi saya memberi pandangan cadangan supaya semua projek pembangunan di bawah satu bumbung. Kalau Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar lah yang menjadi pelaksana supaya kalau ada pengaduan, rungutan daripada rakyat kami boleh jumpa Menteri, kami boleh jumpa Timbalan Menteri yang bijaksana ini, yang telah kami beri kedudukan dalam Majlis Tertinggi, jadi kini kita mahu supaya Timbalan Menteri ini bawa perkara ini dalam mesyuarat Kabinet mungkin, dibuat satu Kabinet paper dirumuskan bahawa semua projek-projek luar bandar di Sabah, Sarawak dan mungkin di Kelantan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Husin: Minta Sri Gading, kemudian saya cuba ulaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar. Tahniahlah kepada Menteri Luar Bandar dapat anugerah tertinggi daripada bintang nama Melakalah, sampaikan salam pada dia tahniah. Saya hendak mengingatkan semula Kementerian Luar Bandar, sejarah dia Tuan Pengerusi. Mula-mula apabila negara kita mencapai kemerdekaan tahun 1957, kerajaan Perikatan pada waktu itu melancarkan Rancangan Malaya, belum Malaysia, dua Rancangan Malaya. Saya terlibat Tuan Pengerusi

dengan urusan ini kerana kebetulan saya kerja dengan salah seorang pemimpin negara yang akhirnya menjadi Perdana Menteri yang ketiga Allahyarham Tun Husin Onn. Falsafah Tun Razak, ketika itu ialah hendak membangunkan dua pembangunan penting, pembangunan negara yang merangkumi seluruh kehidupan termasuk ekonomi dan pembangunan luar bandar yang dikhususkan kepada luar bandar yang waktu itu memang ketinggalan sangat, berjalan dengan sungai, belum ada jalan, elektrik tidak ada, air tidak ada, kemudahan asas ini tidak ada.

Maka disusun pembangunan yang khusus untuk menampung ataupun memberikan kemudahan yang lebih pantas kepada luar bandar. Masalahnya saya hendak tahu di kementerian ini kerana yang melancarkan ini dulu orang-orang lama, sekarang ini sudah orang baru, mungkin falsafah pembangunan ini sudah tidak ada pada mereka, sudah tidak ada. Saya tengok ada tiga perkara yang menjadi penghalang kepada kementerian ini yang menjadi rungutan nombor satu kewangan, kewangan dipegang oleh orang lain.

Saya percaya Menteri, Timbalan Menteri dan sesiapa sahaja di Kementerian Kemajuan Luar Bandar memang hendakkan peruntukan yang lebih besar tetapi Perbendaharaan akan potong, ini jadi masalah.

Yang kedua berkenaan dengan pelaksanaan, kelemahan-kelemahan dari segi pelaksanaan. Apakah kementerian kaji pelaksanaan-pelaksanaan yang menyebabkan banyak projek yang telah diluluskan tergendala?

Yang ketiga berkaitan dengan keutamaan. Ini lagi soal memilih keutamaan, mana yang hendak diutamakan, buat jambatan dahulu atau jalan dahulu? Hendak buat sekolah dahulu atau hendak buat air dahulu, ini keutamaan. Dari segi memilih keutamaan, kita tidak tahu siapa tangan-tangan yang tertentu dalam kementerian yang memilih keutamaan dan memilih keutamaan inilah kami semua wakil rakyat jadi mangsa. Bagi kami, ini projek keutamaan tetapi bagi pihak kementerian, agaknya ini bukan keutamaan - lain.

Jadi saya harap kementerian agaknya, kalau boleh, ini bukan nasihat tetapi pandangan saya, bolehkah kementerian kaji balik semula seluruh dasar pelaksanaan berkaitan dengan kementerian ini dengan segala kelemahan yang ada, yang memang terdapat hari ini diperbetulkan untuk menentukan bahawa rakyat yang telah pun 47 tahun merdeka ini, yang kalau masuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti,

akan jadi 52 tahun tertinggal, tercicir, air tidak ada, api tidak ada, jalan tidak ada, surau tidak ada, balai raya tidak ada, macam mana hendak mengatasinya?

Jadi saya ingat, ini menjadi renungan pihak kementerian, ini bukan soal hendak menyalahkan, tetapi hendak membina supaya kenal pasti balik sejarah asal pelancaran projek-projek perancangan luar bandar ataupun Dasar Pembangunan Luar Bandar itu dikenal pasti balik dan dikaji. Terima kasih Dato'.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Nampaknya kedua-dua persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan dan Sri Gading mempunyai unsur-unsur yang sama berhubung dengan pelaksanaan projek-projek luar bandar, dan koordinasi yang lebih cekap supaya projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih memuaskan hati semua pihak.

Memang seperti mana yang digariskan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa terdapat beberapa kekangan, *constraint* seperti ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi dahulukah?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Biar saya jawab dahulu ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi lagi Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Pengerusi, biar saya jawab sebab saya bimbang kerana tadi saya berjanji dengan Tuan Pengerusi, saya hanya memerlukan sepuluh minit. Pada hari Khamis yang lepas, saya sudah pun menggulung lebih satu jam. Jadi kalau masanya tidak menjadi halangan, saya tidak ada keberatan, itu terserahlah kepada Tuan Pengerusi nanti. Tetapi biarlah saya menjawab kedua-dua soalan yang begitu penting, yang diajukan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, sahabat karib saya, Kalabakan dan Sri Gading. Memang terdapat kekangan-kekangan yang disuarakan dengan tepat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading iaitu kewangan, pelaksanaan dan keutamaan. Kita masih beroperasi di dalam lingkungan kekangan-kekangan ini.

Saya agak tertarik dengan sedikit sejarah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan hanya apabila terkenang kepada 40 tahun dahulu, atau 30 tahun yang dahulu, terfikir di dalam fikiran saya, apakah semasa itu tidak ada

kekangan terhadap Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini, tidak ada masalah yang dihadapi oleh mereka pada masa itu, manakala masalah begitu banyak yang dihadapi oleh kita hari ini ataupun masalah yang sama juga dihadapi bahkan lebih banyak pada masa itu kerana dari segi keperluannya begitu meluas. Setelah 47 tahun kita merdeka dan mengisi kemerdekaan ini dengan prasarana-prasarana dan infrastruktur sudah tentu keperluannya seharusnya menjadi berkurangan. Kalau dahulu 90% ketiadaan jalan kampung, barangkali hari ini mungkin tinggal 30% atau 20% bergantung kepada tempat.

Jadi maknanya senarionya mungkin tidak banyak berubah, tidak berbeza. Cuma mungkin ketidaksabaran kita pada hari ini adalah lebih tinggi, kerana kita tengok rata-rata keadaan bertambah baik, mengapakah di luar bandar orang ramai masih lagi tidak mempunyai keperluan asas yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Maka saya rasa ini adalah isu-isu penting dan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan, dari segi koordinasi, dari segi ICU dan Kementerian Wilayah.

Sebenarnya ICU, saya perlu ingatkan Yang Berhormat bagi Kalabakan, tidaklah semestinya ditadbirkan sepenuhnya oleh Ketua Pengarah, ia juga berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya kira kalau Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan tidak puas hati dengan ICU, ia tidak seharusnya berhenti setakat Ketua Pengarah sahaja.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun, hendak bagi tidak Yang Berhormat?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Biar dahulu, Jasin tunggu, Yang Berhormat Datuk yang baru, minta sabar sedikit. *[Ketawa]* Tahniah Datuk. Saya rasa walaupun ada kekurangan, Ahli-ahli Yang Berhormat di sini boleh mengemukakan pandangan kita kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga kepada Jabatan Perdana Menteri, di mana ICU berada di bawahnya. Memang lebih senang kerja saya kalau semuanya di bawah kementerian kita, tetapi ini hakikatnya bahawa pelaksanaan di Kelantan dan Kedah umpamanya adalah di bawah bidang kuasa ICU.

Ini juga berhubung dengan satu persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Sabak Bernam, iaitu jawatankuasa di peringkat daerah tidak bolehkah jawatankuasa pelaksana ini ditubuh dengan Ahli Parlimen menjadi Pengerusi dan dihadiri atau disertai oleh ahli-ahli lain? Ini merupakan soalan yang sering

ditimbulkan. Apabila dikaji cadangan ini mungkin bertentangan dengan arahan. Arahan nombor satu ini, dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada ICU supaya ICU seterusnya membentuk jawatankuasa di peringkat daerah yang diketuai oleh pegawai daerah dan diahlikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri.

Jadi di sinilah kita mengalami sedikit kesusahan dari segi prosedur yang sudah ada, arahan yang sudah dikeluarkan oleh kerajaan dan cadangan-cadangan baru mestilah diselaraskan dengan apa yang sudah wujud tersebut. Jadi, kalau saya boleh teruskan kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menimbulkan beberapa isu iaitu satunya, Gerakan Daya Wawasan (GDW), betapa pentingnya pembinaan insan, mewujudkan rasa tanggungjawab di kalangan pemimpin-pemimpin di desa, *accountability* dan sebagainya, memang ini juga telah saya jawab dalam soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tetapi ingin saya nyatakan berhubung dengan itu, betapa setiap tahun kita ada pertandingan Kampung Cemerlang, ini dari segi wawasan, dari segi produk-produk yang dihasilkan, dari segi kepimpinan dan sebagainya dan biasanya kampung yang menjadi johan itu cukup baik, cukup dinamik. Saya kira yang menjadi johan, salah satunya di Selangor, Sungai Helang kalau tidak silap saya, yang cukup baik, yang sering dilawati, jadi bagaimanakah kampung-kampung lain dapat mencontohi dengan projek-projek ekonomi yang berdaya maju, dengan kepimpinan masyarakat dan seterusnya. Jadi, ini akan diteruskan. GDW ini merupakan satu usaha yang akan diteruskan dan insya-Allah akan membawa kejayaan yang lebih besar.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam juga ada mencadangkan tentang Jawatankuasa Khas yang sudah saya jelaskan, masalah pertindihan dengan prosedur yang sudah ada dan seterusnya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ada menimbulkan tentang perlunya dibina gerai-gerai untuk pengusaha-pengusaha di luar bandar dan di kampung-kampung.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian telah membina sebanyak 132 unit premis kilang, 246 unit premis bengkel dan 839 unit premis gerai perniagaan dibina di atas tanah kerajaan. Selepas dibina, pihak berkuasa tempatan diberi tanggungjawab untuk mengendalikan dengan menyewa beli kepada usahawan-usahawan tempatan untuk kegunaan premis tersebut.

Jadi apa yang dicadangkan untuk pelaksanaan ataupun pembinaan gerai-gerai ini sememangnya dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan akan pasti diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, insya-Allah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Minta Jasinlah dahulu. Sabak Bernam bagi Jasin kemudian Sabak Bernam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak mengingatkan kepada rakan saya Timbalan Menteri bahawa ada juga projek-projek seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Larut tadi juga berlaku di kawasan saya. Ketika itu Ahli Parlimen Jasin ini Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah meluluskan satu projek jalan daripada Air Barok ke pekan Jasin di mana peruntukannya sebahagiannya telah sampai ke peringkat negeri, pengambilan tanah telah dibayar dalam Rancangan Malaysia Keenam lagi. Sehingga hari ini jalan itu tidak dilaksanakan. Kawasan-kawasan tanah yang telah dibayar daripada orang kampung pada hari ini di tepi pinggir bandar Jasin sudah menjadi hutan baru. Oleh demikian saya berharap supaya kementerian dapat perhatikan balik projek ini yang mana telah diluluskan semasa Rancangan Malaysia Keenam lagi. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Seperti yang saya sebutkan Tuan Pengerusi bahawa projek-projek spesifik khusus seperti ini kita akan ambil maklum dan akan mengkaji di peringkat kementerian di manakah projek ini, apakah yang terjadi daripada Rancangan Malaysia Keenam sudah sampai sekarang, tidak tahu kita apa yang terjadi dan kita akan carilah. Silakan Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang pertama tadi saya hendak betulkan Kampung Sungai Apung bukan Sungai Lang. Yang keduanya ialah berkaitan dengan isu pembentukan jawatankuasa pembangunan ataupun bertindak. Saya memberikan pandangan begini Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya

jawatankuasa ini boleh dibentuk tanpa menyalahi peraturan *general order* ataupun sebagainya sebagai satu nilai tambah kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang ada di daerah.

Saya boleh umpamakan - saya tidak tahu apa yang saya buat ini salah ataupun dari segi GO ini umpamanya hendak menyelesaikan isu salah guna dadah yang ada 480 orang di daerah Sabak Bernam. Saya mewujudkan satu jawatankuasa khas di mana semua ketua jabatan di daerah itu termasuk pegawai daerah saya panggil. Jadi nampaknya mereka datang.

Tetapi yang saya hendak kaitkan ini memberikan satu nilai tambah kepada agenda di peringkat daerah di mana kita nampak bahawa kita boleh memainkan peranan secara khusus untuk meningkatkan lagi khidmat kita kepada rakyat. Itu perkara yang kedua dan perkara yang ketiga ialah institusi JKK, Ketua Kampung ini. Saya bersetujulah macam Sungai Apong itu menjadi salah satu daripada kampung yang mendapat anugerah kerana sebenarnya kepimpinan.

Tetapi di banyak kampung daripada 75 kampung di Sabak Bernam itu kita dapati banyak kampung-kampung ini, ketua kampungnya tidak menjadi satu unsur yang melancarkan pembangunan di satu-satu kawasan. Seheinggakan saya pernah mencadangkan di peringkat negeri supaya diadakan pilihan raya untuk memilih seorang ketua kampung kerana sifat dan sikap kepimpinan ketua kampung ini sangat penting. Jadi kalau mereka ini bukan sahaja perlu dimotivasikan, diberi ilmu dan kemahiran komunikasi tetapi kalau mereka ini tidak membangunkan dirinya maka ia akan memberikan kesan kepada kampungnya.

Perkara yang akhirnya yang ingin saya berikan pandangan ialah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai gerai ataupun kedai PLB yang saya nyatakan ialah ada kampung-kampung tertentu sudah tidak ada tanah kerajaan. Tetapi kita nampak di situ ada gerai ataupun kedai yang dibangunkan berjaya. Jadi tanah *reserve* ataupun *reserve* KPS ataupun *reserve* JKR.

Jadi saya memberikan pandangan ataupun mencadangkan boleh atau tidak pihak kementerian KPLB ini memberikan satu kelonggaran, kekecualian di mana ada orang kampung yang bersetuju menyumbang sebahagian daripada tanahnya untuk tempoh sepuluh ke lima belas tahun untuk gerai itu dibina bagi manfaat kampung itu. boleh ataupun tidak kekecualian itu diberikan kerana biasanya gerai ini hanya boleh dibina di tanah kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Pertamanya saya ucapkan terima kasih di atas pembedahan Sungai Apong. Keduanya, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat tentang institusi JKK yang menjadi penggerak utama kepada kejayaan kampung khususnya dalam konteks GDW ini kita dapati bahawa GDW yang lebih berjaya yang lebih cemerlang adalah merupakan GDW yang mempunyai ketua-ketua kampung yang begitu dinamik.

Manakala ada juga GDW yang lembap yang tidak berdaya maju dan kebanyakannya sebenarnya bergantung kepada kepimpinan ketua kampung. Jadi saya amat bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam dan apa yang perlu dibuat mungkin ialah mencari satu sistem di mana pemimpin-pemimpin kampung yang tidak berdaya maju seharusnya ditukar supaya memberi peluang kepada mereka yang lebih berminat dan lebih mampu untuk memimpin kampung sama ada melalui pilihan raya atau apa jua kaedah yang boleh diterima bersama.

Ketiganya ialah tentang gerai-gerai - pengecualian untuk dibina di atas tanah-tanah persendirian. Di sini saya nampak mungkin kemusykilan yang timbul ialah gerai-gerai yang dibina ini biasanya disewa belikan kepada pengguna. Jadi kalau dibina di atas tanah-tanah persendirian mungkin apakah yang terjadi sekiranya tuan punya tanah itu mengambil gerai-gerai. Apakah gerai itu patut di roboh semula kerana tanah itu tanah dia. Jadi mungkin ini sesuatu kita boleh fikirkan saya kira.

Saya sengaja tidak sentuh tadi yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya hendak simpan sebagai yang terakhir yang saya jawab iaitu dari segi jawatankuasa khas yang dibentuk. Nampaknya apa yang dibentuk oleh Yang Berhormat cukup berjaya khususnya menangani masalah salah guna dadah. Saya yakin bahawa jawatankuasa khas ini memang dapat dibuat kerana kalaulah ia menangani isu-isu yang tidak berhubung dengan pelaksanaan projek saya rasa ini senang, hendak buat salah guna dadahkah atau apa-apa sahajalah.

Jadi ini tidak dianggap mencampuri bidang kuasa, bidang tugas yang lain. Kalau kita sudah ada satu jawatankuasa daerah di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh DO dan ahli-ahlinya terdiri daripada Ahli Parlimen, ADUN dan sebagainya yang mengendalikan pelaksanaan projek dan merancang projek-projek manakah di kampung-kampung ini atau di daerah ini yang perlu diangkat kepada SGO dan seterusnya kepada kementerian.

Maka kalau kita ada jawatankuasa lain yang juga merancang perkara-perkara yang sama saya kira ini takut menimbulkan masalah apa pula kata DO, apa pula ahli-ahli di dalam jawatankuasa tersebut, seolah-olah ada dua jawatankuasa yang cuba menangani masalah yang sama. Ini susah sedikitlah bagi saya berbanding tentang salah guna dadah ataupun meningkatkan kecekapan anak-anak ataupun pelajaran anak-anak di kampung ataupun di daerah.

Jadi soal-soal sosial, soal-soal kemasyarakatan berbanding dengan soal-soal projek, saya rasa adalah lebih sensitif. Jadi kalau dipersetujui oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, saya ucapkan terima kasih kepada beliau. Dan terus kepada yang akhir, persoalan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Gelang Patah, mengenai apa? Ayer Hitamkah?

Puan Tan Ah Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okeylah, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Puan Tan Ah Eng: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin merujuk balik kepada projek yang telah diluluskan tetapi tiada tindakan yang diambil sampai hari ini.

Yang Berhormat, saya telah diberi tahu oleh bekas Ahli Parlimen bagi Gelang Patah bahawa beliau telah diberikan satu peruntukan khas untuk membangunkan kawasan luar bandar berjumlah RM500,000 dan beliau telah menghantar dua permohonan kepada kementerian. Salah satunya ialah untuk membina satu jalan dari jalan utama sampai ke Kampung Sungai Melayu, yang merupakan sebuah kampung tradisional di kawasan saya tetapi sampai hari ini tiada apa-apa jawapan daripada kementerian dan saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah projek ini akan dilaksanakan oleh kementerian sebab saya selalu ditanya oleh penduduk-penduduk di Kampung Sungai Melayu. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Projek Sungai Melayu ini yang dikatakan telah pun diluluskan oleh Yang Berhormat sebelum ini, juga sama dengan projek-projek khusus yang lain. Kita kena teliti di peringkat

kementerian cuma saya ingin menyatakan bahawa kalau ada apa-apa kelulusan, lebih baik ada surat-surat yang menunjukkan kelulusan tersebut supaya senang sedikit kita hendak *check*. Kalau setakat dengan mulut ...

Puan Tan Ah Eng: [*Menyampuk*] Surat sudah dihantar.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, surat tentu sudah dihantar tetapi surat kelulusannya, surat yang hendak minta projek itu memanglah boleh dihantar tetapi surat kelulusan daripada kementerian, adakah? Kalau ada surat itu boleh bawa, senang sedikit. Tentang surat mana, siapa yang sains, di mana. Saya bimbang yang ramai dok kata "itu lulus, ini lulus", ini secara mulut, secara yang tidak rasmi. Jadi kita cepat cakap kepada orang kampung "ini sudah lulus, itu lulus", orang kampung cepat juga percaya dan orang kampung dia orang senang, *simple people*, bila kita kata lulus, luluslah, dia nak tengok bila.

Saya rasa elok benda-benda macam ini kita pastikan dan saya rasa tidak ada masalah, Yang Berhormat boleh beritahu kepada saya, bagi surat, kita *check*. Saya pun baru, jadi saya tidak ada sejarah dari segi ingatan tetapi kalau bagi tahu, insya-Allah kita boleh *check*, kita akan maklumkan. Cuma saya khawatir kalau yang lama-lama, dari Rancangan Malaysia Keenam umpamanya yang dikatakan lulus, tidak dibuat-buat lagi sehingga hari ini, mungkin susah hendak dikatakan ada lagilah tetapi kita *check* juga.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Datuk Haji Hasan bin Malek: [*Bangun*]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Ketereh, kemudian ... ya Yang Berhormat bagi Ketereh dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jawab cepat sikit ya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bangun sebenarnya sebab saya tengok, saya dengar banyak kali sangat soal pemimpin pergi, pemimpin lulus kemudian benda tidak berjalan. Saya hendak berkongsi sedikit pengalaman saya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kemungkinan yang berlaku ialah biasanya pemimpin pergi, terutama Tun Ghafar dulu sebab kebetulan saya menjadi pekerja selepas Tun Ghafar menjadi Menteri Pembangunan Luar bandar, diganti oleh saya duduk sebagai pekerja di situ.

Biasanya pegawai tidak ikut, bila pemimpin pergi, Menteri pergi, pegawai tidak ikut. Pegawai Menteri pergi – Setiausaha Sulit pergi, Setiausaha Sulit Kanan pergi, Setiausaha Politik pergi tetapi pegawai – Setiausaha Bahagiankah – pegawai yang menjaga, *desk officer*, tidak ikut atau dia ikut tetapi dia tidak catat, atau dia catat dia tidak lapor atau dia lapor tetapi tidak ada tindakan. Sebenarnya itu yang berlaku.

Saya bagi *classic example* di kawasan saya sendiri, Jambatan Tok Ayah Ali diluluskan oleh Almarhum Tun Abdul Razak pada tahun 1963, bila Tun Ghafar ambil alih, ia diluluskan sekali lagi, tidak tulis dan akhirnya bila Ahli Parlimen kawasan saya jadi menteri, bila disemak memang ada rekod yang mengatakan telah diluluskan tetapi tidak ada tindakan. Akhirnya terpaksa dilaksanakan pada masa beliau menjadi Menteri – jambatan yang berharga kita cadang hanya berharga RM100,000 tetapi satu lagi masalah, kita panggil JKR sebagai konsultan, JKR dia ada harga dia, dia ada standard dia, jambatan daripada berharga RM200,000 akhirnya jadi RM2.4 juta!

Jadi saya mencadangkan supaya pada setiap lawatan Menteri atau Timbalan Menteri, kita kena paksa kalaulah paksa mungkin bahasanya kasar tetapi maksudnya hendak mencari kemuliaan kepada Dewan ini, pegawai kena ikut untuk memuliakan pemimpin tersebut. Kemudian pegawai balik, pegawai catat, kemudian laporkan semula kepada KSU, kalaulah tidak ada dalam vot, tidak ada dalam kepala, dia boleh dimasukkan – kalau jambatan ia boleh dimasukkan dalam *open vote* yang memang sudah ada, kecuali projek itu terlalu besar, barulah masukkan ke dalam Mid-Term Review atau yang lain. Saya ingat itu yang banyak berlaku dan saya mengalami perkara ini tetapi ini boleh diselesaikan kerana saya tengok peruntukan-peruntukan adalah besar – jalan ada RM147 juta dan berbagai-bagai. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, saya baru balik dari kawasan, sekarang ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melantik JKR untuk melaksanakan JKR sudah tidak lantik konsultan. Saya ada satu kelulusan jabatan di mana bajet yang diluluskan ialah RM40,000, bila pergi kepada JKR, Tuan Pengerusi, JKR pergi tengok dan mengatakan jambatan ini tidak boleh dibuat dengan harga RM40,000, kena buat dengan kos RM200,000. Maka akhirnya permohonan rakyat yang telah diluluskan itu tidak dapat dibuat kerana duit tidak cukup sebab spesifikasi yang dibuat oleh JKR adalah spesifikasi biasa – dengan *material of strengthnya*, dengan simennya sedangkan perkara yang diminta hanyalah titi sahaja. Jadi saya minta Yang

Berhormat Timbalan Menteri kajilah benda ini dan kementerian memerhatikan supaya ia menjadi lebih baik. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, itu cadangan-cadangan yang boleh kita teliti supaya kelulusan-kelulusan yang dibuat nanti akan dapat diambil tindakan yang seterusnya supaya tidak berlaku ketinggalan projek-projek yang diluluskan ini sehingga begitu lama.

Datuk Haji Hasan bin Malek: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Pengerusi serta Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sebenarnya malas hendak berdiri hendak membincangkan isu ini tetapi rasanya saya terpanggil hendak cakap jugalah kerana ia membabitkan kawasan saya iaitu kemajuan luar bandar. Jadi kemajuan luar bandar yang saya sebutkan tadi samalah dengan apa yang Yang Berhormat bagi Ketereh sebut, soal JKR itu pun samalah – macam apa yang berlaku di Kuala Pilah dalam mana pada peringkat awal dalam pembinaan jalan-jalan kampung, saya telah menggariskan kepada 14 buah projek. Dalam lain perkataan, bila 14 projek ada 14 kampung terlibat dan 14 kontraktor akan mendapat keuntungan, tetapi bila diserahkan kepada JKR, oleh sebab standard dia, dia telah perkecilkan projek itu menjadi empat sahaja. Bila menjadi empat sahaja maknanya 10 kampung tidak mendapat manfaat daripada projek yang sangat baik ini. Sepuluh kontraktor lain tidak mendapat kerja ini.

Jadi saya samalah dengan kawan-kawan yang lain – Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, supaya dapat dikaji semula dasar ini kerana kemajuan luar bandar ini, bukan penduduk kampung berkehendakkan jalan yang tebal macam jalan raya yang JKR buat, bukan macam itu. Asalkan jalan itu ada sedikit diturap, cukuplah, memadai untuk mereka senang balik ke rumah dari surau, jalan ke ladang dan sebagainya. Jadi saya harap perkara ini dapat dikaji semula.

Selain daripada itu, Yang Berhormat, ialah berkenaan dengan kepegawaian tadi. Sebenarnya saya tidak ada apa-apa keraguan tentang soal kepimpinan dalam kementerian ini, cuma dalam pelaksanaan untuk pegawai ini ialah pegawai ini perlu dan perkara ini pun telah kita timbulkan dalam mesyuarat-mesyuarat pembangunan, baik di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri tetapi malangnya proses untuk hendak mengisi jawatan-jawatan yang kosong itu memakan masa yang lama.

Daerah Kuala Pilah sendiri saya telah bangkitkan soal kepegawaian ini untuk diambil maklum perkara ini dan telah pun diambil tindakan. Temu duga telah dibuat pada awal tahun ini tetapi sehingga hari ini pegawai-pegawai bagi jawatan-jawatan tersebut masih lagi belum diisi. Jadi bagi orang kampung mereka datang mengadu kepada kita. Dan yang malang sekali pula, misalnya pegawai-pegawai dalam soal misalnya macam guru-guru tadika, pembantu masyarakat, bila pegawai tidak ada, kelas-kelas tabika terpaksa ditutup dan bila ditutup mereka datang kepada kita semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Jadi saya harap akan mendapat perhatian daripada sahabat-sahabat untuk kemajuan luar bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Jelas bahawa pelaksanaan yang dibuat melalui JKR ini nampaknya menimbulkan beberapa persoalan. Pada mulanya kementerian memilih kaedah menyerahkan pelaksanaan kepada JKR ini untuk menjimatkan belanja kerana pelaksanaan jalan-jalan kampung dan projek-projek di luar bandar ini sebelum penyerahan kepada JKR dikendalikan melalui konsultan dan perbelanjaan yang dibelanjakan kepada konsultan berjumlah RM30 juta.

Jadi, kementerian merasakan mungkin RM30 juta ini kalau tidak dibayar kepada konsultan dapat ditumpukan kepada projek-projek yang lebih. Apabila dibincangkan dengan JKR, JKR bersetuju dan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan projek-projek ini tanpa melibatkan pembayaran RM30 juta, maka itulah sebenarnya *background* mengapa projek-projek jalan kampung dan sebagainya, diberi kepada JKR.

Puan Lim Bee Kau: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Padang Serai, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tetapi... Nanti saya siapkan sedikit ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Padang Serai boleh bersabar sekejap.

Kemudian nampaknya hari ini macam-macam, dari segi standard JKRnya lain sedikit dan dari segi cara mengendalikan kontrak-kontrak yang tidak dapat dipecah-pecah. Kita biasanya suka memecah-mecahkan supaya senang, projek kecil-kecil, bagi kepada ramai orang lagi bagus. Jadi, saya merasakan apa yang dirasakan oleh Yang Berhormat dan saya harap pegawai-pegawai kementerian ada ramai di sini mendengar rintihan Yang Berhormat pada hari ini dapat mengkaji semula, mungkin kita balik berbincang di kementerian kalau-kalau pendekatan ini kita dapat kaji semula dan mencari penyelesaian yang lebih baik.

Tentang KEMAS pula itu yang ditimbulkan, memang pengisian jawatan-jawatan juga agak *slow* kerana sekarang ini kebanyakannya perlu melalui JPA. Kita tidak lagi bebas macam dahulu. Dahulu bila ada kosong, kita boleh panggil KEMAS sendiri pun boleh, boleh panggil secara kontrak dan sebagainya. Sekarang ini banyak soal pelantikan dan sebagainya mestilah melalui JPA. Jadi, ini yang menimbulkan kelewatan dan saya juga merasai apa yang dirasakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah sebenarnya tentang masalah-masalah ini. Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Sebenarnya saya agak risau tadi daripada jawapan Timbalan Menteri berkenaan dengan daripada konsultan kepada JKR.

Saya hendak *stress* di sini ialah bahawa kita memang setuju bahawa JKR yang mengendalikan projek. Tetapi masalah yang timbul, saya rasa kita semua, Ahli Parlimen, mempunyai masalah yang sama, tetapi saya hendak bagi satu cadangan yang mungkin boleh mengatasi masalah ini iaitu kita dapati bahawa JKR kebiasaannya dia hendakkan *spec* dia, tetapi JKR ini sebagai agensi pelaksana sahaja, tetapi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang memberikan peruntukan.

Jadi, *the authority* yang ada *says* sepatutnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. *Still* Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah boleh bagi arahan supaya ikut projek peruntukan yang telah diluluskan dan dia akan *spec according to the amount*, bukannya daripada *spec* yang mereka tentukan.

Kalau projek yang hendak dibuat ini bernilai RM200 ribu, dia perlukan *spec* yang macam mana. Tetapi kalau kita hanya dapat peruntukan RM50 ribu, buatlah *spec according to RM50* ribu yang sedia ada. Jadi, dengan cara macam itu, mungkin kita boleh elakkan masalah yang berlaku ini dan saya rasa kementerian yang mempunyai kuasa untuk memberi satu arahan yang jelas bahawa JKR perlu buat ikut

spec ataupun amaun yang telah diagihkan, bukan mereka buat sendiri *spec* lain dan cadangan yang lain. I

Itu yang saya hendak cadangkan. Mungkin Yang Berhormat boleh lihat sama ada kaedah ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Itu satu cadangan yang boleh kita ambil ingatan dan berbincang. Tetapi saya rasa isu-isu lain juga ada, bukan soal tentang skop projek itu sahaja dan tentang *spec* projek itu. Jadi, seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah mengenai projek pelaksanaan kontrak-kontrak sama ada kontrak-kontrak ini dapat diperkecilkan supaya lebih ramai yang mendapat faedahnya berbanding dengan satu atau dua yang secara lebih besar. Jadi, tidak satulah, ada lagi isu-isu di sekeliling pelaksanaan melalui kaedah JKR ini yang perlu kita perhalusi dan saya rasa ini nampaknya pegawai-pegawai yang ada pada hari ini sudah jelas dan sudah memahami sentimen dan rintihan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Seterusnya saya hendak habiskan dalam masa dua atau tiga minit sahaja, Tuan Pengerusi iaitu Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ada mencadangkan pertamanya dari segi katanya ada di Ayer Hitam itu banyak usahawan kecil yang menjual macam-macam ini seperti kerepek dan lain-lain dan dicadangkan supaya ada kursus pembungkusan. Sebenarnya kementerian ada melaksanakan kursus pembungkusan dengan kerjasama SIRIM. Kementerian dan SIRIM ada menganjurkan kursus ini yang dikendalikan oleh SIRIM dengan peruntukan kementerian untuk melatih usahawan di seluruh negara untuk meningkatkan kualiti, reka bentuk dan jangka hayat produk yang dibungkus supaya tahan lama dalam pasaran. Mungkin kalau perlu ditambahkan, kita tambahkanlah.

Satu lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ialah dari segi penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Sebenarnya kita ada dua skop kerja setiap tahun dan peruntukan diberikan satunya kepada naik taraf dan satu lagi kepada penyelenggaraan. Setiap tahun disediakan peruntukan untuk kedua-duanya dan kebiasaannya penyelenggaraan ini dilaksanakan selepas tiga tahun. Namun begitu kalau ada cadangan-cadangan lain yang boleh membantu kita, ini tidak ada masalah.

Yang akhirnya seperti mana yang saya sebut tadi, Yang Berhormat, kalau jalan ini, tidak tahulah, kita masih tidak dapat kenal pasti Jalan Parit Haji Ali di mana, dari segi kelulusan, dari segi *hijack*nya yang Yang Berhormat sebut sejumlah RM450 ribu

ini sudah diluluskan dan di mana ianya berada dan keduanya sebelum Yang Berhormat bangkit dan respons, bekalan elektrik dan air, Yang Berhormat kata ada beberapa kampung. Jadi kalau boleh beritahu kampung-kampung mana itu, kita akan ambil perhatian dan mungkin dalam perancangan untuk tahun depan, kita pastikan kampung-kampung yang tidak mempunyai bekalan air dan elektrik ini sekiranya dapat ditambah bekalan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ada ini, ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis, Yang Berhormat? Baik, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ini sudah akhir ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat, sebenarnya apa maklumat yang kita perolehi itu memang ada pada Pejabat Daerah Batu Pahat. Saya minta mungkin pegawai di kementerian boleh dapat buat semakan dengan pihak DO kerana orang kampung tidak akan dapat satu angka sekiranya tidak diberitahu. Ini bukan satu angka yang dikhayalkan.

Satu lagi projek dekat Sawa Sagir itu, memang ada surat kelulusan dan akan dilaksanakan bila-bila masa, tetapi selepas itu disebabkan oleh persempadanan semula, projek itu *hijack*. Itu kita boleh minta peringkat daerah itu dapatkan maklumat yang tepat.

Tentang bekalan elektrik itu, selalu kita dapat jawapan semasa pembangunan daerah itu kata, memerlukan perbelanjaan RM60 ribu dan permohonan akan dikemukakan kepada kementerian. Saya tidak tahu perkara itu, jawapan sekadar untuk memuaskan Ahli Parlimen di peringkat daerah ataupun memang ada tindakan susulan. Kalau tidak ada, saya mintalah supaya badan itu kena bertanggungjawab. Kalau tidak, nama kementerian digunakan semata-mata untuk menjawab soalan. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kita boleh bersetuju pada pagi ini iaitu kedua-dua pihak kita cuba *check*, kalau Yang Berhormat kata ini daripada pejabat daerah, kita juga akan *check* dengan pejabat daerah. Tetapi kalau Yang Berhormat dapat juga maklumat, mungkin serahkan juga kepada kita. Jadi, dua-dualah *check* di sana dan bagi kepada kita dan pegawai-pegawai kita juga akan *check* di Pejabat Daerah Batu Pahat ini tentang Parit Haji Ali dan Sawa Sagir.

Tuan Pengerusi, saya mengakhiri penggulungan saya ini, minta maaf kalau mengambil masa yang lebih daripada yang diperuntukkan, tetapi semata-mata demi untuk memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat berpuas hati dengan tumpuan yang kita berikan di sini, selaras dengan tumpuan yang kita akan terus berikan di kementerian kita mengenai projek-projek yang sememangnya dianggap dan dirasakan penting kerana inilah projek-projek yang dinanti-nantikan oleh ramai penduduk kita yang berada di luar bandar. Bagi mereka inilah mungkin petanda-petanda kemajuan dan inilah pengisian-pengisian kemerdekaan yang mereka nantikan sekian lama.

Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang bertanya, yang mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan ini dan sekiranya masih terdapat ketidakpuasan hati, saya hanya memohon maaf dan mungkin secara peribadi di luar Dewan ini kita dapat teruskan perbincangan ini demi untuk kebaikan rakyat semua. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM576,866,500 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM576,866,500 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM952,547,500 untuk Maksud P. 22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM952,547,500 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.23 [Jadual] -
Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2005]**

USUL

**MEMOTONG RM10 GAJI MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen.

12.07 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mencadangkan satu Usul bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 010000 - Emolumen iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sebanyak RM10 di bawah Maksud Bekalan B.23, Butiran 010000 - Emolumen.

Saya mencadangkan Usul ini terhadap Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, oleh kerana kegagalan kementeriannya untuk menjalankan tugas dengan memuaskan dalam kes kemasukan sisa toksik dari Taiwan yang berlaku pada akhir tahun 2003.

Tuan Pengerusi, warga Malaysia telah dikejutkan oleh laporan di media Taiwan pada bulan Jun 2004 berkenaan kemasukan 12,000 tan metrik bahan sisa toksik industri ke Malaysia. Kami diberitahu bahawa selain 1,500 tan metrik dijumpai di sebuah bekas kilang pembuat batu bata, terdapat sebanyak 580 buah kontena lagi yang mengandungi bahan sisa toksik lebih kurang 12,000 tan metrik. Kejadian seperti itu memanglah suatu kejadian yang memalukan dan satu publisiti yang buruk untuk negara kita di kalangan komuniti antarabangsa.

Sisa toksik industri yang begitu banyak telah dimasukkan ke dalam negara kita tanpa pengetahuan kerajaan kita dengan izin, *worst of all we have to be told by another country media that there is toxic waste in our own backyard, what is our*

government doing? Selepas pembongkaran maklumat ini di media Taiwan dan surat-surat khabar di negara kita, Timbalan Menteri bertindak dengan segera untuk mempertahankan nama baik kementeriannya dengan memberitahu Dewan yang mulia ini, pada 9 Jun 2004 bahawa kementeriannya telah mendapat tahu kemasukan sisa toksik industri itu pada akhir tahun 2003.

Jikalau kerajaan telah mendapat tahu tentang kemasukan sisa toksik industri ke negara kita pada akhir tahun 2003, mengapakah rakyat Malaysia tidak diberitahu tentang perkara ini. Adakah wajar rakyat kita harus diberitahu tentang perkara ini oleh media asing. Apa telah berlaku kepada ketelusan mekanisme kerajaan yang sering diheboh-hebohkan. *Where is the transparency of the Barisan Nasional Government always most about and where is the right to inform of our* rakyat, dengan izin. Adakah ia patut untuk kerajaan kita agar menyorok informasi berkenaan atas kemasukan sisa toksik industri ini daripada rakyat kita, khususnya mereka yang tinggal atau yang bekerja di kawasan yang berdekatan dengan tempat menyimpan sisa toksik industri itu.

Kalau perkara ini tidak dibongkarkan oleh media Taiwan dan media tempatan, adakah tujuan kerajaan untuk terus senyap sahaja dan bertindak seumpamanya tidak ada perkara yang telah berlaku sepanjang masa. Pada 9 Jun 2004, Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar memberitahu kita di Dewan yang mulia ini, bahawa kementeriannya telah mengambil semua tindakan yang perlu dan wajar berkenaan sisa toksik itu. Saya akan memetik ucapan Timbalan Menteri yang dicatatkan di dalam *Penyata Rasmi Parlimen* bertarikh 9 Jun 2004.

Beliau berkata: *“Dengan itu kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar telah pun mendapat tahu perkara ini pada akhir tahun 2003. Ada ramai Ahli Yang Berhormat yang bertanya kenapa enam bulan tidak ada apa-apa tindakan. Kita telah mengambil semua tindakan yang perlu dan wajar, iaitu satu daripadanya ialah kita telah pun dengan izin, clear off the area, mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk pastikan bahawa tidak ada sebarang pencemaran kepada alam sekitar, khususnya kepada udara dan air. Jadi, ianya disimpan di kilang di mana yang dikatakan kilang membuat batu bata. Memang tidak ada sebarang aktiviti pembuatan batu bata, ia adalah satu kilang lama, kita telah clean off kawasan itu dan telah menyimpan barang-barang toksik itu di situ. Memang tidak ada sebarang leaking*

ataupun di mana pencemaran udara boleh berlaku". Itulah yang dikatakan oleh Timbalan Menteri.

Walaupun kementerian bertegas bahawa kementerian telah mengambil tindakan yang sewajarnya dan telah *clear off the area* tetapi gambar-gambar yang ditunjukkan oleh *Oriental Daily* yang bertarikh 9 Jun 2004 menunjukkan yang sebaliknya. Kandungan bahan sisa toksik terbiar berselerak di bawah jemuran matahari. Jadi terbuktinya bahan-bahan sisa toksik ini terbiar sedemikian sekurang-kurangnya enam bulan sebelum pembongkaran oleh media.

Ini adalah surat khabar yang berkenaan [*Menunjukkan keratan akhbar*].

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Chong Chieng Jen: Selepas itu awak boleh meminta tengoklah. Nanti saya akan terjemahkan untuk kamu. Pada pertengahan bulan Jun 2004, saya bersama dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga ada pergi melawat kilang membuat batu bata itu. Terdapat seorang *security guard* yang bertugas di kilang itu. Saya bertanya kepadanya siapakah yang mengupah beliau bertugas di kilang itu. Dia memberitahu saya bahawa pemilik kilang yang mengupahnya bertugas di sana, bukan kerajaan yang mengupahnya bertugas di sana. Kalau seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, kementerian telah *clear off the area*, bukankah kementerian harus mengupah seorang *security guard* untuk menjaga tempat itu dan juga bahan sisa toksik itu dengan sebaiknya supaya kelak bahan sisa toksik itu dapat digunakan sebagai bukti di mahkamah untuk pendakwaan pesalah-pesalah yang terlibat.

Tuan Pengerusi, seterusnya menerusi jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 7 Julai 2004 di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa pihak kementerian telah mengetahui perkara ini dan laporan polis telah dibuat pada 28 November 2003, sebelum pembongkaran isu ini di media Taiwan.

Orang ramai kemudian ditunjukkan bahawa langkah-langkah keselamatan seperti menempatkan buangan berkenaan di dalam satu kawasan berbumbung dan tidak terdedah telah diambil apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat tempat penyimpanan tersebut pada 8 Julai 2004. Jika kita berbanding keadaan sisa toksik semasa lawatan Timbalan Menteri pada 8 Julai 2004 dan keadaannya yang telah ditunjukkan dalam surat khabar *Oriental Daily* bertarikh 9 Jun 2004 yang menunjukkan bahan-bahan itu terbiar berselerak di bawah jemuran matahari, jelaslah bahawa

bahan-bahan sisa toksik itu telah terbiar sedemikian tanpa langkah keselamatan diambil sekurang-kurangnya enam bulan iaitu dari akhir tahun 2003 hingga 9 Jun 2004 sebelum lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri malahan Yang Berhormat Timbalan Menteri turut mengakui bahawa sisa toksik ini mempunyai kandungan kuprum yang tinggi, logam berat dan ia hanya akan menjejaskan kualiti alam sekitar dan manusia apabila ia dibuang merata-rata dan masuk ke dalam sistem pengairan lalu mencemarkan kualiti air.

Bulan lepas 22 September 2004, pekerja-pekerja di pelabuhan Pasir Gudang di mana 580 kontena memuatkan sisa toksin ini disimpan mendapati bahawa ada lelehan keluar dari kontena-kontena ini. Jabatan Alam Sekitar telah ambil sampel lelehan itu untuk *testing* – apakah *result of the testing on the sample* dengan izin. Adakah ia lelehan sisa toksik industri atau lelehan karat kontena tersebut? Jika seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Menteri bahawa kementerian telah mengambil segala langkah untuk memastikan supaya sisa toksik ini tidak akan masuk ke dalam sistem pengairan lalu mencemarkan kualiti air negara kita, kenapa berlaku lelehan itu?

Tuan Pengerusi, pada awal bulan Julai orang ramai dimaklumkan bahawa kementerian telah menyerahkan kes sisa toksik di Simpang Renggam ini kepada pejabat Peguam Negara untuk tindakan pendakwaan. Tetapi kini bulan Oktober, sudah tiga bulan berlalu jika dikira dari tarikh pengetahuan kementerian berkenaan kewujudan sisa toksik ini sepuluh bulan telah berlalu masih tidak ada pendakwaan ke atas mana-mana pihak. Saya harap kementerian tidak tolak tanggungjawabnya kepada Jabatan Peguam Negara. Kita patut tahu apakah masalah atau halangan yang dialami oleh kementerian di dalam kes ini.

Pada awalnya kita dimaklumkan bahawa ia memerlukan masa yang agak panjang untuk penyiasatan kerana ia melibatkan warga asing. Ia perlu masa untuk mendapatkan maklumat dari pihak berkuasa Taiwan dan INTERPOL. Tempoh sepanjang masa sepuluh bulan untuk menyiasat kes kemasukan sisa toksik seperti ini adalah terlalu panjang khususnya kita sudah ada semua maklumat parti-parti yang berkenaan dalam rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia misalnya alamat shipping agent ialah Carrier dan lain-lain lagi. Jadi apakah sebenarnya halangan atau kesulitan yang dihadapi oleh kementerian untuk memastikan kes ini diselesaikan, dakwa yang tidak bertanggungjawab dan hantar balik bahan itu ke Taiwan atau melupuskannya.

Jika ia melibatkan kelemahan undang-undang, pindaan harus dikemukakan ke Dewan yang mulia ini dengan segera. Tindakan sambil lewa, ketidakcekan, ketidakseriusan kementerian di dalam mengendalikan isu pembangunan bahan sisa toksik ini di Malaysia mencemarkan nama baik negara kita dan secara tidak langsung memberi gambaran dan mesej kepada rakyat kita dan juga komuniti antarabangsa bahawa negara kita tidak serius untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang mengimport sisa toksik ke Malaysia. *This were ultimately to our country becoming a dumping ground for industrial toxic wastes by the develop countries* dengan izin.

Di atas fakta-fakta ini adalah jelas kementerian ini di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri telah gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan serius. Emolument Yang Berhormat Menteri patut dikurangkan sejumlah RM10.

Pendek kata alasan-alasan usul saya hari ini adalah seperti berikut. Pertama, kementerian tidak telus berkenaan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buang masa lah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Kementerian tidak telus berkenaan kemasukan sisa toksik ini ke negara kita yang kononnya telah dalam pengetahuan kementerianya sejak akhir tahun 2003 sehingga ia memberi peluang kepada media Taiwan membongkarnya dan mencemarkan nama baik negara kita. Ia juga merupakan suatu *variation of the right to know of our people* dengan izin.

Kedua alasannya, kelewatan dalam penyiasatan perkara ini selepas penyiasatan sepanjang sepuluh bulan maka masih tidak ada apa-apa keputusan penyiasatan dikeluarkan atau diumumkan.

Ketiga, kelewatan dalam mengambil tindakan pendakwaan pihak-pihak yang terlibat dalam hal ini. Keempat, kelewatan dalam melupuskan bahan-bahan sisa toksik ini atau menghantar bahan-bahan ini balik ke Taiwan. Ketinggalan bahan-bahan sisa toksik ini di tanah air kita merupakan satu ancaman terhadap alam sekitar negara kita. Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga pentingkan isu alam sekitar ini...

Tuan Lim Hock Seng: Ha, macam Mambong, Sri Gading, Mambong.

Tuan Chong Chieng Jen: ...hendakkan satu suasana yang bersih dan bebas dari simpanan toksik bukan untuk ahli Yang Berhormat sahaja tetapi juga untuk pengundi kamu dan untuk masa depan warganegara kita.

Tuan Lim Hock Seng: Anak cucu.

Tuan Chong Chieng Jen: Kedua, tidak mahu negara kita diambil kesempatan tempat kita dijadikan tempat pembuangan sisa toksik. Biarlah kita bersama-sama memberi peringatan kepada kementerian untuk menyokong usul ini. Saya mencadangkan usul ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menyokong? Seputeh menyokong. *[Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah bangun]*. Sila duduk dahulu Yang Berhormat. Sila duduk dahulu. Sila duduk dahulu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi terbuka untuk dibahas. Oleh kerana hal ini spesifik saya ingin menghadkan masa, lagipun nanti kita boleh bahas semasa Jawatankuasa.

Seorang Ahli: Eh tidak boleh saya panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Oleh itu, saya bagi peluang setengah jam bagi pihak pembangkang atau dua orang pembahas dan selepas itu pihak kerajaan dan kementerian menjawab. Saya jemput Batu Gajah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ayo.

12.28 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Semua ahli dalam Dewan ini saya pohon biar kita sokong usul memotong gaji Yang Berhormat Menteri Sumber Hasil dan Alam Sekitar kerana kegagalan menjalankan tanggungjawab dengan cekap kerana isu pengimportan bahan-bahan sisa sebanyak 12,000 tan metrik dari Taiwan ke Malaysia ini. Kita mahukan kertas putih dikemukakan dalam Dewan ini agar semua ahli tahu berkenaan apakah masalah dan halangan dialami oleh kementerian dalam perkara ini.

Yang Berhormat saya haraplah semua akan sokong usul ini. Kami bangkitkan usul ini bukan bertujuan untuk memalukan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kami bangkitkan usul ini hanya untuk memperingatkan seperti yang selalu dibuat oleh Yang Berhormat dari sebelah sana juga untuk memperingatkan bahawa kita semua pentingkan berkenaan isu alam sekitar ini. Tetapi kami juga hendak Yang Berhormat Menteri memastikan mengetahui bahawa Yang Berhormat Menteri yang menjaga sumber asli dan alam sekitar ini mempunyai tanggungjawab

yang berat bagi memastikan nama baik negara kita tidak berterusan dicemari ekor dari daripada isu pengimportan 12,000 tan metrik toksik dari negara Taiwan ini.

Kabinet telah memutuskan bahawa negara Malaysia tidak mahu dijadikan sebagai tempat pembuangan sisa-sisa toksik ini. Kabinet telah memutuskan tetapi pihak Dewan ini masih melihat apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri. Saya kesal Yang Berhormat Menteri tidak hadir langsung pada hari ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tidak hadir pada hari ini. Jadi bagaimana kita punya kita mempunyai - saya tahu Setiausaha Parlimen hadir tetapi Timbalan Menteri yang tiap-tiap kali menjawab soalan isu ini tidak hadir.

Saya bukan mempersoalkan kemampuan Setiausaha Parlimen, syabaslah kerana sudi hadir untuk mendengar tetapi sekarang ini kita potong gaji Yang Berhormat Menteri. Jadi Menteri patut hadir dalam Dewan ini kalau beliau merasa bertanggungjawab ke atas isu ini.

Beberapa Ahli: Ya, ya.

Cik Fong Po Kuan: Pengendalian isu pengimportan bahan sisa ini saya rasa telah terbiar begitu lama sudah 10 bulan berlalu. Saya mempunyai sumber dari Taiwan menyatakan bahawa pihak kerajaan Malaysia dan pihak berkuasa Taiwan tidak ada perbincangan langsung berkenaan isu penghantaran balik bahan sisa toksik ini ke Taiwan. Adakah ini benar? Kita semua ingin mengetahuinya.

Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi berkenaan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan menyatakan bahawa semua langkah telah diambil tetapi sebaliknya yang ditunjukkannya dalam surat khabar ini [*sambil membuka surat khabar bahasa China*] jelas menunjukkan Dewan kita ini telah dipesongkan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya rasa kalau perkara ini dari pihak sini sudah digantung enam bulan.

Seorang Ahli: Tanpa gaji.

Cik Fong Po Kuan: Saya harap Sri Gading jangan main-main dan jangan senyumlah. Ini isu begitu penting sekali. [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: Senyum pun tak boleh? Senyum pun tak boleh ka?

Cik Fong Po Kuan: Jangan, jangan senyum, ini perkara begitu serius. Kalau perkara ini tidak ada pihak yang didakwa apa akan dipandang oleh pihak komuniti antarabangsa terhadap negara kita? Apa mereka melihat negara kita? Tiada sesiapa yang suka tinggal bersebelahan dengan bahan-bahan toksik ini. Jadi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah, boleh saya minta Yang Berhormat Batu Gajah duduk sekejap, ada ucapan.

Ucapan alu-aluan lawatan rasmi Speaker Nasional Assembly Republik Korea - Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan besar hati ingin memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat kita pada hari ini dikunjungi oleh Speaker Nasional Assembly Republik Korea. Tuan Yang Terutama Im Woon Kai serta delegasi seramai 14 orang ahli yang sedang membuat lawatan rasmi ke Malaysia. *[Tepuk]*

Majlis mengalu-alukan kehadiran beliau serta delegasi ke Dewan ini. Mudah-mudahan dengan lawatan ini dapat mengeratkan hubungan di antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Korea serta di antara negara Malaysia dan negara Republik Korea.

Yang Berhormat Batu Gajah sila teruskan.

Cik Fong Po Kuan: *On behalf of the Member of Parliament I would like to welcome the delegation from Korea. [Tepuk]* Tetapi pada masa yang sama saya rasa malu! *[Ketawa]* Saya rasa malu kerana perkara hari ini berkenaan bahan toksik kita kena bangkitkan di hadapan mereka. Kerana kegagalan Timbalan Menteri untuk menyelesaikannya dalam masa sepuluh bulan ini. Saya mempunyai perasaan begitu kesal dan kecewa....

Beberapa Ahli: Nasib baik bukan Taiwan.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya pohonlah kita semua dalam Dewan ini kita sama-sama sokong usul ini. Hanya untuk menunjukkan satu peringatan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mempunyai tanggungjawab yang berat. Itu sahaja mesej yang perlu kita hantar.

Kedua ialah lelehan yang dijumpai dalam kontena di Pasir Gudang tersebut. Apakah kandungan di dalamnya. Apakah itu begitu senang diketepikan bahawa ia adalah bahan-bahan lelehan karat dan bukan ialah bahan lelehan bahan toksik yang disimpan di dalam kontena, tiada sesiapa ditunjuk bagaimana pendakwaan bahan toksik ini sebanyak 12,000 tan metrik dalam 580 kontena di Pasir Gudang?

Kalau ada masalah di dalam pendakwaan ini kerana undang-undang tidak mencukupi untuk mendakwa pihak yang bertanggungjawab, undang-undang tersebut patut dikemukakan di dalam Dewan untuk dipinda, sama ada ia adalah *scheduled waste or not scheduled waste, bring forward the Code, bring forward the Act to the House* untuk dipinda, mengapa tidak berbuat demikian?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Pihak Taiwan, kawan saya di Taiwan seorang *environmentalist*, dia tengah tunggu apa yang Malaysia akan buat berkenaan 12,000 tan metrik bahan sisa toksid ini. Jadi, saya pohon satu kertas putih dikemukakan di dalam Dewan ini dan saya juga merayulah semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong, yang begitu arif sekali [*Tepuk*] dalam isu alam sekitar, sebelum ini Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading juga ada membangkitkan, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga pernah membangkitkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kulai, Tuan Pengerusi juga ada mengalami masalah alam sekitar yang begitu serius sekali, ini juga jelas [*sambil menunjukkan keratan akhbar*] ini begitu serius, bahawa telah wujud ketidakcekapan di dalam kementerian di bawah pimpinan Yang Berhormat. *Put aside your political differences and ideology*. Tanpa mengira kaum, umur, bangsa, agama, parti, kita semua menghidu udara yang sama, tanpa mengira pangkat juga.

Kalau kita mahu generasi kita yang akan datang sihat, sama-samalah kita menyokong Usul Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

12.32 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, ya, Usul ini adalah penting, penting kerana keadaan alam sekitar di Malaysia ini tidak begitu baik, walaupun kakitangan di dalam Jabatan Alam Sekitar sudah bertambah dan peruntukan bagi pemuliharaan alam sekitar di negara ini sudah pun ditambah sedikit.

Walau bagaimanapun, ada usaha untuk memulihkan alam sekitar tetapi tidak mencukupi, saya akan menyenaraikan beberapa perkara yang memerlukan pihak Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian dan dengan mengurangkan RM10 daripada emolumennya, kita berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil pusing apa yang kita bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, mengenai sisa toksik di Simpang Renggam ini jelas menunjukkan pihak kementerian itu tidak mengambil perhatian yang cukup untuk menyelesaikan masalah sisa toksik yang diimport dari negara asing.

Yang kedua, mengenai sisa toksik yang dibuang di pantai dan di laut, sama ada di Port Dickson, di Pulau Pinang, di Kuala Terengganu dan di seluruh negara, saya tidak nampak ada kaedah yang cukup untuk memelihara kepentingan rakyat dan kebersihan pantai-pantai termasuk di Port Dickson, kumbahan dibuang di pantai dengan mengikut kehendak sahaja dari pihak-pihak yang tertentu, itu yang kedua.

Yang ketiga, pemusnahan hutan-hutan bakau, pemusnahan termasuk teruk sekali di Johor, pemusnahan hutan-hutan bakau di Johor, termasuk di Johor Bahru juga banyak dimusnahkan, itu tidak diambil kira, ini termasuk di Arau jugalah. Tidak ada pantai tetapi hutan ya. *[Ketawa]*

Yang keempatnya, pihak kementerian mestilah mempertingkatkan usaha untuk mencegah kebakaran secara terbuka, walaupun kita nampak jerebu dari masa ke semasa dan kita mendakwa bahawa ini kerja di Sumatra atau di Kalimantan, memang ada daripada tanah gambut mereka kita nampak ada kebakaran dan tidak diselenggara dengan baik, tidak dicegah dengan baik. Tetapi pihak Malaysia juga ada kebakaran terbuka dan tindakan yang diambil tidak mencukupi untuk mencegah segala kebakaran terbuka di Malaysia.

Yang kelima, mengenai sungai-sungai, lebih 10 batang sungai di Malaysia, ini sudah meningkat, kalau tidak silap saya lebih 15 batang sungai yang mati di Malaysia ini. Saya tidak ada masa untuk mengulas bagaimana dimatikan dan berharap Sri Gading dapat menjelaskan mengapa sungai kita mati.

Yang keenam, pemuliharaan taman-taman negara, termasuk terumbu-terumbu karang tidak mencukupi, dibiarkan sahaja terumbu-terumbu kita mati, walaupun Ketereh tidak ada terumbu tetapi di situ juga masalah alam sekitar memang timbul

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Hah, keluar apa itu? Tidak payah keluar, kita bincang di dalam Dewan sahaja.

Ya, dan pemuliharaan taman-taman negara termasuklah Taman Negara di Pahang, Terengganu dan Kelantan, ia ada tiga buah negeri yang ada sempadan di tiga buah negeri, yang kebanyakannya di negeri Pahang menjadikan Taman Negaranya besar di Semenanjung dan banyak lagi taman-taman negara termasuk Gunung

Kinabalu, itu memang sebuah Taman Negara tetapi pemuliharaan tidak mencukupi, memang tidak cukup, kita boleh nampak plastik dibuang dengan begitu sahaja dan juga pelancong-pelancong

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini cukup atau tidak cukup adakah berkaitan dengan potong atau tambah RM10?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang potong ada, taman negara di Semenanjung memang di bawah kementerian ini, kalau Sri Gading tidak tahu, pergi rujuk kepada kementerian sama ada Taman Negara itu di bawah bidang kuasa jabatannya, memang ini di bawah bidang kuasa kementerian ini.

Saya berharaplah Tuan Pengerusi dapat mengambil pusing mengenai taman-taman negara seperti di Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ambil pusing, macam mana ambil pusing, pusing ke taman negara?

Dr. Tan Seng Giaw: Dia pusing, bukan pusing - pusing ini mengambil perhatian dengan secukupnya pengamatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh ya, baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Pengamatan. Pusing kalau ke Ketereh memang pusing ya, jambu gajus menjadi ketereh, itulah masalah. *[Ketawa]* Dan tambah pula, yang akhir sekalilah kerana ada 10 minit sahaja, itu tempat-tempat persinggahan burung pesisir, ya memang burung pesisir. Di Johor pun ada, di Tanjung Piar, di Johor, Pulau Kukup di Johor ada tempat persinggahan burung pesisir dan juga di Kapar, Selangor, itu Stesen Jana Kuasa Elektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, ia ada tempat persinggahan burung pesisir dan juga di Kuala Gula, Perak, memang beratus ribu burung-burung daripada Siberia yang turun daripada Australia dan New Zealand dan singgah di Malaysia, tetapi pihak kementerian mestilah mengambil kira burung-burung ini yang kadangkala terganggu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, dan sebab itulah atas perkara-perkara yang telah saya bangkitkan tujuh perkara ini cukuplah alasan untuk mengurangkan emolumen tersebut. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading dahululah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading tidak payah bercakap panjanglah, lima minit cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya banyak sedikit bercakap, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas itu Mambong. Dan selepas itu saya boleh menjemput pihak kementerian menjawablah.

12.40 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Beri Sri Gading ya, Tuan Pengerusi. Ya, Usul daripada Bandar Kuching. Bandar Kuching ini parti DAP. DAP ini parti bankrap, Tuan Pengerusi. *[Tepuk]* Tidak ada isu dan isu ini bukan soal isu, soal alam sekitar, tetapi soal cuba hendak cari untung politik, itu sahaja, itu sahaja fasal tidak ada isu lain. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, Usul ini Usul remeh, remeh dan buang masa, Tuan Pengerusi. Okey, soal sisa toksik, yang mula-mula bangkit panas baran begitu hebat – Barisan Nasional bukan DAP, kami yang mula-mula bangkitkan, soal sisa toksik memang kita tidak suka, tetapi soal Usul ini, soal potong gaji RM10 yang tidak ada kena mengena dengan menteri, sebab kerajaan dan menteri telah pun mengambil tindakan, kita puas hati, Kabinet pun ambil tindakan. *[Beberapa Ahli sampuk menyokong]*

Fasal apa gaji menteri hendak dipotong RM10, tidak ada fasal-fasal, bukan dosa dia, dia telah mengambil tindakan, proses undang-undang memakan masa, bukan mesti ambil tindakan hari ini, hari ini buat keputusan, ini mahkamah hutan, Malaysia tidak ada mahkamah hutan, Malaysia mahkamah yang bertamadun. Jangan ikut DAP, DAP agaknya jadi kerajaan hari ini tangkap, hari ini dakwa, besok masuk jel, itu Kerajaan DAP.

Wahai rakyat, jaga-jaga jangan sampai Kerajaan DAP memerintah. Dahsyat!

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan minta jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak payahlah Bagan, apa pula? Jadi, soalnya saya menolak Usul ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal potong RM10 ini tidak patut, malahan kalau Usul ini menang, kalau kita menang, Usul ini ditolak, gaji Bandar Kuching kita potong RM1,000. [*Beberapa Ahli menyatakan sokongan*]

Ha, ha, ho, ho, hooh!

Beberapa Ahli: Hooh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hoh, jangan sedap-sedap dia buat Usul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia buat Usul, kalau kalah apa dia punya penalti? Bandar Kuching punya gaji bulan depan potong RM1,000, berani atau tidak Bandar Kuching? Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menolak Usul ini.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat mana satu?

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat. Saya ingin merujuk *Hansard* bertarikh 9 Jun 2004.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat mana satu?

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat 36(6) di bawah sangkaan Jahat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, sangkaan jahat.

Cik Fong Po Kuan: Yang ini, Sri Gading ada kata, pada muka surat 123 kerana isu toksik, dia kata, apa pada jawapan ini, apakah jawapan boleh mempermainkan, dia kata.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya Tuan Pengerusi, kita yang lebih peka terlebih dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Timbalan Menteri kena bertanggungjawab atas jawapannya ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebab itu kementerian mengambil tindakan.

Cik Fong Po Kuan: Ini Parlimen, tidak boleh bohong di sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya wakil-wakil Barisan Nasional lebih dahulu peka, itu buktilah, Tuan Pengerusi, bukan DAP.

Cik Fong Po Kuan: Ambil di *library*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan DAP hendak jadi juara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Tindakan berani.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita telah pun menjuarai kes ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup. Yang Berhormat mungkin dia kata demikian, tetapi dia tidak sokong potong gaji. Baiklah, cukuplah. Sri Gading cukuplah, baiklah Mambong.

Cik Fong Po Kuan: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

12.43 tgh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Helloo, terima kasih. Tuan Pengerusi, ini soal Usul Potong Gaji memang selalu timbul di dalam Parlimen, kalau ada sedikit masalah pun dia timbul. Kita tidak bersetuju. Kita tidak bersetuju tentang soal potong gaji.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, kalau kita inginkan gaji menteri dipotong kita periksalah dahulu, sama ada bahan-bahan itu bahan-bahan toksik yang ada di Simpang Renggam. Yang diimport adalah bahan industri, dengar ini. *[menunjukkan ucapan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah]*

Jadi, di dalam bahan industri ini ia boleh toksik ataupun ia boleh tidak toksik, ini kita haruslah memeriksa, sama ada ini benar atau tidak.

Jadi, saya ingin terus menyentuh kepada bahan-bahan toksik, sisa-sisa toksik di Simpang Renggam ini, diimport daripada Taiwan mungkin dengan permit yang palsu, kononnya dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Jadi, pengimportan ini, sisa-sisa industri memang saya tidak bersetuju, apatah lagi sisa-sisa toksik memang kita tidak bersetuju pengimportan sisa-sisa toksik ini.

Oleh kerana pihak kementerian memang sudah mengambil tindakan di dalam perkara ini, maka kita lihat kandungan sisa-sisa yang ada di dalam sisa-sisa industri itu. Kandungan-kandungan yang ada dalam sisa itu adalah kuprum oksida, bukan kuprum. Kuprum ialah tembaga. Ini ada di sini kuprum, kita boleh pakai, mana dia ada toksid, ini, ini...

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Dr. James Dawos Mamit: Mana dia boleh toksid? Yang ada di dalam itu ialah kuprum oksida. Kandungannya di antara 7 hingga 950 ppm.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: Ya, ya. Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Mambong yang begitu arif. Saya hormat (*respect*). Saya tahu Yang Berhormat arif dan mementingkan alam sekitar. Saya hendak tanya satu soalan sahaja, Yang Berhormat Mambong. Hendakkah semua toksik ini dipindahkan ke kawasan Mambong, letak di sebelah rumah *or behind your backyard*, dengan izin, *if you say it is not dangerous?* Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dalam Dewan ini sudah berkata.....

Dr. James Dawos Mamit: Duduk, duduk. Duduk dahulu. [*Dewan riuh*]

Cik Fong Po Kuan: *It's a hazardous toxic.*

Dr. James Dawos Mamit: Duduk dahulu! *That one is copper oxide. Copper oxide is not hazardous. You sit down!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: *You tidak fahamkah? This is not your field. Your field is law. [Disampuk] Ha, why do you have to infringe into other people's fields, dengan izin, Tuan Pengerusi.*

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bersabarlah, Yang Berhormat. Bersabar.

Cik Fong Po Kuan: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. James Dawos Mamit: Biarlah saya menjawab. Biarlah saya menjawab dahulu. Ha. Di kawasan Mambong ada satu tapak yang dinamakan tapak pelupusan sampah termasuk pelupusan sisa-sisa terjadual. Saya minta pihak kementerian bawa sisa-sisa terjadual di Sarawak semuanya hantar ke Mambong, jangan hantar ke Bukit Nanas, hantar ke Mambong kerana kita ada satu teknologi untuk melupuskannya dan mengurung serta menghapuskan sisa-sisa toksik. Ini kuprum oksida. Apakah kegunaan kuprum oksida ini? Kuprum oksida adalah satu bahan untuk menghasilkan *fungicide* dan *fungicide* ini adalah digunakan untuk merawat biji benih bagi mengawal penyakit *damping off*, bagi mengawal penyakit '*foliage bleach and rust*' kalau disebur pada daun itu adalah kuprum oksida.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Bagi dia.

Tuan Chong Chieng Jen: Mohon satu penjelasan kerana terdapat laporan di akhbar *Utusan* bahawa mengenai lelehan yang dikeluarkan daripada kontena yang terdapat di Pelabuhan Pasir Gudang....

Dr. James Dawos Mamit: Ha, Pasir Gudang.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya. Apa yang dikatakan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah mereka tidak tahu – tidak pasti lelehan itu adakah ia daripada kandungan di dalamnya ataupun daripada kontena – karat kontenanya.

Oleh itu ia menunjukkan bahawa walaupun pakar-pakar dari Jabatan Alam Sekitar mereka pun tidak pasti muatan dalam kontena itu ada toksik ataupun tidak ada toksik.

Dr. James Dawos Mamit: Duduk.

Tuan Chong Chieng Jen: Nampaknya, Yang Berhormat lebih bijak daripada pakar-pakar mereka.

Dr. James Dawos Mamit: Duduk. Duduk. Dengar dahulu, saya belum habis lagi. Kuprum oksida ini ia tidak larut di dalam air. Ia hanya boleh larut dalam cecair garam ammonia.

Beberapa Ahli: Ha.

Dr. James Dawos Mamit: Bukan dalam air. Okay, kandungan yang kedua terbesar dalam itu adalah oksida besi ataupun *iron oxide*. Kita berhadapan dengan *iron oxide* setiap hari.

Tuan Pengerusi, di dalam Dewan pun ada *iron oxide*. Percaya atau tidak? Tetapi dalam bentuk berlainan. Lelehan ini mungkin adalah oksida besi sebab ia boleh larut di dalam air, itulah sebabnya ia keluar. Ia mungkin membuatkan kontena itu berkarat dan ia keluar bersama karat bercampur dengan air.

Itu satu kemungkinan *iron oxide*. *Iron oxide* adalah dalam pelbagai bentuk – banyak. Yang pertama bentuk *Ferite* – Fe_2O_3 . Ini adalah bentuk *powder* dan ini digunakan bagi bahan-bahan elektronik. Mana komputer? Siapa yang ada komputer? Banyak *iron oxide* ada di situ, dalam *machine copier* untuk membuat fotostat – ada *iron oxide* di situ. Ha, untuk memudahkan penapisan di dalam *speakers* – *loud speakers* kita. Siapa yang dengar radio, kenalah *iron oxide*. Kalau *iron oxide* ini toksik habislah kita semua. Itu di dalam bentuk *ferite*. Siapa lagi yang menggunakan magnet dalam bentuk *magnetite* - Fe_3O_4 , warnanya hitam, magnet. Kalau *iron oxide* ini toksik habislah juga kita.

Yang ketiga, *iron oxide* berwarna kuning - Fe_2O_3 Ini untuk membuat cat dan *coating*.

Saya memang memikirkan bahawa pengeksporan itu kerana mereka ingin mengambil *iron oxide* daripada sisa-sisa industri itu mungkin *iron oxide* yang berwarna merah - Fe_2O_3 ini untuk membuat cat dan *pigment* dan ini adalah juga termasuk dalam campuran plastik dan *leather*.

Iron oxide yang berwarna hitam - Fe_3O_4 , Ini juga untuk *coating* dan *iron hydroxide* ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. James Dawos Mamit: Kepong? Silakan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Mambong, bolehkah menjelaskan, di sini kita ada *nickel* dan *cobalt* memang ada unsur-unsur besi dan sebagainya, tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah isi kandungan bahan-bahan yang diimport dari Taiwan itu keseluruhannya? Dan adakah Yang Berhormat sanggup.....

Seorang Ahli: Ambil *sample and test*.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Adakah kerana Yang Berhormat sudah menjawat jawatan Menteri Alam Sekitar dan sebagainya di Sarawak [Ketawa].

Dr. James Dawos Mamit: [Ketawa] Mana ada. Tidak adalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada mengambil perhatianlah mengenai hal-hal ini kerana dia menjadi jurucakap (*spokesman*) mengenai alam sekitar, hah? [Disampuk] Berkenaan dengan *iron oxide*. Pakar *iron oxide* di sini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Berapakah jenis *iron compounds* yang didapati semula jadi ataupun di dalam *toxics* dan berapa jenis *nickel compounds* dan *cobalt compounds* dan sebagainya?

Dr. James Dawos Mamit: Okay, Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat, semuanya ini ada di dalam analisa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Mambong boleh gulunglah.

Dr. James Dawos Mamit: Termasuk arsenik – arsenik kurang daripada 0.002 ppm. Ini bermakna ia di bawah paras WHO – tidak berbahaya. Mercury – 0.002 ppm

juga di bawah paras, *Catnium* – kurang daripada 0.01 *Light* kurang daripada 0.05, semuanya kurang daripada WHO.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Masa cukup? Nanti saya mahu gulung. Saya ingin menggulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti minta kerajaan menggulunglah.

Dr. James Dawos Mamit: Bukan, saya ingin menggulung ucapan saya juga, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dr. James Dawos Mamit: Alam sekitar ataupun pengawalan kualiti alam sekitar adalah hak kita bersama. Kita semua ingin hidup dalam alam sekeliling yang sihat dan bersih. Ini baik. Pembangkang pun ingin alam sekitar yang bersih, tetapi kita mestilah lihat daripada fakta-fakta (*facts*) yang ada pada kita. Kalau fakta tidak ada – macam itu sahaja, kita mengesyaki bahawa itu adalah satu bahan toksik yang ada di situ sebelum *result analysis* dikeluarkan, itu kita belum pasti lagi.

Oleh yang demikian saya tidak menyokong memotong gaji menteri ini sebanyak RM10. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta pihak kerajaan jawab.

12.50 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab usul yang telah dikemukakan oleh Bandar Kuching berkenaan dengan sisa yang telah dikatakan toksik, yang bermula pada akhir tahun 2003.

Yang pertama sekali, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, pihak kementerian telah membuat segala apa yang perlu di dalam bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di dalam menangani dalam masalah sisa buangan industri tersebut.

Masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ialah masalah pendakwaan. Sekiranya kita hendak ikutkan perasaan dan sebagainya, memang kita tangkap sahaja orang ini dan tembak terus, tetapi seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, kita mempunyai undang-

undang. Ini bukan undang-undang DAP dan ini bukan undang-undang kita duduk di dalam hutan. Kita mempunyai sistem dan kita membuat penyelidikan yang teliti.

Yang pertama sekali masalahnya ialah kita tidak ada mempunyai diplomatik dengan Taiwan. Batu Gajah tidak apalah sebab dia ada kawan di sana, kita tidak ada kawan. Saya pun tidak tahu jenis kawan apa yang cakap kepada dia ini – maklumat yang salah. Kita telah mengadakan tiga hingga empat kali perbincangan dengan Pasukan *Environmental Protection Agency* (EPA) dari Taiwan, tetapi kawan dia cakap kepada Batu Gajah dia tidak ada perbincangan. Cuba *check* dengan kitalah. Jangan percaya orang lain. Percaya kepada orang dalam negeri sendiri dahulu. *[Disorak]*

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon penjelasan.

Tuan Sazmi bin Miah: Sekejap lagi saya jelas. Sekejap lagi. Saya hendak jawab Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dahulu. Batu Gajah pilih kawan baik-baik!

Yang kedua, ada beberapa kes dalam isu sisa buangan industri ini. Yang pertama ialah pemalsuan tandatangan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang terlibat di dalam memalsukan permit import bahan tersebut oleh Jabatan Alam Sekitar, Johor. Kita sudah buat *report* polis. Selepas kita buat *report* polis kita serah kepada polislah.

Polis pun telah membuat siasatan dan telah kemukakan kepada pihak Peguam Negara untuk melakukan tindakan seterusnya. Kita ini kementerian sahaja. Kita buat *report*. Kita mana ada hendak dakwa, hendak hukum. Kita bukan *just drag*, dengan izin. Sudah tahu dia ini salah, tangkap dan tembak terus. Ha, inilah DAP.

Jadi saya rasa DAP memang tidak patutlah duduk di dalam Dewan ini. Hendak ambil undang-undang dalam tangan sendiri. Hendak tembak orang sahaja kerja dia.

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sazmi bin Miah: Tunggu dahulu. Tunggu dahulu. Sabar, sabar. Tunggu, hendak jawab ini.

Yang kedua ialah pemalsuan pengimportan tersebut di bawah pihak kastam. Ini kes yang kedua. Jadi, kastam pun telah mengadakan siasatan dan telah pun di dalam peringkat yang terakhir. Ini pun bukan tugas kementerian kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bandar Kuching.

Tuan Sazmi bin Miah: Bandar Kuching? Mana dia? Nanti dahululah. Tunggu dahulu, hendak jawab ini. Selepas ini kalau tidak faham.... Duduk dahulu. Duduk.

Jadi yang ketiga, sekiranya Bandar Kuching tidak tahu punca, tidak tahu semuanya jangan keluarkan usul inilah – kalau tidak faham berkenaan dengan kes ini. Sebabnya kalau kita tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan sesebuah negara, kita terpaksa melalui badan-badan tertentu yang akan mengambil masa.

Yang terakhir sekali kita telah pun berhubung melalui Kementerian Luar Negeri kita pada 4 Oktober yang lepas – membuat tindakan susulan untuk meminta mengenal pasti punca ataupun asal sebenar bahan tersebut. Ia kadang-kadang datang daripada kilang yang membuat *printed circuit board*, kadang-kadang datang daripada kilang penapisan air dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Sazmi bin Miah: Seminit sahaja lagi. Jadi, saya memohon menolak usul tersebut. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Penjelasan. Penjelasan.

Seorang Ahli: Apa ini? Kata, tidak faham boleh tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan diluluskan dengan meminda Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 01000 emolumen, iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sebanyak RM10 hendaklah disetujui..

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Bagan.

2.33 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran B.23, 020000, P.23, 03300 – Urusan Tanah. Saya membangkitkan suatu perkara yang spesifik iaitu berkenaan dengan sebidang tanah Lot 3561 Mukim 14, Seberang Perai Utara (SPU), Jalan Raja Uda, Butterworth. Bidang tanah ini luasnya 3,621 meter persegi, telah diambil oleh kerajaan negeri pada tahun 80an untuk membina sebuah balai polis di kawasan itu.

Tetapi sehingga sekarang tidak dibina apa-apa bangunan dan dibiarkan kosong dengan semak samun. Banyak pertubuhan-pertubuhan ataupun persatuan-persatuan tempatan termasuk Pasukan Bomba Sukarela Jalan Raja Uda telah memohon kebenaran untuk menggunakannya tetapi semua tidak dapat jawapan.

Baru-baru ini penduduk tempatan terkejut melihat ada jentolak membersihkan tapak tersebut dan selepas menyoal siasat mereka, didapati tanah tersebut telah disewakan kepada sebuah syarikat swasta daripada Pulau Pinang untuk membina sebuah *show room* atau bilik pameran kereta. Syarikat tersebut telah membayar sejumlah RM16,000 kepada Jabatan Tanah dan Galian Kuala Lumpur. Ini dapat dijalankan melalui sepucuk surat dari pejabat bertarikh 21 Julai 2004 dengan rujukan No. KTPK/101/SPHP/931/3/1-31(30). Mengikut Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Kuala Lumpur, lot ini adalah PT4HS(D 15711) Bandar Butterworth.

Tuan Pengerusi, saya masih ingat apabila Akta Pengambilan Tanah dibentangkan dan dibahas dalam Dewan yang mulia ini, pada tahun 90an, ramai kami mempersoal dan berasa bimbang bahawa kerajaan boleh menyalahgunakan kuasa ini dengan mengambil tanah persendirian dan menyerahkan kepada pihak tertentu untuk mengaut keuntungan. Pada masa itu, bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri iaitu Tun Abdul Ghafar bin Baba semasa menjawab dan menggulung perbahasan Akta Pengambilan Tanah memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menyalah guna kuasa terhadap tujuan Akta Pengambilan Tanah.

Sekarang apa sudah terjadi. Menteri boleh memberi jaminan tetapi dia tidak boleh kekal menjawat jawatan itu. Tujuan pengambilan tanah ialah untuk tujuan kegunaan awam dengan izin *public use*. Kalau tidak dipakai, patut dikembalikan kepada tuan tanah yang asal. Kalau hendak pakai, kena sesuai dengan tujuan akta. Sekarang apa terjadi, disewakan kepada pihak swasta untuk tujuan komersial.

Tuan Pengerusi, pihak pemohon seperti saya sebutkan tadi iaitu Pasukan Bomba Sukarela Jalan Raja Uda perlu diberi pertimbangan utama. Saya berharap kementerian boleh membatalkan kelulusan syarikat swasta yang ingin membina bilik pameran kereta dan seterusnya diberikan kepada pihak-pihak amal yang sedang menunggu-nunggu atau kehausan tanah untuk digunakan.

Tuan Pengerusi, saya minta kementerian boleh memberi satu jawapan mengapa tanah itu boleh disewakan kepada pihak swasta untuk tujuan komersial dan bukan ditimbangkan untuk pihak-pihak amal untuk berkhidmat dengan orang ramai.

Saya ingin juga menanyakan perkara berkenaan dengan hakisan pantai. Sebidang tanah sekiranya telah terhakis oleh laut, maka satu geran atau lot baru diberikan kepada tuan tanah dan apabila tanah itu atau pantai itu, ditimbun balik semula bukan secara *manual* atau bukan dibuat oleh manusia tetapi dengan secara semula jadi atau *natural*, bolehkah tuan tanah memohon supaya tanah yang dipotong dari geran itu atau yang telah hilang itu boleh memohon supaya ia dapat balik tanah yang telah dipotong dalam geran yang baru itu.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya ingin merujuk kepada 0740000 – Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar. Saya ingin menanyakan kepada kementerian mengapa tidak mahu mengumumkan *Air Pollution Index (API)*. Setiap tahun kami menghadapi masalah jerebu, yang kononnya jerebu ini datangnya dari negara jiran kita dan mengapa kerajaan tidak mahu mengumumkan API supaya memberi amaran kepada rakyat tentang keburukan atau langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penyakit seperti sakit kerongkong atau sakit mata atau lain-lain. Saya berharap kementerian boleh menjelaskan mengapa tidak mahu memberi API ini kepada umum. Saya juga ingin bertanya pihak penguatkuasaan Pejabat Alam Sekitar, kenapa tidak dibuka di sepanjang masa atau sepanjang malam pada hari cuti am dan

sekiranya terdapat kebakaran terbuka oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, di manakah kami boleh mengadu supaya tindakan boleh diambil dengan serta-merta iaitu apabila kita nampak ada berlaku pembakaran terbuka seperti membakar bahan-bahan kimiakah atau daripada tayarkah, yang menyebabkan asap yang boleh memudaratkan kesihatan, dan kami berharap kementerian boleh mengambil langkah-langkah dengan serta-merta tetapi hari itu adalah hari cuti am atau pada waktu malam, bagaimana pula kita boleh melaporkan hal ini. Dengan ini saya ucapkan terima kasih. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran.

2.40 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian Butiran 070000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Taman Laut (Pemulihan). Kita terima hakikat bahawa Jabatan Alam Sekitar mempunyai banyak undang-undang dan pendekatan terhadap isu alam sekitar. Tetapi satu isu yang juga penting yang saya rasakan perlu ditangani oleh Jabatan Alam Sekitar dan kementerian ini adalah isu kualiti udara dalaman iaitu dalam bangunan.

Saya melihat bahawa kebelakangan ini banyak insiden yang berlaku di dalam negara mahupun di luar negara yang diakibatkan daripada kualiti udara dalaman bangunan sama ada dalam bangunan ataupun dalam kenderaan yang memberi impak terhadap kesihatan pengguna dan juga penghuni dalam bangunan berkenaan. Isu ini merupakan isu yang harus juga diambil berat oleh Jabatan Alam Sekitar dan kementerian agar bukan sahaja isu alam sekitar pada luarannya tetapi isu alam sekitar di dalam bangunan harus mendapat tempat dan juga penumpuan dan perhatian oleh Jabatan Alam Sekitar.

Kalau kita mengimbas beberapa insiden yang berlaku diakibatkan secara langsung atau tidak disebabkan oleh *car air-conditioning* yang berlaku di negara kita dan saya memetik laporan akhbar yang juga menyingkap suatu insiden yang berlaku di China, yang disebabkan oleh *car air-conditioning* yang memberi kesan kepada pengguna kenderaan tersebut disebabkan oleh udara yang tidak sihat yang dikeluarkan gas-gas yang berlaku terutama bagi kereta-kereta yang baru dikeluarkan daripada kilang.

Kebelakangan ini kita melihat bahawa pada hospital kita yang besar, yang masih belum digunakan iaitu Hospital Sultan Ismail dikatakan mempunyai masalah dari segi *air-contiditoningnya* yang juga akan memberi kesan terhadap *occupants* penghuni kepada bangunan hospital itu kelak, jika tidak ditangani sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa kerajaan harus mewujudkan Akta Kualiti Udara dalam bangunan ini, *Indoor Air Quality*, seiring dengan pendekatan kementerian untuk melihat bahawa alam sekitar kita sihat, bersih dan sesuai untuk kita diami yang merangkumi aspek luaran, udara, air, tanah dan sebagainya.

Tetapi, isu penting yang harus ditangani disebabkan oleh perkara-perkara baru ini iaitu soal kualiti alam udara dalam bangunan harus diwujudkan suatu undang-undang oleh kementerian untuk menentukan bahawa udara dalam bangunan yang ada di negara ini juga terkawal. Saya menyingkap Laporan WHO yang dilakukan terhadap bangunan-bangunan di Amerika Syarikat, dikatakan bahawa 40% daripada semua bangunan di Amerika Syarikat *posing significant health hazard* menurut US *Environment Protection Agency (EPA)* ini, dikatakan bahawa pada kadar purata udara dalaman bangunan ini dua hingga sepuluh kali lebih *contaminated* jika dibandingkan dengan udara yang ada di luaran dan dilaporkan bahawa 20% daripada penyakit ataupun *illness* yang dihadapi oleh penghuni-penghuni bangunan adalah disebabkan oleh kualiti udara yang tidak sihat.

Jadi, daripada ini saya melihat bahawa kementerian harus dalam keadaan sekarang ini mewujudkan *Indoor Air Quality Act* ataupun *whatever* apa juga bentuk nama akta yang akan dibentuk, tetapi hakikatnya ketika ini perlu diwujudkan undang-undang untuk mengawal udara dalam bangunan.

Saya yakin Tuan Pengerusi, jika pendekatan ini diambil, rakyat Malaysia bukan sahaja selesai di luar bangunan, malah di dalam bangunan. Saya ingin menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Bharu.

2.45 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam soal Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khususnya Butiran 07000 – Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar dan Taman Laut, Butiran 020000 – Pengurusan dan Perundangan Tanah.

Kita tahu kementerian ini ialah kementerian yang amat penting kerana ia melibatkan sumber asli dan penjagaan sumber yang penting. Kita juga tahu peruntukan yang diminta, dipohon juga besar. Untuk mengurus sahaja RM613 juta, untuk pemuliharaan alam sekitar RM127 juta, untuk soal perundangan dan pengurusan tanah – RM78 juta.

Kita juga tahu bahawa soal tanah melibatkan kuasa-kuasa lain daripada kementerian. Kalaulah perundangan sesebuah negeri itu tanah juga, ia adalah dalam kawalan kerajaan ataupun EXCO negeri. Kita juga tahu kalaulah tanah itu melibatkan hal-hal wakaf ia tertakluk kepada majlis agama dan raja-raja Melayu. Jadi, sudah tentunya kita juga tahu Tanah Rizab-rizab Melayu misalnya mempunyai ciri-ciri tertentu dan ini memerlukan kementerian lebih proaktif, dan jika kementerian seperti yang kita tahu, ingin menyelesaikan masalah sumber asli khususnya soal tanah, sudah tentunya kementerian perlulah menjadi *coordinator* yang paling cekap dan paling proaktif menyelesaikan masalah.

Misalnya soal Tanah Rizab Melayu, Tuan Pengerusi, kita dengar selalu rintihan Tanah Rizab Melayu tidak ada nilai, *it has no commercial value*, dengan izin, dan peraturan-peraturan yang ditetapkan, yang disediakan rumit untuk pindah milik dan sebagainya. Maka Tanah Rizab Melayu tidak dapat dibangunkan dengan sempurna. Maka timbullah bermacam-macam cadangan, tetapi tidak terlaksana.

Baru-baru ini kita juga dengar cadangan kononnya kita boleh selesai masalah ini kalau kita pajakkan sahajalah kepada orang-orang lain, *six-year lease* dan sebagainya. Kita selalu diberitahu oleh kepimpinan supaya jangan cari jalan mudah bila ada masalah. Ini selalu diberitahu kepada orang Melayu. Tetapi saya juga ingin mencadangkan kita juga tidak harus mencari jalan mudah menyelesaikan masalah nilai Tanah Rizab Melayu. Kita tahu juga tanah-tanah orang Melayu dan orang Islam misalnya kerana pembahagian melalui faraid dan sebagainya menimbulkan *ownership problem, multiplicity of ownership*, dengan izin. Sebidang tanah mempunyai 20, 30 orang pemilik – 1/10, 1/12, 1/13 dan ini juga menyulitkan *commercializing* tanah tersebut.

Jadi, persoalan saya kepada kementerian kalaulah kita ingin menyelesaikan masalah tanah, sumber asli kita yang penting untuk menjaga orang Melayu dan orang Islam, apakah perancangan yang ada pada kita? Dahulu kita memperkatakan tentang soal masalah orang Melayu dalam *equity ownership*. Kita bimbang orang Melayu tidak

tahu hendak beli saham, kalau dapat beli saham pun jual saham, maka kita tubuhkan PNB dan sedikit sebanyak perkara itu dapat kita selesaikan, *equity ownership* orang Melayu meningkat walaupun jauh daripada matlamat.

Tidakkah kementerian juga boleh memikirkan sesuatu PNB untuk orang Melayu untuk jaga Tanah Rizab Melayu. Tanah di Kelantan misalnya ada enakmen yang khusus, yang juga menyulitkan pembangunan. Bagaimana dengan tanah-tanah wakaf? Kita tahu yang majlis-majlis agama di sesetengah negeri tidak ada fungsi langsung, tidak ada pemikiran untuk membangunkannya. Dan apa yang terjadi ialah tanah-tanah ini lesap dapat kepada orang lain, walaupun mengikut peraturannya tidak sepatutnya begitu.

Jadi, dalam soal sumber asli kita, sumber tanah kita, saya menyerulah kepada kementerian kerana kita ada pakar semua dalam kementerian memikirkannya dengan secara yang sebaik-baiknya untuk memberi nilai, menambah nilai, memudahkan pemegangan *ownership* kepada tanah-tanah ini dan juga membolehkan ia membangun tanpa kehilangan hak kita. Saya rasa kalaulah pada satu masa dahulu kita ada *political will* kita buat Kanun Tanah Negara (*National Land Code*), walaupun ada tentangan-tentangan pada masa itu dari negeri-negeri tertentu tetapi kita berjaya. Maka kita harus teruskan perkara ini. Kita harus selesaikan masalah tanah-tanah Melayu yang terbiar, masalah-masalah pegangan *ownership* yang saya sebutkan tadi, masalah-masalah tanah di Kampung Baru misalnya. Itu semua tanah yang ada *unique problem* dan rakyat biasa tidak mampu menyelesaikannya, dan semakin sehari semakin rumit seperti yang saya kata tadi salah satu puncanya kerana *multiple ownership*, pembahagian tanah makin sedikit...makin sedikit...makin sedikit.

Inilah masalah yang pada saya mustahak dan kementerian ini saya rasa perlu memberi perhatian yang sesungguhnya, yang sebaik-baiknya dan tenaga yang secukupnya untuk mengeluarkan cadangan-cadangan yang boleh dipraktikkan supaya kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang saya timbulkan tadi.

Perkara yang terakhir, Tuan Pengerusi, ialah soal hakisan yang disebutkan tadi. Kita tahu bahawa peruntukan yang besar RM127 juta untuk alam sekitar, pemulihan dan sebagainya dan kita juga dengar dalam Dewan ini di Kelantan khususnya ini perkara yang agak runcing dan agak *urgent*. Kelantan dan juga negeri-negeri lain saya percaya kita tidak ada banyak hasil. Yang ada hasil ialah alam sekitar, di situlah tempat kita menaruh harapan di masa hadapan. Jadi, kalau pantai kita

dihakis oleh ombak dan kerajaan tidak ada membuat sesuatu – memang kita sedar dahulu ada usaha-usaha satu program menyelamatkan pantai di Sabak ataupun di Semerak yang menelan belanja RM40 juta, tetapi kita tahu juga program itu gagal kerana *design floorkah*, *formula* yang tidak betul dan sebagainya.

Sungai-sungai di Kelantan juga amat perlu diberi perhatian kerana di sinilah tempat orang mencari rezeki. Kalau kata *aquaculture* dan sebagainya itu, kita tidak akan berjaya kalau sungai kita kotor. Di Kelantan tiap-tiap tahun kita ada masalah ini. Musim tengkujuh timbullah masalah, ikan mati, itu mati. Jadi, saya harap kementerian memberi penekanan dan *priority* kepada kawasan-kawasan ini. Oleh kerana kalaulah kita, Pusat dan kita tahu kelemahan kerajaan negeri, permasalahan-permasalahan di kerajaan-kerajaan negeri tertentu, maka kita di Pusatlah sepatutnya menjadi penggerak utama melalui Majlis Tanah Negara, melalui segala-segala kuasa yang ada untuk memperbetulkan perkara-perkara yang perlu kita betulkan untuk kebaikan orang ramai. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petra Jaya.

2.54 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan bagi kementerian ini. Saya akan hanya menyentuh kepada Maksud P.23, Butiran 16200 – Terusan dan Membersihkan Sungai-sungai Sarawak di mana peruntukan hanya diberikan RM10. Dan juga 16700 – Perparitan dan Tebatan Banjir (RTB). Seperti mana yang kita maklum Sungai Sarawak merupakan satu sungai amat penting kepada penduduk di Bandar Kuching dan sekitarnya kerana ia merupakan sumber bekalan air bersih kepada penduduk-penduduk di sana.

Keduanya, juga merupakan sumber pendapatan nelayan sungai sebagai sumber pendapatan utama dan juga sampingan.

Ketiga, sebagai tarikan pelancong ke Sarawak. Jadi, saya menyarankan agar peruntukan RM10 tadi dapat ditambah. Kalau tidak pun pada tahun depan sekurang-kurangnya pada awal Rancangan Malaysia Kesembilan supaya ianya diambil perhatian khusus berkaitan dengan pembinaan terusan dan juga pembersihan Sungai Sarawak. Ini penting kerana di samping usaha pembersihan, banyak usaha lagi yang perlu dijalankan bagi Sungai Sarawak untuk mengelak banjir dan hakisan pada tanah

perkampungan di sepanjang sungai, sebab berlaku juga tanah-tanah runtuh di mana ada setengah rumah telah pun jatuh ke sungai.

Jadi, antara beberapa perkara yang telah kita bincangkan dalam sesi perbincangan atau *brain storming*, dengan izin, dengan pihak Lembaga Sungai Sarawak yang bertanggungjawab menjaga Sungai Sarawak, salah satu unsur yang harus kita jalankan yang pertama ialah untuk menjalankan *hydrographic survey* dan *profiling* Sungai Sarawak. Jadi, dianggarkan kos untuk menjalankan *survey* dan *profiling* ini adalah lebih kurang RM5 juta tetapi tiada peruntukan yang diperuntukkan di tahun depan. Saya sangat mengharapkanlah pihak kementerian memperuntukkan perbelanjaan ini, sebab *survey* ini amat penting untuk mengkaji setakat mana pemendapan di Sungai Sarawak menjadi salah satu faktor penyumbang kepada banjir besar di Kuching selama dua tahun berturut-turut boleh dikurangkan, serta penyelesaian dapat kita cari sebab kita kluatir, terutama saya amat kluatir pada Januari tahun depan musim tengkujuh akan datang lagi, dan banjir yang besar akan berlaku bukan sahaja di Bandar Kuching tetapi seluruh kawasan bermula daripada Bau dan sebagainya, di sepanjang Sungai Sarawak, akan berlaku banjir dan ini akan membebaskan rakyat yang tinggal di sepanjang Sungai Sarawak tersebut. Jadi, ini kita tidak mahulah kehilangan dan kerosakan harta benda rakyat yang akhirnya rakyat akan menyalahkan pihak kerajaan.

Yang keduanya, kalau kita lihat juga peruntukan diperlukan sebanyak RM3 juta kepada Kerajaan Sarawak, melalui Lembaga Sungai untuk menyediakan *early warning system*, dengan izin, supaya apabila berlaku hujan lebat atau kemarau di hulu Sungai, penduduk di sepanjang Sungai Sarawak dapat diberi amaran awal akan sebarang kemungkinan terutamanya banjir. Sekarang ini *telemetry station* dipunyai dan dikendalikan oleh DID. Tujuan hanya terhad kepada pengumpulan data dan *flood mapping*, dengan izin. Tansmisi maklumat hanya dibuat sejam sekali dan data hanya boleh diperolehi pada waktu pejabat. Maknanya, kalau hujan berlaku selepas waktu pejabat maka kita tidak dapat memberi amaran awal kepada penduduk.

Sebab itu kalau peruntukan RM3 juta tadi dapat diberi melalui Lembaga Sungai Sarawak, maka penambahan *telemetry station* yang dikendalikan oleh Lembaga Sungai Sarawak akan dapat memberi *real time data* dengan izin, berkaitan dengan kadar hujan dan paras air setiap 15 minit, lantas akan memberi amaran awal kepada penduduk akan kemungkinan berlakunya banjir. Dengan itu sudah pasti akan dapat

mengurangkan kadar kerosakan kepada rakyat dan rakyat lebih bersiap sedia untuk memindahkan harta benda mereka kepada tempat yang lebih selamat.

Begitu juga perparitan di kawasan atau sekeliling Sungai Sarawak terutamanya di kawasan Samariang dan juga Tupong mestilah diberi keutamaan sebab perparitan di kawasan tersebut tersumbat dan ini menyebabkan mudah berlakunya banjir sebab tiada perparitan yang sempurna diadakan pada masa ini, dan sering kali bila kita berjumpa dengan pihak DID ataupun pihak Dewan Bandaraya, masalah ialah peruntukan yang kurang. Jadi, hal ini haruslah diberi perhatian kerana perparitan yang tidak sempurna memberi masalah kepada kesihatan sebab perparitan tersumbat dan ini juga boleh menyebabkan berlakunya banjir bila datang musim tengkujuh ataupun bila tiba '*king tide*' di setengah kawasan. Jadi, kita haraplah pihak kerajaan akan memberi perhatian khusus kepada perkara ini demi untuk mengelakkan berlakunya kerosakan kepada harta rakyat untuk kesejahteraan rakyat. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang.

3.00 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 020100 - Pentadbiran Tanah. Tuan Pengerusi, saya pernah membangkitkan tentang kegiatan dan kejadian isu pertukaran nama hak milik tanah tanpa kebenaran dari pemilik asalnya ianya nampaknya semakin serius yang melibatkan termasuk nama Selangor, Johor, Perak dan Pulau Pinang. Pendedahan isu ini telah memberikan gambaran kepada kerajaan dan masyarakat umum memang terdapat kelemahan dalam prosedur permohonan pertukaran nama hak milik tanah dan juga terdapat sesuatu yang tidak kena dengan sistem pengurusan tanah sehingga terjadi kes-kes pertukaran hak milik tanpa pengetahuan dan kebenaran daripada milik asalnya telah berlaku di negara kita ini.

Dengan adanya kes-kes semacam ini merupakan cara penipuan terus berlaku maka penjelasan daripada kerajaan perlu dibuat untuk menerangkan apa sebabnya tidak dicadangkan untuk menyemak atau mengkaji semula setengah-setengah peraturan atau prosedur permohonan penukaran hak milik dalam Kanun Tanah Negara untuk mencegah kes-kes berulang lagi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian pernah menjawab di Dewan ini terhadap pertanyaan saya, mengikut *Penyata Rasmi Parlimen* yang bertarikh 29 September 2004, beliau berkata Yang Berhormat bagi Serdang telah menimbulkan isu di mana berlaku pertukaran hak milik tanah tanpa pengetahuan dan tanpa kebenaran tuan tanah. Pada hemat kementerian ini peruntukan dalam Kanun Tanah Negara adalah mencukupi bagi melindungi kepentingan tuan-tuan tanah.

Tuan Pengerusi, kalau demikian saya bertanya kenapa kes-kes pertukaran hak milik tanah tanpa pengetahuan pemilik asalnya terus berlaku. Kalau Kanun Tanah Negara cukup untuk melindungi, apa fasal berlaku demikian? Saya merasa terkejut dan kecewa terhadap jawapan daripada pihak kementerian terhadap isu yang begitu serius dalam Dewan ini.

Beberapa Orang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Yap Pian Hon: Perkara ini nyata menunjukkan pihak kementerian menganggap kes-kes ini adalah remeh-temeh tanpa mengira nasib tuan-tuan tanah yang dijadikan mangsa dan hilang hak miliknya tanahnya dalam sekelip mata tanpa memberi sebarang tindakan ulasan....

Beberapa Orang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Yap Pian Hon: ..atau pandangan terhadap isu di dalam Dewan ini.

Beberapa Orang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Yap Pian Hon: Rasa dukacita dan kesal juga kerana.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*.

Dato' Yap Pian Hon: Isu-isu ini bukan sahaja menjejaskan kepentingan hak mutlak pemilik tanah asalnya tanpa dikawal.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, bangun. Sri Gading Yang Berhormat *[Ketawa]*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya amat simpatilah dengan perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Serdang ini dan saya rasa kementerian kena ambil serius kalau tanah boleh bertukar hak milik tanpa pengetahuan pemilik asal, ini satu jenayah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu jenayah dan pihak kementerian tidak boleh menjawab dengan cara apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Serdang

tadi bahawa peruntukan undang-undang telah sedia ada dapat melindungi, tetapi apa yang berlaku benda ini terus berlaku.

Seorang Ahli: Ya betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa jaminan kerajaan untuk melindungi hak-hak orang-orang yang mempunyai tanah yang ada di dalam negara ini.

Seorang Ahli: Tidak ada

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang, ini kali kedua ini dan ini serius dan saya dengar juga beberapa rakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat lain, menjumpai perkara seperti ini dan perkara ini harus agaknya diberikan tindakan yang sewajarnya, saya menyokonglah Yang Berhormat Serdang. Ini wakil rakyat yang hebatlah.

Seorang Ahli: Yang hebat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Wakil rakyat Barisan Nasional, hebatlah bukan DAP yang hebat, DAP apa hebat.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Yang Berhormat Sri Gading. Saya memang faham cara penipuan telah berlaku di dalam negara kita ini berkaitan dengan masalah ini. Tetapi tindakan daripada pihak pengurusan perlu juga memberi nasihat cara mana untuk melindungi hak asasi tuan tanah yang telah ditipu itu.

Tuan Pengerusi, jika isu-isu ini masih terus berlaku tanpa tindakan bagi dibetulkan dan dicegah rakyat akan hilang kepercayaan kepada sistem pengurusan hak milik tanah. Maka saya meminta kepada pihak kementerian memberilah penjelasan dengan cara mana untuk mengatasi isu penukaran nama hak milik tanpa pengetahuan pemilik asalnya, sila jelaskan isu ini di Dewan, demi kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa rumah kediaman di kampung-kampung baru yang diwujudkan pada zaman darurat pada tahun 1948 masih belum diukur. Penduduk-penduduk di dalam 422 kampung-kampung baru ini biasanya mempunyai surat hak milik sementara yang dikeluarkan dan didaftarkan oleh Pejabat Tanah. Setelah didaftar maka permohonan ukur - P.U akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah kepada Jabatan Ukur Negeri untuk tujuan ukuran pengeluaran hak milik tetap. Oleh kerana koordinasi antara Jabatan Tanah dengan Jabatan Ukur Negeri masih kurang sempurna yang menjadikan kelambatan surat hak milik tetap dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini ada kaitan dengan kerana kalau ikuti sijil surat hak milik sementara yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah itu, tidak

satu syaratnya saya meminta izin, dalam pelan tanah yang di bawah ini, sempadan- sempadan yang ditunjukkan dengan berwarna merah itu iaitu sempadan- sempadan yang belum ditetapkan dengan ukur adalah sementara waktu sahaja. Ertinya suratan hak milik ini hanya sementara waktu, tidak boleh dihadkan kalau pertikaian antara jirannya berkaitan dengan sempadan, tidak boleh pakai suratan hak milik sementara ke mahkamah kerana tidak ukur sebenarnya.

Maka dengan ini saya mencadangkan untuk menyelesaikan masalah ini dengan, pertama, satu pasukan khas yang melibatkan agensi dan jabatan berkenaan perlu ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah yang sentiasa berbangkit tentang kampung baru-kampung baru ini.

Kedua, mencari satu formula atau cara mengikut undang-undang dan peraturan untuk menyelesaikan P.U yang tidak boleh diproses akibat 'suruhan penempatan' - SP yang tidak diselesaikan.

Tuan Pengerusi, saya panggil perkara ini kerana separuh rumah-rumah kediaman di dalam 452 buah perkampungan baru ini masih menghadapi masalah ini. Jadi sebab itu minta pihak kementerian berilah pandangan terhadap cara mana untuk atasi masalah yang telah berlaku begitu lama ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat. Gulung.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, saya pernah memaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar Selangor tentang isu pembakaran terbuka di atas tapak simpanan Sungai Langat berdekatan dengan Taman Sri Langat, Jalan Reko Kajang. Penduduk di sekitarnya memang merasa susah hendak bernafas dan menjejaskan kesihatan. Pencemaran udara terus berlaku, kenapakah tapak simpanan Sungai Langat dibiarkan untuk dijadikan pusat membuang sisa-sisa binaan sampah dan terus dibakar secara terbuka.

Saya difahamkan bahawa 'Asia Development Bank' terus meminjam wang jumlah RM3.8 juta kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran Wilayah Persekutuan untuk projek mendalam dan membesar Sungai Kuyup bagi mencegah banjir sering berlaku di sebahagian kawasan Seri Kembangan. Projek ini telah ditawarkan oleh syarikat pembinaan Limbungan Sedia Berhad yang telah disenaraikan dalam Bursa Malaysia

yang kontrak kerjanya dari Jun 2002 hingga Disember 2002, tetapi pihak kontrak gagal berbuat demikian dan terus diberi lanjutan tempoh sehingga penghujung Disember 2004 dengan sebab-sebab tertentu. Soalan daripada masyarakat setempat bertanya kini ialah bolehkah banjir tidak akan melanda semula di Seri Kembangan selepas siapkan projek ini.

Penjelasan pula tidak dapat diberikan kepada pihak kementerian terhadap banjir yang sering melanda di Kampung Sungai Ramal, Kajang akan dapat diselesaikan kerana bekas menteri yang memaklumkan kepada saya melalui surat menteri bertarikh 27 Ogos 2001 dan 27 Jun 2002 telah mengesahkan bahawa projek tebatan banjir Sungai Ramal, daerah Hulu Langat telah diluluskan sebagai "SMART 2 Project" di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Jadi dengan demikian, komitmen ini telah menjadi satu masalah yang besar kepada penduduk di situ. Bilakah projek yang telah dicomit ini dapat dilaksanakan supaya banjir tidak akan berlaku lagi di Kampung Sungai Ramal, daerah Hulu Langat di kawasan saya ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Mambong.

3.11 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di dalam perbincangan saya pada kali ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara termasuk Butiran B - 070100 dan P - 07200 yang berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar.

Pemantauan kualiti alam sekitar adalah di dalam tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar. Tetapi selama ini, seperti mana yang saya tahu, bilangan sungai semakin tercemar, udara semakin tercemar. Sisa-sisa toksik yang berjadual tidak dibawa ke tempat yang ditetapkan. Jadi, apakah yang berlaku kepada Jabatan Alam Sekitar? Yang memantau kualiti alam sekitar adalah sebuah syarikat swasta yang bernama AsMa, syarikat swasta.

Syarikat ini ditubuhkan lebih 10 tahun dahulu iaitu sebuah gandingan syarikat Malaysia PIC dan sebuah syarikat dari Canada yang dinamakan Buve. Buve memegang 25% ekuiti. Di dalam gandingan Syarikat AsMa ini adalah dipersetujui

bahawa Syarikat Buve dari Canada akan menyumbangkan *expertise* kepada pemantauan kualiti air sungai dan pemantauan kualiti udara agar satu *web-based data management* boleh direka. Tetapi sekarang, Buve telah menjual ekuitinya kepada sebuah syarikat Quantum Up Return Sdn. Bhd. Syarikat ini seperti mana yang saya tahu ialah syarikat RM2 dan *shareholdersnya* adalah dua orang wanita muda.

Jadi mengapakah dibenarkan syarikat yang tidak ada *expertise* di dalam pemantauan kualiti alam sekitar untuk bercantum dengan PIC? Ini adalah satu kemusykilan.

Tuan Pengerusi, kalaulah AsMa tidak mampu menjalankan pemantauan kualiti alam sekitar, saya tidak tahu apa Jabatan Alam Sekitar buat sekarang kerana ini adalah penting. Di dalam Perbelanjaan Mengurus Jabatan Alam Sekitar tahun 2005 yang akan datang, RM85 juta. Saya ingin tahu berapakah di dalam jumlah ini yang diperuntukkan kepada AsMa untuk tugas pemantauan kualiti alam sekitar. Pada tahun-tahun yang lepas, kalaulah Jabatan Alam Sekitar belanja mengurusnya RM35 juta, RM25 juta adalah diperuntukkan kepada Syarikat AsMa untuk membuat semua kerja pemantauan ini. Tetapi sampai sekarang, apa yang AsMa buat adalah hanya memberi laporan dalam bentuk *hardcopy* kepada kementerian.

Yang kita mahu adalah satu *web-based data management*, ini adalah penting kerana tanpa ini kita tidak tahu keadaan alam sekitar yang terkini. Sekarang kalau kita lihat laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, ini laporan kualiti air tetapi data-data yang terkandung di dalam laporan ini adalah tahun 1999. Di manakah laporan yang terkini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Ya, silakan Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Mambong ini semua tahu. Tentang cerita AsMa ini pun dia tahu. Maknanya laporan AsMa ini tidak boleh pakai, tidak ada kualiti. Jadi kalau Yang Berhormat bagi Mambong tahu, kementerian macam mana? Kalau kementerian jawabnya tidak tahu, Yang Berhormat bagi Mambong pula boleh tahu. Kalau katalah kementerian tahu, apa kementerian buat? Apakah hendak bersekongkol dengan AsMa? Apakah kementerian membenarkan perkara yang boleh dikatakan penyelewengan ini berterusan? Ini semua menjadi tanda tanya. Apa yang ada pada

fikiran Yang Berhormat bagi Mambong? Kementerian tahu atau tidak cerita yang Mambong tahu?

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya rasa kementerian memang tahu sebab gandingan di antara Syarikat PIC dan Buve ini untuk membentuk satu syarikat AsMa ditubuhkan sepuluh tahun yang lepas dan semua maklumat yang diperolehi oleh AsMa, sepuluh tahun kebelakangan hinggalah sekarang diserahkan termasuk laporan diserahkan kepada kementerian. Jadi kalau kementerian tidak tahu, saya pun tidak tahu apa dia buat. *[Ketawa]*

Jadi inilah yang penting bagi pemantauan kualiti air dan udara di negara kita. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar kementerian cuba melihat akaun AsMa, cubalah kalau dapat, audit akaun AsMa. Ini adalah penting supaya AsMa lebih bertanggungjawab lagi, jangan semata-mata untuk mendapat data, saya pun tidak tahu sama ada data ini satu data yang sahih ataupun tidak. Ini adalah penting kerana daripada laporan-laporan yang berlainan semasa menjalankan tugas EIA, banyak konsultan yang menggariskan bahawa *based line data* adalah berlainan dari data yang diperolehi oleh AsMa.

Seterusnya Tuan Pengerusi, di bawah Butiran yang sama, saya ingin menyentuh tentang pemindahan sisa-sisa toksik di negara kita. Sisa-sisa toksik adalah dipindahkan oleh syarikat-syarikat yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Ini adalah usaha yang baik. Kalaulah syarikat toksik datangnya daripada Kedah, sisa-sisa ini haruslah dibawa ke Bukit Nanas untuk dilupuskan tetapi ada kalanya sisa-sisa ini tersangkut di tengah jalan.

Kalau kita mengimbas kembali pada tahun 1992, sisa toksik dalam bentuk cecair *potassium cyanide* yang dibawa oleh tongkang daripada Singapura, tiba-tiba terjumpa di Pulau Pangkor. Apabila akhbar tempatan melaporkan tentang ini, maka kerja membersihkan telah pun dijalankan dan sisa-sisa *potassium cynide* seharusnya sampai ke Bukit Nanas. Tetapi tidak, kerana terjumpa lagi di Pulau Pinang. Kenapa pindah dari satu tempat ke satu tempat. Ini adalah satu masalah dan begitu juga sisa-sisa toksik di Bukit Ijok di Kuala Selangor. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya menyarankan agar Jabatan Alam Sekitar buatlah penguatkuasaan selalu dan juga cubalah mereka bentuk satu program agar sisa-sisa toksik ini boleh dikesan, di mana asalnya dan dia mesti sampai ke tempat untuk dilupuskan. Di Sarawak....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Di Sarawak, saya mohon agar sisa-sisa terjadual dibawa di tapak pelupusan sampah di Mambong kerana kita ada teknologi yang terkini untuk melupuskan semua sisa terjadual agar ia tidak beracun lagi. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh.

3.22 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah. Banyak bangunan di negara kita tidak mempunyai hak milik strata. Saya pernah tanya satu soalan di Parlimen dalam sidang yang lepas mengenai berapa pemaju yang sepatutnya memohon hak milik strata, tetapi tidak berbuat demikian. Tetapi kesalnya jawapannya tidak memberi data yang saya ingini. Soalan saya adalah, apakah Pejabat Tanah dan Galian kita di seluruh negara atau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mempunyai maklumat sebegini? Kalau tidak, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

Selain itu, memandangkan terdapat begitu ramai pemaju tidak memohon hak milik strata untuk bangunan dan pangsapurnya, kenapakah pihak kementerian tidak pernah melaksanakan tanggungjawab yang termaktub dalam Akta Hak Milik Strata untuk mendakwa mereka di mahkamah? Setakat ini, kita tidak pernah baca sesiapa pemaju yang tidak memohon hak milik strata dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Kenapakah ini berlaku? Bila saya tanya soalan ini di Parlimen, jawapan yang saya terima ialah kekurangan tenaga kerja. Ini juga merupakan jawapan yang susah diterima oleh kita semua.

Apakah langkah kementerian untuk menyelesaikan masalah ini? Di manakah *Strata Titles Board* yang termaktub di Akta Hak Milik Strata kita? Selepas akta tersebut diluluskan selama tiga tahun di Dewan yang mulia ini, setakat hari ini kita hanya lihat *Strata Titles Board* ditubuhkan di negeri Pulau Pinang sahaja. Di manakah *Strata Titles Board* yang sepatutnya ditubuhkan di setiap negeri kita?

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu bekas Timbalan Menteri Tanah dan Koperasi pernah berkata di Dewan yang mulia ini, bahawa kementeriannya akan membentangkan pindaan terhadap Akta Hak Milik Strata untuk menyelesaikan masalah bangunan lama yang dibina pada tahun 60-an dan 70-an yang tidak

mempunyai hak milikstrata. Tetapi isu ini masih tergantung dan tiada apa-apa dasar diumumkan oleh pihak kementerian sehingga hari ini. Jadi saya ingin tanya kepada kementerian, apakah keputusan kementerian terhadap isu hak milik strata bangunan lama ini.

Tuan Pengerusi, korupsi dalam Pejabat Tanah dan Galian telah menjadi semakin serius. Ini adalah fakta yang diketahui oleh ramai pembeli rumah dan pemaju. Korupsi dalam kementerian ini juga dibuktikan dengan pendakwaan terhadap bekas Menteri Tanah dan Koperasi ke mahkamah oleh pihak Badan Pencegah Rasuah.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Sebenarnya kita tahu yang korup itu bukan bekas Menteri sahaja, tetapi ia sebenarnya satu fenomena yang *top down* yang melibatkan banyak pihak, tetapi kesalnya, pihak kerajaan tidak mengambil tindakan untuk menangani masalah ini.

Tuan Pengerusi, seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang tadi, kes penipuan yang berlaku dalam Pejabat Tanah dan Galian iaitu kes penukaran nama pemilikan tanah tanpa pengetahuan tuan punya tanah asal telah bertambah banyak. Adalah jelas bahawa kes penipuan seperti ini hanya boleh berlaku dengan adanya bantuan dan penglibatan daripada pegawai di Pejabat Tanah dan Galian.

Tuan Pengerusi, keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap Ardon Properties Sdn. Bhd lawan dengan Boonsom Boonyanit, di mana Ardon Properties Sdn. Bhd. yang membeli tanahnya tanpa pengetahuan tuan tanah yang asal ini adalah sah telah menimbulkan kebimbangan daripada ramai tuan tanah kerana mereka bimbang perkara yang sama boleh berlaku kepada diri mereka.

Perkara ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang dalam ucapannya tadi, dan saya juga sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Serdang bahawa Setiausaha Parlimen kementerian ini sebenarnya tidak memberi satu jawapan yang tepat, yang menunjukkan bahawa kementerian ini berikhtiar untuk menangani masalah seperti ini. Kalau masalah seperti ini diteruskan apa yang kita lihat adalah seperti yang dikatakan, “Pagar jaga padi, pagar makan padi”.

Jadi, saya rasa kalau seperti apa yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen dalam jawapan di peringkat dasar itu, yang mana beliau berkata Kanun Tanah Negara kita tidak ada masalah. Jadi sudah pastinya pentadbiran Pejabat Tanah dan Galian ini mempunyai banyak masalah. Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk

menangani masalah penipuan yang berlaku di Pejabat Tanah dan Galian ini? Kenapa setakat ini Menteri tidak mengarahkan apa-apa siasatan terhadap kes-kes penipuan yang melibatkan Pejabat Tanah dan Galian ini, dan kenapakah tiada sesiapa pegawai Pejabat Tanah dan Galian ditangkap dan digantung jawatan kerana penipuan tersebut? Jadi apa yang berlaku pada Menteri kita?

Pada pagi tadi Yang Berhormat Batu Gajah mengemukakan usul untuk memotong gaji RM10 Yang Berhormat Menteri. Tetapi saya rasa sangat hairan Yang Berhormat Menteri tidak hadir langsung. Sepatutnya gajinya dipotong lebih lagi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tidak hadir dan sekarang Setiausaha Parlimen yang tidak memberi jawapan yang memuaskan dalam peringkat dasar itu, yang harus menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh kita. Sepatutnya Menteri, Timbalan Menteri kedua-duanya harus dipotong gaji dengan lebih banyak. Saya rasa Sri Gading tentu akan sokong cadangan saya ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 070000 - Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar dan Taman Laut. Saya ingin menyentuh kegagalan Jabatan Alam Sekitar untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

Tuan Pengerusi, kerajaan ingin menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020. Di semua negara maju yang pernah saya lawati, kerajaan mereka amat prihatin terhadap pemeliharaan alam sekitar dan kerajaan di negara-negara ini juga mengadakan dasar yang membangkitkan kesedaran dan pendidikan terhadap rakyatnya, tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan mengitar semula sampah sarap kita. Tetapi kesannya Jabatan Alam Sekitar telah merupakan satu jabatan yang kewujudannya tidak disedari oleh rakyat jelata.

Apabila negara kita diserang oleh jerebu, kita tidak diberitahu tentang sebab-sebab jerebu, arah jerebu dan malah tidak mengumumkan bacaan API.. Ketidaktelusan kerajaan terhadap API ini sebenarnya telah mengancam kesihatan dan ia juga tidak akan membantu untuk menarik pelancong untuk melawat negara kita, kerana agensi pelancong asing tahu bahawa kerajaan kita tidak telus terhadap bacaan API.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membantu Tuan Pengerusi yang seorang lagi dari MCA itu untuk membangkitkan isu yang berlaku di kawasanya, iaitu di kawasan Kulai, di Batu 23, Kulai - mengenai pembakaran sampah sarap secara terbuka telah berlanjutan lebih daripada dua bulan.

Jadi saya ingin tanya apakah tindakan Jabatan Alam Sekitar terhadap perkara ini yang mana juga telah dilaporkan secara besar-besaran dalam surat khabar tempatan di Johor. Kalau Yang Berhormat bagi Kulai, Tuan Pengerusi itu tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia dengar Yang Berhormat, dia dengar di luar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: cepat membangkitkan dia dengar juga.....

Tuan Pengerusi: Tapi gulung Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: saya ingin membantunya membangkitkan apakah yang akan dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar kerana hujan yang turun itu didapati adalah hujan asid. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu lagi, saya akan gulung. Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa penggunaan plastik yang berlebihan akan merosakkan alam sekitar dan pembakaran bahan plastik oleh insinerator akan merosakkan alam sekitar kerana ia akan menghasilkan dioksin yang menyebabkan penyakit kanser. Sedihnya Jabatan Alam Sekitar tidak menggubal apa-apa peraturan dan undang-undang yang mengawal penggunaan plastik dan ia juga tidak menjalankan pendidikan kepada orang ramai untuk mengurangkan penggunaan plastik dan menggalakkan industri yang menghasilkan produk alternatif yang menggantikan plastik.

Saya juga merasa kesal bahawa Jabatan Alam Sekitar juga telah meluluskan *EIA incinerator* di Broga yang kita tahu bahawa insinerator itu dibina di tempat takungan air dan air itu akan diguna dan diminum oleh penduduk di Lembah Klang. Macam manakah kementerian menjustifikasikan insinerator dibina di kawasan Broga yang mana akan menjejaskan penduduk di kawasan Semenyih, Kajang dan seluruh Lembah Klang. Kenapakah kementerian tidak mencadangkan kepada kerajaan untuk menggunakan teknologi alternatif seperti MIF yang berasaskan konsep kitar semula untuk menggantikan insinerator. Jadi saya berharap ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: isu-isu yang dibangkitkan bolehlah dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengan memuaskan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan.

3.33 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya sekali lagi untuk turut berbahas. Saya tidak mahulah macam Yang Berhormat bagi Seputeh, banyak perkara yang disentuh. Saya ingin menarik perhatian bagi satu perkara sahaja iaitu bagi Maksud Perbekalan B.23 Butiran 040400 – Topografi Sabah.

Masalahnya ialah di Sabah ada beberapa kes berlaku bahawa jika kita mengendalikan kerja penyukatan *kadastral* ia tidak akan menutup walaupun *coordinate* yang kita pakai, *origin* yang kita pakai itu agak berdekatan. Satu misalan, dari seberang sungai ke seberang sungai itu tidak akan menutup. Ini berlaku kerana jika nilai sesuatu titik kawalan ditarik dari satu *origin* ke tempat titik kawalan yang lain, walaupun berdekatan, jika dibandingkan *origin* yang diberi oleh JUPEM dengan *trig station* yang lama memang tidak akan menutup.

Serupa juga kita melarikan *level* atau aras *origin* asal dari aras PM yang dibuat oleh JUPEM, dari Pantai Barat Sabah tidak akan menutup jika nilai itu kita gunakan untuk menutup *traverse* ke arah pedalaman ataupun seterusnya ke akhir *traverse* itu di sebelah Pantai Timur Sabah di Sandakan ataupun di Tawau. Nilai aras laut di pantai barat dan di pantai Sandakan memang tidak sama, tidak akan menutup.

Apabila dijalankan pengukuran untuk menentukan ketinggian Gunung Kinabalu yang menggunakan peralatan *GPS* pada dua atau tiga tahun yang lalu, adalah amat dikhuatiri dan diragui sebab, Tuan Pengerusi, nombor satu, *coordinate* satelit yang kita gunakan itu tidak menentu. Yang boleh menentukan adalah pemiliknya sendiri sahaja. Sekiranya kita yang mempunyai benda itu takkan kita bagi tahu *coordinate* yang sebenar. Soalnya benda itu bukan murah, satelit yang kita gunakan itu adalah kepunyaan negara-negara yang besar untuk pengintipan dan sebagainya, untuk kepentingan mereka sendiri. Sanggupkah mereka memberi tahu kepada orang lain di manakah letaknya benda itu.

Jadi itu, Tuan Pengerusi, saya masih lagi tertanya-tanya jika betul-betul kita menggunakan nilai yang sebenar kerana ada pada satu ketika kita langsung tidak mendapat signal dari satelit itu kerana kononnya di *switched-off*, dengan izin, oleh pemiliknya. Kedua, penentuan ketinggian sehingga ke *millimeter, three decimal places*, dengan izin, tidak ada logik dan tidak praktikal, adalah *ridiculous* dan

unimaginable, dengan izin. Kita terpaksa mengambil keadaan cuaca, keadaan *atmospheric* bahkan pencemaran udara perlu juga kita ambil kita. Kita bercakap fasal signal gelombang yang kita dapat melalui angkasa, dari satelit yang ada di dalam persekitaran kita. Tindakan kita dapat *accuracy* satu millimeter.

Ketiga, penentuan ketetapan *geoc* mestilah ada penyukatan terlebih dahulu atau perpisahan antara *geodal* dan *ellipse oval* di tempat yang berkenaan harus disahkan dahulu. Usaha ini belum dibuat lagi, bagaimana, Tuan Pengerusi.

Saya juga terlibat dengan projek ini tetapi bukan secara langsung. Atas cara bagaimana ia diukur saya tidak ikut naik gunung bersama bila mereka membuat kerja-kerja mengukur. Juruteknik kerajaan yang naik dan saya mempunyai banyak kekhawatiran pada masa itu. Bila disoal kekhawatiran itu, pegawai-pegawai yang *terror-terror* itu membuat keputusannya sendiri.

Tuan Pengerusi, pada tarikh pengukuran rasmi yang mana Ketua Menteri Sabah sendiri ikut bersama dengan kumpulan juru ukur negeri Sabah membuat pengumuman pada 25 Jun 1997 yang menyatakan ketinggian Gunung Kinabalu itu ialah 4,093.372 meter, tiga *decimal point*, iaitu sampai dua millimeter dia boleh sukat. Tidak lama kemudian, JUPEM pula membuat penganalisisannya sendiri dengan menggunakan alat dan sistem yang sama dengan menambah anggaran nilai *geod* sebagai 1.857 meter kepada nilai pengukuran yang terdahulu untuk menjadikan ketinggiannya 4,095.229 meter yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri pada bulan Julai pada tahun yang sama. Bagaimana ia mendapat anggaran nilai *geod* itu jika penyukatannya belum dibuat lagi. Saya tidak faham.

Penyukatannya itu diumumkan oleh Perdana Menteri yang kononnya tinggi Gunung Kinabalu yang megah perkasa itu 4,095.229 meter. Kebolehan kita menyukat *to the nearest millimeter*, bagaimana kita boleh sukat ketinggian *to the nearest millimeter* kalau gunung itu bukan *pointed*? Mana yang kita tahu mana yang tertinggi?

Kedua, tempat yang kita capai, dengan izin, bukan *solid* sangat - kalau kita letakkan satu biji pasir pun agak sudah berlainan nilainya.

Yang ketiga, satu ketul batu kerikil, tumbuhan lumut, boleh menyebabkan penukaran nilai itu.

Jadi, *argument* saya, bukan bermaksud cara pengukuran itu salah atau alat yang digunakan itu tidak tepat tetapi pengumumannya, nilainya *to the nearest millimeter* tidak ada logik, salah dan kita tidak begitu ketara tunjuk kebodohan kita

kalau ia diumumkan *to the nearest meter*. Perdana Menteri pada ketika itu pun diperbodohkan. Saya cabar kementerian jika satu penyukatan hari ini kalau ia boleh mendapat nilai *exactly*, tepat kepada 4,095.229 meter, kalau boleh dapat. Maksud saya, biarlah kita *hypothetical* kata, tinggi Gunung Kinabalu adalah *to the nearest meter* sahaja, iaitu 4,095 meter, yang lebih praktikal didengar.

Bayangkan, Tuan Pengerusi, Gunung Kinabalu telah pun disenaraikan sebagai satu-satunya tempat dan tapak *world heritage* dalam peta dunia, tetapi ketinggian itu adalah masih diragu-ragukan. Cara kita menentukan ketinggian itu, kita tidak mahu ianya boleh ditertawakan oleh negara orang lain. Jadi, cadangan atau kesimpulannya, Tuan Pengerusi, saya mohon jika pihak kementerian dapat menyediakan peruntukan yang cukup untuk membuat suatu inisiatif, untuk membuat satu usaha kerja ke arah mengemaskinikan atau meningkatkan nilai-nilai soal rangkaian atau jaringan kawalan *geodetic* atau titik kawal bumi serta pengukuran awal *autometric*, dan ini haruslah dilaksanakan dan diwujudkan dengan secepat yang boleh dan kalau boleh yang tepat sekali.

Adalah juga dicadangkan supaya pengukuran penentuan perpisahan *geoid* dan *ellipsoid* di Sabah melalui *gravity determination*, dengan izin, pada tempat-tempat yang tertentu harus dilaksanakan untuk mengelakkan keraguan nilai-nilai aras *level* kita.

Saya cadangkan supaya pihak kementerian mewujudkan satu pelan komprehensif untuk stesen tetap pengesanan pergerakan JPS iaitu *establishment of permanent JPS tracking station*, dengan izin, di Sabah dan di Sarawak. Kementerian haruslah mengambil berat tentang hal ini kerana masalah segala pembangunan akan terjejas jika pelan-pelan yang kita hasilkan itu masih menggunakan nilai-nilai *origin* yang ada pada masa sekarang, yang kita masih ragu-ragukan itu.

Antara akibatnya adalah masalah tentang pemberian nilai-nilai aras kepada aktiviti-aktiviti seperti penimbunan tanah dan pengorekan bukit-bukit yang dikehendaki pembinaan perparitan, pembinaan jambatan, penentuan ketinggian bangunan, penentuan aras-aras infrastruktur jalan raya dan sebagainya yang menggunakan nilai-nilai *origin* yang tidak ketentuan dan amat ragu ini akan menyusahkan kita apabila kita melaksanakan apa jua jenis perancangan pembangunan di tempat itu.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mohon kepada kementerian untuk menyediakan peruntukan kewangan yang cukup untuk membina...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ya. Sekejap, sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Dengan izin, *to establish* jaringan, kawalan sekurang-kurangnya kelas kedua di setiap sepanjang jalan raya atau lebuh raya atau tempat-tempat yang strategik di Sabah supaya ianya dapat diakses oleh sesiapa sahaja yang akan menggunakannya.

Kedua, *travelling network* atau rangkaian jaringan juga dikemaskinikan, dipertingkatkan nilai-nilai *origin* itu, *benchmarking* kita untuk mengurangkan masalah yang saya sebutkan tadi. Penerbitan peta topografi, peta *thematic* dan peta elektronik yang berkualiti harus juga dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak. Ini adalah untuk membantu para perancang untuk membangun pembangunan setempat. Masalahnya di Sabah, kemudahan seperti ini belum ada, minta tolonglah Menteri, bagi perhatian tentang perkara ini.

Dengan itu saya akhiri dengan ucapan terima kasih kepada kementerian dan kalau saya tersalah tanya atau kalau silap sentuh perkara yang tidak jelas, mohon diampunkan. Namun demikian saya tetap menyokong. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Eh, ramai ya? [Disampuk] Yang Berhormat bagi Bentong.

3.44 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bandar Bentong mengalami suatu bencana banjir pada awal tahun ini. Saya telah beberapa kali bangkit perkara ini di Dewan yang mulia ini, dan meminta pertolongan daripada kementerian agar dapat memberi peruntukan untuk mendalamkan sungai, untuk memastikan bahawa kita dapat mencegah banjir daripada terus berlaku di bandar Bentong, tetapi sampai hari ini kita belum terima lagi apa-apa maklumat.

Tuan Pengerusi, saya hendak maklumkan kepada kementerian bahawa bandar Bentong ini, kasihanlah kepada kita, ia ini terletak di antara tiga batang sungai yang bercantum di Bentong dan di hulu-hulu sungai ini semua terdapat pembangunan yang begitu pesat – Genting Highlands ada, Fraser Hill ada dan semua pembangunan yang begitu pesat ada di hulu. Apabila hujan kuat di hulu, kita yang tinggal di hilir bandar Bentong ini, semua air masuk ke kawasan-kawasan kita. Walaupun hujan di Bentong tidak kuat, tetapi apabila hujan kuat di hulu sahaja, kita kena kesannya. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Memang kita ada rancangan untuk membina empangan di kawasan hulu agar kita dapat mengelakkan apabila hujan di kawasan hulu, maka kita di kawasan hilir menerima bencana. Tetapi sehingga kini saya tidak nampak apa-apa dalam bajet kali ini ada membina empangan untuk membantu mencegah banjir.

Kita faham bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan kita untuk menghalang ataupun mencegah banjir ini tidak banyak. Kita tahu bahawa kita memerlukan lebih kurang RM15 bilion kalau hendak mencegah banjir ini ataupun hendak memastikan bahawa sungai-sungai kita ini dapat dijaga dengan baik, tetapi kita hanya dapat lebih kurang RM1 bilion hingga RM2 bilion.

Boleh tidak kita minta dengan kerajaan, kalau boleh kasihanlah kerana fasal banjir ini banyak berlaku kerosakan dan kerugian. Tambahkan peruntukan dari segi mengatasi bencana banjir ini. Memang kalau kita perlukan RM15 bilion, hanya diberikan RM2 bilion, memang tidak cukuplah. Maka, apa yang hendak dirancang oleh kementerian memang menghadapi banyak masalah. Oleh itu, kita mintalah pihak kementerian tingkatkanlah permintaan dari segi permohonan peruntukan ini agar kita semua sama-sama dapat memberi sokongan untuk membolehkan tebatan banjir ini dapat dijalankan dengan segera dan dapat kita atasi dengan secepat mungkin.

Satu lagi yang saya ingin dapatkan penjelasan ialah berhubung dengan pendalaman sungai-sungai. Kita tahu bahawa sungai apabila hujan akan menyebabkan banjir dan ini adalah kerana sungai-sungai kita telah bertambah cetek. Pengorekan sungai perlu dijalankan sepanjang masa. Apakah dasar sekarang, boleh atau tidak ia diswastakan ataupun apakah kerajaan perlu mengeluarkan peruntukan untuk mengorek sungai sahaja?

Saya yakin apabila kita dapat swastakan kerja-kerja pengorekan sungai ini, kita dapat memastikan bahawa perjalanan pengorekan sungai ini dapat dijalankan sepanjang tahun dan tidak akan membebankan Jabatan Pengairan dan Saliran. Saya lihat bajet ini tidak ada projek khas untuk mendalamkan sungai-sungai Sarawak atau Sabah, tetapi Sungai Pahang ini macam mana? Saya tengok Bentong, saya periksa perkara ini, air dari Bentong masuk ke Karak mengalir masuk ke Sungai Pahang. Apabila saya tengok di Sungai Pahang, Sungai Pahang itu sudah bertambah cetek. Sungai Pahang yang besar sekarang, ia sudah berpulau.

Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen senang, jalan ke Kuantan melalui jalan lama, tengoklah melalui jambatan itu dan lihat banyak pulau di pertengahan

sungai itu. Itu menunjukkan bahawa mendakan yang begitu banyak telah berlaku dan tidak ada pengorekan yang berterusan dijalankan di Sungai Pahang. Kita minta kementerian kalau boleh adakan satu projek khusus untuk mendalamkan Sungai Pahang. Satu sungai amat penting bagi negeri Pahang kerana sungai ini bukan sahaja satu rezeki bagi negeri Pahang, tetapi kalau kita tidak jaga negeri Pahang dengan baik, maka ia akan menimbulkan banyak bencana kepada penduduk-penduduk di sekitar kedua-dua belah sungai ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi berhubung dengan kempen “Cintailah Sungai Kita”. Saya berharap kementerian dapat teruskan kempen ini kerana kita hendak meningkatkan kesedaran penduduk-penduduk berhubung dengan pentingnya sungai ini. Kalau kita tidak menjaga sungai dengan baik, maka hakisan yang berlaku berterusan akan mengakibatkan pelbagai masalah kepada kita kelak. Oleh itu projek ini atau kempen ini patut diteruskan dan kalau boleh berilah peruntukan yang secukupnya kepada Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga kita sebagai Ahli Parlimen akan memberi bantuan untuk menjayakan kempen tersebut.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ialah berhubung hak milik strata. Memang hak milik strata ini adalah satu masalah yang besar. Salah satu masalahnya ialah kerana pemaju-pemaju tidak membuat permohonan kepada pejabat tanah, maka hak milik strata ini tidak dapat dikeluarkan dan pihak pegawai daerah, pentadbir tanah tidak dapat berbuat apa-apa.

Kita perlu mengadakan satu akta ataupun peraturan yang lebih ketat, agar dapat memastikan bahawa pemaju-pemaju yang tidak membuat permohonan boleh kita kenakan denda ataupun kita saman dan bawa ke mahkamah. Kerana keadaan ini telah berlarutan dan menyebabkan banyak masalah hak milik strata ini tidak dapat dikeluarkan. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sudah lambat, sepatutnya kementerian ini menyelesaikan pada hari Khamis yang lepas. Hari ini kita ada dua kementerian yang dijadualkan untuk kita bincang belum kita mulakan lagi. Saya meminta maaf, saya hanya dapat memberikan satu atau dua orang sahaja berucap. Minta maaf, kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum tidak ada satu Parlimen dalam dunia ini yang boleh membenarkan semua yang ingin berucap itu berucap. Itulah saya minta maaf.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]* Yang Berhormat Kinabatangan tidak boleh berucap.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Yang Berhormat pada pukul 4.30 petang saya akan tutup perbahasan, jadi seorang saya benarkan selama tiga, empat minit, sampai berapa adalah. Baiklah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, tiga minit.

3.51 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih saya ingin membangkitkan mengenai Kepala 08700 terus ya. Pertamanya saya ingin mendapatkan kepastian kenapakah rancangan penanam rotan dan projek menanam buluh hanya RM100 ribu sahaja. Projek menanam rotan RM100 ribu, projek menanam buluh RM100 ribu. Saya rasa ini keterlaluan, terlalu sedikit daripada kita memberikan RM100 ribu untuk dinamakan satu projek atau rancangan lebih baik kita potongkan terus Kepala 08700 dengan 08800. Ini memalukan, sudah tentulah rancangan ini tidak akan berjaya, kalau hanya dengan peruntukan sebanyak RM100 ribu sahaja. Minta penjelasan daripada pihak Menteri.

Kemudian saya ingin bertanya kepada pihak Menteri berkenaan dengan rancangan kawalan dan isyarat bahaya banjir ini RM1 juta. Saya rasa peruntukan ini telah berulang setiap tahun, tetapi setiap kali berlaku musim tengkujuh, banjir tidak boleh dikawal, di manakah kelemahan yang sebenarnya pihak kementerian ini sehingga tidak dapat mengawal dan tidak dapat mengesan. Walaupun kita mempunyai peruntukan bagi mengesan banjir akan berlaku melalui hidrologi, tetapi kita masih lagi gagal untuk mencari penyelesaian sehingga kadang-kadang banjir telah berlaku baru kita kelam-kabut, sedangkan kita ada mempunyai peruntukan untuk membuat kajian dan sebagainya.

Kemudian saya ingin tahu berkenaan dengan peruntukan di bawah mencegah hakisan pantai. Ini pun demikian juga, peruntukan ini berlarutan daripada tahun ke tahun, sudah ada peruntukan, bukannya sikit RM12 juta lebih sampai ke peringkat tahun ini ada pula tebatan banjir RM150 juta. Semua peruntukan ini akan menjadi membazir kalau kita tidak membuat satu perancangan yang baik supaya peruntukan tidak berulang. Jadi, saya minta supaya pihak kerajaan khususnya

kementerian ini memilih tempat-tempat yang sentiasa berlaku hakisan dan mencari jalan yang betul-betul, mencari pakar-pakar daripada luar negeri untuk membuat kajian daripada kita membuat tebatan, tetapi banjir tetap berlaku sekali hakisan habis terus.

Datang pula peruntukan tahun hadapan, sekali kita buat, sekali banjir dan hakisan, habis. Dengan itu lebih baik kita menggunakan peruntukan ini jangan buat lagi, tetapi kita mencari dahulu mana-mana negara di dunia ini yang betul-betul telah berjaya untuk membenteng hakisan ini ataupun membuat sistem perparitan untuk tebatan banjir ini. Setakat peruntukan yang ada sekarang ini, saya ingin tahu dari kementerian ini, di manakah yang telah dilaksanakan tebatan banjir di dalam Malaysia ini dan di manakah tempat yang telah dilaksanakan projek untuk mencegah hakisan pantai ini? Dua perkara ini saya ingin mengetahui supaya pihak kerajaan memberi jawapan dengan teliti.

Saya ingin mengetahui juga apakah kesan dan hasil daripada 10 tahun yang lalu, di mana satu kajian telah dibuat iaitu Sungai Golok *River Basin Study* dan Kelantan *River Basin Study*, yang dibuat oleh satu syarikat daripada Australia, nama syarikat itu INNEX kalau tidak silap saya. Apa kesudahannya dan hasil daripada itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Cukup sudah. Allah, tidak mengapalah. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, kesimpulannya ialah saya ingin mengetahui supaya pihak kementerian memberi jawapan dengan secara *detail* khususnya pihak saya tidak akan bangun bertanya lagi di masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

3.55 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan [Sabak Bernam]: Alhamdulillah. Tuan Pengerusi, saya hendak membawa satu perkara sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan: ..iaitu Butiran 02100, 02300 iaitu mengenai Pengurusan dan Pentadbiran Tanah. Kita difahamkan pada tahun 2002 telah ada satu cadangan supaya *re-engineering* ataupun pengkomputeran sistem pentadbiran tanah

ini wajar dilaksanakan, tetapi sehingga hari ini tahun 2004 kenapa ia belum lagi dilaksanakan. Padahal dalam jabatan-jabatan lain yang juga dekat dengan rakyat ia telah diusahakan. Kalau kembali kepada daerah Sabak Bernam relevannya ialah di daerah Sabak Bernam terlalu banyak tanah yang masih lagi tidak selesai urusan bicara kuasanya iaitu dalam urusan *Small Estate Distribution Act*. Jadi, ini telah menyebabkan rakyat terjejas, oleh kerana itulah maka dalam majlis ini dan selepas ini Sabak Bernam berharap supaya urusan pentadbiran tanah secara moden itu dilaksanakan dengan segeranya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

3.57 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian ahli Dewan berhubung dengan 050000 - Perhutanan dan 070000 - Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar dan Taman Laut. Saya ingin menarik perhatian bahawa industri pembalakan menjanjikan pulangan yang lumayan, tetapi di sebalik kelumayan itu kadang-kadang manusia terlupa tentang kerakusannya menodai alam sekitar.

Saya ingin menarik perhatian ini berhubung dengan pencemaran dan juga kerosakan yang berlaku di Tasek Kenyir sebagai satu kawasan yang cukup cantik, tetapi kerana akibat daripada pembalakan di lapan kawasan yang meliputi kawasan 4,250 hektar dijalankan di Tasek Kenyir, Hulu Terengganu sejak dua tahun yang lalu.

Dilaporkan beberapa kawasan di sepanjang Sungai Galong, iaitu antara sungai utama di tasek terbesar buatan manusia itu berlaku pemendapan tanah yang memungkinkan berlaku tanah runtuh. Menurut Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) kawasan pembalakan itu di Sungai Petuang kawasan air terjun sauk, kawasan Sintul dan juga kawasan pulau Somas. Kesan aktiviti pembalakan telah menjejaskan ekologi kawasan tadahan air yang besar itu dan menurut pengurus besar KETENGAH menyatakan bahawa pembalakan di kawasan itu pernah dihentikan pada tahun 1997.

Kesan daripada pembalakan ketika itu amat serius dan kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang drastik, antaranya ialah mengubah konsesi kawasan balak, tetapi selepas tahun 1999 kerajaan negeri di bawah pemimpin PAS

telah mengeluarkan lesen baru di kawasan berkenaan dan ini membawa satu keadaan yang cukup berat dan membawa padah kepada keadaan ekologi di kawasan tersebut.

Aktiviti pembalakan seperti ini terus juga berlaku di lain-lain kawasan tidak terhad di Tasek Kenyir. Ada pengusaha balak lebih mementingkan hasil tanpa memikirkan tentang kesan dan musibah ke atas ekologi ini. Di sinilah kita harus memberi penekanan semula ke atas undang-undang kualiti alam sekitar yang seharusnya tidak dialpakan. Kita mempunyai kekuatan dari segi pembangunan, tetapi kadang-kadang kita amat miskin dari segi penguatkuasaan undang-undang, terutamanya undang-undang alam sekitar yang menjamin kualiti alam sekitar itu.

Inilah satu perkara yang harus kita berfikir hajat kita terlalu baik, tetapi implikasinya membawa kecelakaan kepada diri kita seperti mana kata pantun Melayu,

Niat hati nak pancing temenong;

Sudah terpancing ikan tetuka;

Niat hati nak peluk gunung;

Tetapi terpeluk biawak celaka.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

4.00 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tiga minit. Butiran 070000 dan 070300 serta 080000.

Tuan Pengerusi, sungai adalah merupakan satu khazanah pemberian daripada Allah Subhanahu Wataala kepada seluruh umat sejagat. Persoalan yang ingin saya nyatakan sejauh manakah seriusnya kerajaan menangani isu pencemaran sungai-sungai? Contoh di Kinabatangan, 15 tahun yang lalu sungai ini boleh dikatakan kilau-kilauan, ia segar bugar, ia bercahaya tetapi hari ini nur cahaya tersebut telah dirampas, telah dinodai oleh tangan-tangan manusia yang inginkan kekayaan secara segera.

Kilang-kilang kelapa sawit hari ini telah menodai kebersihan sungai ini dan saya meminta kerajaan dan kementerian ini harus bertanggungjawab untuk memastikan

agar sungai ini dapat dipulihkan seperti sedia kala. Kalau seorang wanita, dia telah dirogol oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Satu persoalan lagi, iaitu sejauh manakah seriusnya kerajaan menangani isu yang telah kita bincang iaitu pertama, kita lihat bandaraya kita Kuala Lumpur dan bandaraya yang lain-lain, asal hujan banjir, apakah puncanya? Di mana faktor-faktor kelemahannya dan dari segi penyelidikan kita dimaklumkan bahawa antara faktor penyumbang ialah sampah sarap iaitu sampah jenis plastik yang tidak mudah lupus dan boleh mengakibatkan pencemaran dan saya mempersoalkan kepada kementerian ini pada satu ketika mempertahankan kewujudan kilang plastik sedangkan kita telah ada satu mekanisme yang lebih canggih iaitu dibuat daripada bahan kelapa sawit. Ia dari jenis benda yang tahan tetapi tidak memudaratkan pencemaran alam sekitar kita.

Saya minta kerajaan kalau boleh dan rakan-rakan yang lain akan membawa isu ini sebab isu ini adalah isu kebangsaan. Bagaimana kita boleh hidup dalam keadaan sihat sekiranya keadaan *environment* kita keadaan situasi kita tidak selamat dan tidak sihat.

Ini perlu mendapat perhatian daripada kerajaan agar kalau boleh kilang-kilang plastik yang sedang beroperasi pada hari ini diganti dengan kilang-kilang mungkin yang mengeluarkan satu bahan yang tidak memudaratkan keselamatan kita dari segi penghidupan harian kita. Itulah Tuan Pengerusi, dua perkara yang saya bawa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Kudat.

4.04 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan tentang dua perkara iaitu Butiran 070100 dan 010200 iaitu berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar.

Seperti mana yang kita tahu bahawa penggunaan plastik adalah merupakan satu perkara yang telah menjadi fenomena yang begitu besar dan membawa kerosakan kepada alam sekitar kita dan ini sebenarnya adalah merupakan satu proses ke belakang kerana kalau kita ingat dalam 20 tahun atau 30 tahun yang lalu, apabila kita ke kedai-kedai di Malaysia maka kita akan diberikan pembungkus-pembungkus kertas sebagai pembungkus bagi belian-belian makanan tetapi setelah

berkembangnya pembangunan industri *petrochemical* maka penggunaan plastik ini telah berleluasa dan telah menimbulkan banyak masalah kepada alam sekitar negara kita. Ini telah menimbulkan masalah pencemaran dan juga pembakaran ini menimbulkan masalah racun-racun *dioxin*. Yang sebenarnya bahan-bahan plastik ini adalah bahan-bahan yang tidak *biogradable* dan apakah cara yang boleh kerajaan lakukan. Adakah kerajaan hanya cuba untuk melindungi industri plastik ini?

Di Malaysia hari ini pun ada syarikat-syarikat yang dibangunkan berasaskan *biogradable* iaitu seperti mana yang disebutkan tadi iaitu berasaskan kepada bahan-bahan tempatan seperti tandan kelapa sawit dan ini telah dibangunkan oleh sebuah syarikat di Malaysia. Kalau saya tidak silap syarikat ini dinamakan Syarikat Ecopack. Pembungkus ini boleh digunakan untuk membungkus makanan dan juga membungkus segala barang-barang belian daripada *supermarket* yang boleh dilarutkan apabila bertindak balas dengan air.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan tentang Butiran 010200 iaitu Perhutanan Sabah. Di dalam peruntukan ini telah diberikan satu peruntukan sebanyak RM3 juta kepada Perhutanan Sabah. Walaupun saya mengalu-alukan peruntukan RM3 juta ini kepada Perhutanan Sabah, tetapi saya juga ingin mengingatkan supaya kerajaan memikirkan bagaimana cara untuk mencegah masalah kecurian balak yang masih berleluasa di negeri Sabah. Seperti mana yang kita tahu, ini telah menyebabkan kerugian yang banyak kepada Kerajaan Negeri Sabah dari segi pungutan royalti dan juga menyebabkan kerosakan alam sekitar yang begitu besar yang telah menyebabkan kerosakan kepada habitat-habitat sungai dan juga telah menyebabkan sumber minuman bagi masyarakat di negeri Sabah menjadi begitu berkurangan.

Ini berlaku di kawasan saya sendiri kerana sungai-sungai yang berada di kawasan saya itu seperti Sungai Bengkokat yang satu ketika dahulu menjadi satu sungai kebanggaan yang begitu besar dan sungai yang begitu jernih tetapi hari ini sudah menjadi tohor dan juga telah menyebabkan kerosakan yang tidak terhingga iaitu banyak habitat dan di situ tidak lagi menjadi tempat untuk nelayan-nelayan untuk mendapatkan bekalan ikan.

Saya minta supaya suatu usaha yang serius daripada kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan haruslah memberi bantuan kepada kerajaan negeri untuk mencegah masalah pembalakan haram ini iaitu misalnya di satu ketika dahulu ada

usaha untuk membawa Angkatan Tentera Malaysia untuk memberikan bantuan untuk pencegahan terhadap pemusnahan hutan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, so saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor.

4.08 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap dalam soal pentadbiran tanah dan juga Pejabat Alam Sekitar terutamanya soal keberkesanan sistem pentadbiran tanah di negara kita dalam mengatasi masalah tunggakan permohonan tanah, soal pindah milik tanah. tukar syarat dan juga untuk pastikan kutipan hasil yang tinggi.

Satu ketika dahulu saya pernah dengar bahawa rancangan kerajaan untuk memisahkan di antara pentadbiran tanah dan juga pentadbiran daerah supaya pegawai daerah tidak dibebankan dengan soal pentadbiran dan pembangunan tetapi pengkhususan soal tanah diletakkan di bawah pentadbiran pentadbir tanah daerah. Soalnya bilakah rancangan ini hendak dilaksanakan untuk memastikan segala masalah yang berbangkit hari ini dapat dipercepatkan.

Kedua, dalam soal tanah terbiar kita sedia maklum bahawa soal perundangan merupakan penyumbang kepada faktor tanah terbiar dan saya pernah bercakap dalam perbincangan dasar yang lepas bahawa sebuah Jawatankuasa Petugas ditubuhkan bagi tujuan ini tetapi soalnya soal pusaka kecil seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen bagi Sabak Bernam tadi. Kita menghadapi masalah soal tunggakan dan juga kelewatan. Jadi dengan adanya seorang pegawai dan dua orang kakitangan untuk menjaga dua buah daerah memang tidak memadai dan inilah yang telah berlaku selama 30 tahun. Agar dengan peruntukan tahun 2005 ini akan dapat menambahkan jumlah pegawai dan kakitangan yang berkenaan.

Soal yang kedua saya hendak bercakap soal alam sekitar. Kita sedia maklum hari ini kerajaan cuba hendak menghalalkan kilang-kilang haram dan juga untuk memastikan kilang-kilang yang halal mematuhi kehendak-kehendak alam sekitar. Kerajaan Selangor akan menghalalkan kilang-kilang haram dan apakah perakuan yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar agar ia dapat mematuhi bahawa kilang-kilang haram

yang tidak mematuhi syarat-syarat yang tertentu dapat dipindahkan atau mereka terpaksa memenuhi kehendak-kehendak teknikal.

Kedua, saya juga ingin bertanya soal pencemaran sungai. Sungai Selangor merupakan sungai yang agak kotor dan saya hendak tahu betapa seriusnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini untuk memastikan Sungai Selangor terus menjadi sumber pelancongan dan sumber bekalan air kerana hari ini sudah menjadi satu isu yang sensitif di mana sebuah kilang pusat penyembelihan khinzir di Batang Berjantai yang dilaksanakan oleh Top Mid Sdn. Berhad telah mencurigakan umat Islam di kawasan persekitaran kerana difahamkan bahawa dari segi teknologi kilang berkenaan tidak cukup meyakinkan bahawa air Sungai Selangor tidak tercemar kerana air Sungai Selangor menjadi sumber bekalan air.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Sikit lagi, Tuan Pengerusi. Kemudian yang kedua, dari segi Pusat Pelupusan Sampah di Bukit Tagar. Saya hendak tahu setakat mana keputusan Jabatan Alam Sekitar mengenai projek yang terbesar di Asia Tenggara yang saya bercakap juga dalam perbahasan yang lepas supaya langkah-langkah yang berkesan dapat diambil untuk memastikan pemeliharaan alam.

Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Batu Gajah, selepas itu Ledang.

4.10 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cuba beri kerjasama untuk menghabiskan dalam masa tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Cik Fong Po Kuan: Saya ingin merakamkan rasa kesal dan kecewa dengan jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi berkenaan isu pengimportan toksik daripada Taiwan.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 070200 – PERHILITAN. Bajet ini menyentuh untuk menjadikan sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan ekonomi negara yang ketiga, pelbagai insentif telah diberi, tetapi masalahnya ada banyak masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil walaupun bajet ini ada menyatakan atau memberikan RM1.5 bilion untuk projek pertanian bagi manfaat pekebun-pekebun kecil.

Saya ingin merujuk kepada masalah yang dibangkitkan dan saya telah diminta oleh penanam pokok pisang, nanas dan kelapa sawit di Pekok, Johor. Mereka mengalami masalah di mana mereka diancam dan didatangi oleh gajah-gajah yang telah merosakkan tanam-tanaman mereka. Pokok pisang mereka ini adalah hasil mereka untuk dieksport ke Singapura. Kita hendakkan pendapatan daripada pertanian tetapi pada masa yang sama pekebun-pekebun kita menghadapi masalah ini. Ini adalah kawasan Menteri. Jadi, saya pohonlah Jabatan PERHILITAN mengambil perhatian akan perkara ini.

Perkara kedua ialah berkenaan dengan masalah di Kulai begitu serius sekali. *[Disampuk]* Saya tahu Tuan Pengerusi juga mengetahui perkara ini. Saya telah diminta oleh penduduk Kulai membangkitkan berkenaan isu ini iaitu pembakaran sampah sarap secara terbuka dan menyebabkan pandangan di sekitar kawasan itu dikaburi oleh asap-asap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betulkah orang Kulai mahu minta itu. Speaker kita ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, duduk.

Cik Fong Po Kuan:dan PH juga begitu tinggi – 4.6 dan saya pohonlah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tindakan pun telah diambil. *[Disorak]*

Cik Fong Po Kuan: Baguslah. Tetapi ini tugas saya juga sebab saya juga dihubungi oleh mereka. Mereka kirim surat khabar ini banyak-banyak, minta saya membangkitkan perkara ini. *[Menunjukkan keratan akhbar]* Sebab kita tinggal di bumi yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah.

Cik Fong Po Kuan: Kita menghirup udara yang sama ya. Jadi, pohonlah jawapan daripada Jabatan Alam Sekitar.

Perkara ketiga, berkenaan dengan saya telah mengemukakan aduan berkenaan dengan bahan yang disyaki bahan buangan sisa beracun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]; Yang Berhormat, pada masa akan datang saya minta kerjasama, kalaulah hendak bangkitkan masalah di Kulai bincanglah dengan saya dahululah. *[Disorak]*

Cik Fong Po Kuan: Ya, ya. Bagus, bagus, bagus. Baguslah, terima kasih. Kita juga bekerjasama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kadang-kadang kalau bahan-bahan tidak cukup saya boleh beri input. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Baguslah, bagus. Kalau macam itu baguslah. Isu alam sekitar ini kita tidak kiralah dari parti manalah tetapi nampaknya Sri Gading kurang ikhlas dalam isu ini ya, alam sekitar ya, dia mahu bantah sahaja DAP apabila kita hendak memotong gaji menteri.

Isu berkenaan dengan di mana bahan buangan sisa beracun didapati ada di dalam API dan telah merosakkan tanaman kebun buah belimbing di Gerisik, Muar. Saya telah menghantar surat pada minggu lepas. Sebelum ini pada bulan lima surat telah pun dihantar dan saya pohon jawapan. Apa tindakan yang diambil, sebab sekarang ini pekebun-pekebun ini mengalami masalah pendapatan (*financial problem*). Mereka datang kepada wakil DAP dan bertanya: "Adakah kerja atau tidak? Saya sekarang ada masalah pendapatan". Saya hendak bertanya sebab surat sudah ditulis, saya pohonlah jawapan. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan kepada mereka yang bangun tadi sahaja, saya berikan kebenaran untuk berucap. Ayer Hitam tadi tidak adalah. Jadi, tidak termasuk. Minta maaf, ya. Ledang ya, keputusan telah saya buat, selepas Ledang, Setiausaha Parlimen jawab.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja, tidak sampai empat minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa minit? Tiga minit sahaja.

4.13 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Pertama, Butiran 50000 – Akta 1953/1954 - JPS. Untuk makluman Tuan Pengerusi, JPS diberikan tugas untuk menyenggarakan sungai, membina parit dan sebagainya, tetapi tidak diberikan kuasa yang sebenar-benarnya untuk memastikan bahawa sungai dan parit tidak dicemari, tidak dihalang oleh halangan-halangan yang boleh menyebabkan parit tersumbat dan

sebagainya. Itu satu. Ini perlu ada satu reformasi akta tersebut supaya JPS boleh bertindak.

Kedua, JPS buat parit serah pada PBT tetapi PBT tidak *maintain*. *Problemnya* kerana PBT atau Majlis-majlis Daerah tidak ada duit. Jadi, saya cadangkan ataupun JPS boleh masukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-9 nanti supaya parit-parit tersebut dapat disenggarakan oleh mereka sendiri.

Kedua, tentang ribut yang berlaku sejak akhir-akhir ini. Di Ledang, telah berlaku lima kali ribut sejak pilihan raya dan saya mintalah supaya Jabatan Alam Sekitar mengkaji mengapa ribut ini berlaku? Adakah kerana tangan-tangan manusia walaupun ia adalah satu bencana, tetapi ia mesti ada sebab kenapa ribut itu berlaku dan sesuatu mesti dibuat sekiranya kerana pencemaran seperti pokok di tebang, hutan botak, hutan gondol dan sebagainya, mesti dibuat sesuatu supaya ribut tidak mudah berlaku.

Dan akhir sekali Tuan Pengerusi, perkara 110000 – Inventori Hidupan Liar di Hutan dan juga Taman Laut. Pada pandangan saya inventori tersebut perlu diadakan kerana setiap hidupan itu adalah khazanah negara untuk masa hadapan generasi akan datang dan juga untuk kebaikan industri pelancongan dalam negara. Sekian, Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagi perkara-perkara yang telah dijawab sebentar tadi itu tidak payah ulang lagilah.

4.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Okay. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bagi pihak kementerian, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada *Backbencher* dan juga daripada parti pembangkang yang telah membahas dan memberi pandangan serta cadangan kepada kementerian ini. Ianya menunjukkan keprihatinan yang tinggi terhadap kementerian dan saya akan sedaya upaya menjawab sebaik mungkin dan mengambil kira pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan untuk perhatian kementerian kami. Saya tidak akan menjawab semua soalan dan cadangan, sebab saya fikir kita tidak mempunyai masa untuk itu, tetapi saya juga berdiri di sini bukan untuk mempertahankan Kementerian Sumber Asli

dan Alam Sekitar sekiranya benda itu salah dan tidak baik, kita akan pertimbangkan. Saya akan menjawab secara menyeluruh berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh pembahas-pembahas tadi.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan ada menyentuh berkenaan dengan tanah balai polis. Saya rasa itu terlalu spesifik, saya tidak jawab, saya akan bagi secara bertulis. Beliau juga ada menyebut tentang hakisan laut terhadap tanah-tanah persendirian yang telah menjadi laut dan pada masa yang sama, pada masa ke hadapan itu ditambak balik secara semula. Jadi, kalau mengikut Kanun Tanah Negara, tanah yang terhakis oleh laut atau sungai akan menjadi tanah milik kerajaan tetapi apabila tanah tersebut timbul kembali, ianya tetap menjadi milik kerajaan dan bukan kepada pemilik tanah yang asal.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Sazmi bin Miah: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Bila ia sudah timbun balik secara semula jadi, bolehkah tuan tanah asal itu membuat permohonan supaya ia dikembalikan iaitu bercantum dengan lot yang asal itu.

Tuan Sazmi bin Miah: Boleh. Bagan juga menyentuh berkenaan dengan Air Pollution Index (API), kenapa kerajaan tidak mengumumkan secara terperinci. Ini sebenarnya sudah menjadi dasar kerajaan dan kita sentiasa membuat kajian dari masa ke semasa, yang terakhir pada tahun 1997 dan 1998, Kabinet telah menetapkan bahawasanya indeks *air pollution* ini diberi dalam kadar 0 – 50 dikira sihat, 51 – 100 keadaan yang sederhana sihat, 101 – 200 kurang sihat dan sebagainya. Ini untuk memudahkan kepada orang ramai untuk mengetahui sama ada keadaan pencemaran udara ini (*air pollution*) dalam tahap-tahap yang tertentu, bukan kita semua ada *doctorate* dalam *technical air pollution* ini.

Saya rasa itu sudah memadai tetapi sekiranya perlu, kita akan mengubah dan kita akan mengkaji semula. Kenapa Jabatan Alam Sekitar tidak dibuka sepanjang masa. Ini kalau hendak buka sepanjang masa, letihlah kerajaan hendak membayar gaji dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bilik operasi Jabatan Alam Sekitar memang tetap beroperasi sehingga jam 11.00 malam dan nombor telefon untuk Yang Berhormat bagi Bagan ialah 03-88891972 ataupun 03-88858265, kalau ada kebakaran tengah malam sila rujuk.

Yang Berhormat bagi Beluran menyatakan berkenaan kualiti udara dalaman. Terima kasih di atas cadangan tersebut. Jabatan Alam Sekitar, insya-Allah akan mengkaji kualiti udara dalaman ini dengan kerjasama agensi-agensi Jabatan Kesihatan dan juga agensi-agensi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan jika didapati kualitinya berkurangan dari semasa ke semasa jabatan ini akan menyusul dengan tindakan-tindakan yang perlu. Berkenaan dengan sama ada perlu mengubah akta dan sebagainya, saya rasa kita akan membincangkannya di peringkat kementerian.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu pula menyentuh berkenaan dengan sebuah kementerian yang menjadi koordinator yang cekap dari segi penyelesaian tanah terutama yang merumitkan, iaitu Tanah Rizab Melayu (*Multiple ownership*), dengan izin di dalam Tanah Rizab Melayu dan sebagainya. Kami di pihak kementerian baru-baru ini di dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara telah mengemukakan kepada Kabinet dan telah pun meluluskan cadangan pindaan Enakmen Rizab Melayu.

Insya-Allah pada persidangan Parlimen yang akan datang, kita akan masukkan di dalam Parlimen ini.....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kuala Krai bangun.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu mengenai Tanah Rizab Melayu ini, mengenai dengan tanah perkuburan terutamanya orang-orang Melayu yang beragama Islam. Banyak tempat di luar bandar khususnya yang tidak ada tempat ini. Begitu juga dalam bandar, jadi sejauh mana pihak kementerian mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini kerana di negeri Kelantan umpamanya, banyak juga tempat yang rakyatnya tidak ada tempat untuk tanah perkuburan ini. Begitu jugalah bangsa-bangsa lain seperti Cina dan India. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Tanah perkuburannya ini sebenarnya terletak di dalam bidang kuasa kerajaan tempatan dan Majlis-majlis Agama Islam termasuk tanah yang diwakafkan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian terhadap apa yang telah ditimbulkan.

Berbalik kepada Enakmen Rizab Melayu akan dimasukkan ke dalam - bagi Wilayah Persekutuan sahajalah dan kita anggap ia akan diterima pakai oleh negeri-

negeri untuk membolehkan tanah-tanah tersebut digadaikan atau dicagarkan kepada bank-bank komersial dan juga boleh dibangunkan.

Berkenaan dengan cadangan untuk menjadikan PNB untuk menjaga tanah orang Melayu ini, saya rasa cadangan itu amat baik sekali dan insya-Allah akan saya panjangkan kepada kementerian untuk perbincangan selanjutnya.

Yang Berhormat bagi Serdang menyentuh berkenaan dengan pertukaran nama hak milik tanpa kebenaran di Selangor dan juga Pulau Pinang. Pada dasarnya seperti juga yang telah saya sebutkan sebelum pada ini, semasa menjawab pada perbincangan peringkat dasar baru-baru ini, undang-undang kita sudah cukup. Sama juga undang-undang bunuh orang. Undang-undang *traffic light* merah tidak boleh pergi dan sama juga undang-undang seperti kereta curi, pengubahsuaian nombor atau pemalsuan nombor kereta dan sebagainya, ini undang-undang ada.

Kanun Tanah Negara juga memang mempunyai undang-undang tertentu untuk melindungi hak pemilik-pemilik tersebut. Maksudnya, walau bagaimanapun kita pinda undang-undang tersebut sekiranya ada penipuan, ada orang langgar *traffic light*, ada orang yang menukar *chassis* kereta dan sebagainya, akan tetap berlaku. Ini pun sama dengan tanah.

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Tuan Sazmi bin Miah: Di peringkat kementerian, di peringkat Jabatan Tanah memangnya semua ini diuruskan oleh manusia. Jadi, Serdang.....

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang faham Kanun Tanah Negara itu yang boleh membina atau melindungi pemilikan tuan tanah. Tetapi walau bagaimanapun, semasa permohonan untuk penukaran hak milik itu, prosedur sepatutnya diketatkan daripada pejabat tanah. Boleh tanya bagaimana caranya untuk mengetatkan prosedur itu, supaya tidak ada *loopholes*, biarkan orang-orang yang menjalankan kegiatan haram tahu pentingnya, jadi hendaklah diperketatkan dari pejabat tanah untuk mengelakkan daripada kejadian ini berlaku lagi.

Tuan Sazmi bin Miah: Sememangnya kita sedang dalam proses sistem pengkomputeran di peringkat pejabat tanah, dan dari sini kita rasa insya-Allah boleh diperketatkan lagi dan mengurangkan *loopholes* yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang. Terima kasih dan saya rasa telah banyak berlaku kes-kes

penipuan yang mana kita dapat tahu, kita laporkan kepada pihak polis dan juga pihak BPR untuk siasatan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan Sazmi bin Miah: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa saya kena menyampuk sedikit kerana ini suatu kes yang amat besar. Saya pernah *handle* kes ini lima tahun yang lalu. Bukan satu kes di kawasan Tuan Pengerusi iaitu di Kulai. Seorang itu pada tahun ini berumur 88 tahun. Tanah dia kena jual pada harga setengah juta ringgit sahaja padahal nilai itu RM250 juta tidak pernah jual untuk selama 50 tahun. Saya tidak bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tidak payah kaji. Tipu tetap tipu.

Prosedur dalam pejabat tanah itu perlu dikaji kerana orang itu wujudkan satu IC palsu, dia fotostat lepas itu dia kata saya hilang *title* terus *revoke* masuk dalam *gazette*, kata keluaran *title* baru dalam tempoh 93 hari. Ini adalah satu masalah yang besar. Saya berharap pihak kementerian meneliti prosedur ini dan IC yang digunakan nombor terakhir itu kalau wanita bukannya nombor ganjil. Dalam IC yang tipu pun ada masalah. Jadi, orang boleh gunakan benda yang tidak betul untuk tipu pejabat tanah dan akhirnya mahkamah membuat keputusan tidak boleh

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: ini penting saya hendak sampaikan kepada kerajaan kerana mungkin

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita berada di Kementerian Sumber Asli.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, pejabat tanah. Ini dalam pejabat tanah. Dalam kementerian di situ.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sebab itu saya kena katakan, kenyataan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi pun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Bar Council mengatakan Kanun Tanah Negara itu perlu dikaji supaya kes *bona fide* tidak berlaku, kerana orang yang beli itu, mahkamah kata dia itu tidak berniat hendak menipu. *Bona fide*lah itu. Jadi, saya minta supaya ditubuhkan satu kumpulan profesional dan mengkaji Kanun Tanah Negara, kalau tidak

itu akan melibatkan berpuluh-puluh kes bukan satu kes. Minta tolong, ya. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Kita mungkin tidak kajilah Akta Kanun Tanah Negara tetapi dari segi prosedur itu, kita akan kajilah, insya-Allah. Prosedur permohonan untuk sesuatu urusan tanah tersebut dan

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh bangun.

Tuan Sazmi bin Miah: Nanti ya? / jawab *you* punya, panjang ini hah, seketul ini sekejap lagi boleh tanya balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai ke Seputeh lagi ya?

Tuan Sazmi bin Miah: Belum. Kelewatan kerja urusan tanah sementara QT hak milik tetap di kampung-kampung baru juga dibangkitkan. Kita telah pun mewujudkan satu Pasukan Petugas Khas untuk *flying squad*, kerana kita mendapatkan anggota tambahan sebanyak 256 orang termasuk juruteknik ukur, pelukis pelan dan pegawai penempatan (SO) untuk mengatasi masalah kelewatan ini.

Proses pengukuran bagi tanah-tanah yang diberi milik di kampung-kampung baru di seluruh negara, ianya adalah urusan yang berterusan dan Jabatan Ukur dan Pemetaan di semua negeri yang berkenaan telah pun diarahkan untuk memberikan keutamaan bagi menyelesaikan kerja-kerja ukur bagi lot-lot tanah di kampung-kampung baru.

Sehingga sekarang ini sebanyak hampir 100% daripada kerja-kerja ukur tanah telah pun diselesaikan di kampung-kampung baru dan usaha-usaha sedang diteruskan untuk menyempurnakan kerja-kerja yang berkaitan dengan seberapa segera. Sebanyak 15 kampung baru yang kita terima belum mendapat perintah ukur lagi.

Pembakaran di tepi Sungai Langat – Jabatan Alam Sekitar sememangnya mengambil tindakan terhadap pihak yang melakukan pembakaran terbuka tersebut. Mengenai aduan Yang Berhormat, kebakaran terbuka dilakukan ke atas pelupusan sampah-sarap secara haram. Jabatan Alam Sekitar akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan siapa yang buat ini kita akan ambil tindakan selanjutnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya baca ini tidak mengikut giliran ya. Kalau ada yang tidak disebut lagi saya akan itulah...

Yang Berhormat bagi Mambong menyatakan berkenaan dengan kualiti udara yang semakin merosot, kualiti air sungai semakin tercemar. Berkenaan dengan AsMA—saya baru hari ini dengar AsMA sebenarnya. Jadi, saya bacalah apa yang telah diberikan. Syarikat AsMA adalah syarikat dilantik oleh kerajaan melalui satu perjanjian untuk menjalankan pemantauan alam sekitar. Syarikat ini pada mulanya mendapatkan kepakaran daripada Syarikat Buve, sebuah syarikat antarabangsa di Kanada dan kini AsMA telah memperolehi semua kepakaran yang dipindahkan daripada Syarikat Buve dan mampu melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik mengikut perjanjian yang telah ditandatangani. Di samping itu, *JUST* menjalankan audit dari masa ke semasa untuk memastikan kualiti kerja AsMA adalah menepati satu tahap kualiti kerja yang ditetapkan dan menepati standard antarabangsa.

Perjanjian akan disemak setiap lima tahun. Jika terdapat apa-apa kelemahan, perkara-perkara ini akan diambil kira bagi penyemakan tersebut. Penyemakan akan datang adalah pada tahun 2005, dan saya di sini memberi jaminan kepada Mambong bahawasanya penyemakan pada tahun 2005, sekiranya Yang Berhormat Mambong mempunyai banyak laporan tersebut sila kemukakan kepada saya supaya kita dapat masukkan di dalam penyemakan tersebut pada 2005.

Mambong juga membangkitkan isu pemindahan sisa-sisa toksik yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar kes di mana sisa-sisa toksik tersebut berpindah-pindah tempat dan tidak sampai ke tempat hala tuju yang sepatutnya. Seperti kes di Pulau Pangkor adalah pembuangan *potassium cynide* dan bukan *potassium....*apa tadi. Cuma penjelasan dia *potassium cynide*. *Potassium* ini berasal dari Pulau Pinang dan bukan daripada Singapura. Dalam tempoh penyiasatan, *potassium cynide* tersebut telah dipindah ke stor syarikat untuk simpanan secara selamat.

Pada masa itu Kualiti Alam Sdn. Bhd. masih belum beroperasi lagi. Pihak yang terlibat dengan kes ini telah didakwa dan didenda oleh mahkamah. Kini barangan tersebut telah pun dilupuskan di Kualiti Alam. Jabatan Alam Sekitar memang mengamalkan sistem *consultancy note* untuk mengesan pergerakan buangan terjadual dari masa dihasilkan sehingga dilupuskan. Tetapi segala kelemahan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong akan kita ambil kira.

Yang Berhormat bagi Bentong ada menyentuh tentang pemaju tidak membuat hak milik strata kerana tidak mengambil tindakan sebab ada prosedur yang tidak mencukupi. Akta Hak Milik Strata telah pun mempunyai peruntukan di dalam seksyen 8

di mana pemaju-pemaju boleh dikenakan hukuman jika melakukan kesalahan dengan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 dan setiap hari kesalahan denda tidak kurang daripada RM100 dan lebih daripada RM1,000. Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedang mengambil tindakan mahkamah dan Pulau Pinang telah pun mengambil tindakan mahkamah ke atas sepuluh orang pemaju.

Berkenaan dengan banjir dua kali di Bentong, berkenaan dengan tiga sungai yang berada di Bentong, saya minta Yang Berhormat bagi Bentong jemputlah saya pergi ke Bentong, kita boleh berbincang dengan secara lanjut berkenaan dengan peruntukan tebatan banjir. Terima kasih kerana program 'Cintai Sungai Kita,' kita akan teruskan program tersebut.

Yang Berhormat bagi Putatan menimbulkan lebih kurang dua isu berkenaan dengan ukuran ketinggian Gunung Kinabalu. Kalau saya jadi orang Sabah pun saya memang mengambil berat tentang gunung yang ada di negeri saya. Untuk menentukan ketinggian Gunung Kinabalu ada telah dijalankan pengukuran pada tahun 1997, pengisytiharan nilai ketinggian telah dibuat mengikut kaedah dan peralatan yang digunakan pada masa itu dan hasil cerapan daripada alat dan teknik yang digunakan pada masa itu iaitu teknik GPS. Perbezaan nilai *coordinate planimetric* dan ketinggian boleh berlaku sekiranya asas ukuran sekarang adalah merujuk kepada tanda-tanda kawalan yang lama iaitu merujuk kepada sistem lama yang digunakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan bercampur pula dengan nilai *coordinate* daripada sistem yang baru dan sewajarnya ukuran yang dijalankan hendaklah berasaskan pada rangkaian kawalan ukur *geodetic* baru yang telah ditubuhkan di Sabah secara sepenuhnya. Jadi, maksudnya saya pun juga bersetuju sebenarnya dengan kita tidak payahlah sampai tiga, empat, lima *decimal point* di belakang itu. Saya bersetujulah kita panggil 4095 pun boleh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang jawapan kepada soalan saya pada seketika dahulu, pada penggal yang pertama saya tanya kepada Timbalan Menteri pada ketika itu adakah beliau bersetuju bahawa alat yang kita gunakan pada masa penyukatan Gunung Kinabalu itu tidak ngam. Jadi, jawapan yang diberi kepada saya dia tidak beri terus kerana itu adalah soalan teknikal dan dia berjanji akan beri saya jawapan secara bertulis, tetapi malang sehingga ini belum dapat jawapan seperti demikian. Walau

bagaimanapun, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa nilai yang diisytiharkan itu adalah belum mendapat kepastian. Jadi, ketinggian Gunung Kinabalu itu masih diragukan lagi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat saya.

Tuan Sazmi bin Miah: Pada saya ianya tidak perlu diragukan lagilah sebab Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia adalah satu jabatan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk memberi maklumat yang tepat.

Jadi buat masa sekarang ini, JUPEM telah cakap, 4095.23 tadi, kalau tidak silap saya dan ia masih lagi digunakan kecuali ada orang pergi letak batu kelikir di tempat pengukuran itu, dia naiklah dua atau tiga sentimeter. Tetapi untuk kegunaan orang-orang Sabah, saya ingin umumkan, ketinggian Gunung Kinabalu pada hari ini ialah 4095 meter.

Keperluan kepada sistem kawalan koordinat yang mantap, ini berkenaan dengan *global positional system*, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah pun mewujudkan infrastruktur kawalan geodatik di Sabah yang mantap ini, memang kita sudah siap buat dan keperluan kepada peta "Joy". Pemetaan "Joy" telah dijalankan oleh JUPEM melalui projek Rancangan Malaysia Kelapan dan telah selesai pada hujung tahun 2003 dan data-data tersebut boleh didapati daripada JUPEM.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, mengapa banciaan kes bicara pusaka belum selesai di Sabak Bernam. Ini untung orang Sabak Bernam, tiga orang pegawai baru telah dihantar ke Selangor untuk menyelesaikan kes bicara kuasa yang tertunggak. Dengan adanya tambahan pegawai ini, kes tertunggak tersebut insya-Allah akan dapat diselesaikan dengan segera. Kalau tidak selesai, tolong minta bantuan saya terus.

Kinabatangan, masalah pencemaran Sungai Kinabatangan oleh ladang-ladang kelapa sawit. Kita amat bersimpati dengan Kinabatangan, tetapi daripada pengawasan kualiti air sungai pada tahun 2003, lembangan Sungai Kinabatangan masih lagi di dalam kategori bersih. Walau bagaimanapun penguatkuasaan terus dijalankan dan mana-mana kilang kelapa sawit yang melepaskan *effluent* melebihi *standard* yang ditetapkan tetap akan kita ambil tindakan.

Yang Berhormat bagi Kudat dan Kinabatangan juga menimbulkan isu penggunaan plastik yang boleh merosakkan alam sekitar. Kementerian mengambil perhatian terhadap saranan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut tentang keperluan

mengambil tindakan sewajarnya untuk mengawal penggunaan plastik. Kementerian akan membuat program-program kesedaran terutamanya kepada....

Tuan Mohd.Yusop bin Majid: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

Tuan Sazmi bin Miah: Setiu.

Tuan Mohd.Yusop bin Majid: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkait dengan penggunaan plastik. Kita melihat penggunaan plastik ini bukan menjadi sampah sarap di daratan sahaja, bahkan sampah plastik ini juga menjadi masalah di pulau-pulau peranginan dan juga merupakan taman laut terutamanya di sebelah Pantai Timur, kita dapati di Pulau Perhentian dan juga Pulau Redang ini, masalah plastik yang dibuang begitu sahaja ke dalam laut telah memberikan satu pencemaran di dasar laut.

Selain dari itu, terdapat juga tin-tin minyak 2T yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha bot laju di persekitaran pulau tersebut yang boleh juga memberi pencemaran. Dengan ini saya harap perkara ini juga dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih. Berkenaan dengan kempen kita tidak hendak gunakan plastik dan kita hendak bertukar kepada *bio-degradable*.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Pengerusi, bagi saya 40 minit, okeylah saya rasa, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 14 minit?

Tuan Sazmi bin Miah: 14 minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi kata berapa minit?

Tuan Sazmi bin Miah: Tadi saya kata 40 minit, jadi saya patut berhenti dalam 5.10, insya-Allah boleh. Kita insya-Allah, akan mengadakan kempen-kempen pendedahan mengenai keburukan penggunaan plastik, tetapi kita semua juga sebenarnya yang bertanggungjawab. Kalau kita tengok, Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini, berapa banyak barang plastik yang dia ada. Yang bercakap sendiri tadi pun, penuh dengan plastik dalam tubuh dia. Jadi sekiranya kita tidak buat apa yang kita cakap, pun tidak perlu juga. Di peringkat kementerian, ya, kita akan adakan seminar-seminar dan sebagainya untuk memberitahu kepada *public*, bahawasanya penggunaan plastik

ini tidak baik dan mempromosikan barang-barang yang *bio-degradable*, yang boleh larut dalam tanah.

Jadi saya minta kerjasama semua Ahli Parlimen untuk mempromosikan barang-barang *bio-degradable* ini dan tolonglah kementerian kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan Sazmi bin Miah: Ha, ini tunggu Seputeh. Seputeh, tunggulah. Saya kata tunggu, nanti saya jawab you punya, satu *bunch* itu, sekejap.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, berkenaan dengan RM100 ribu. Untuk makluman Yang Berhormat, RM100 Yang Berhormat nyatakan adalah merupakan lebihan peruntukan daripada Rancangan Malaysia Ketujuh dan dibawa ke Rancangan Malaysia Kelapan. Untuk tanaman rotan, siling peruntukan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM790 ribu dan bagi projek buluh pula, siling semasa Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak RM1.14 juta. Projek ini bertujuan untuk menentukan jenis rawatan *cilviculture* yang meningkatkan produktiviti di hutan-hutan asli.

Okay, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, berkenaan rotan dan buluh sedikit sahaja, apa yang saya sebutkan tadi, selain daripada itu ialah masalah rancangan tebatan banjir yang juga rancangan mencegah hakisan yang peruntukannya begitu banyak setiap tahunnya, tetapi tidak berkesan.

Saya kata tadi, saya minta supaya kerajaan mencari pakar-pakar luar negeri supaya peruntukan kerajaan setiap tahun itu tidak musnah begitu sahaja, belum dijawab. Kemudian saya tanya berkenaan apa kesudahan dengan Kajian Sungai Golok *River Basin Study*, dan Kelantan *River Basin Study* yang telah dilaksanakan oleh satu syarikat dari New Zealand iaitu INNEX dua tahun yang lalu, itu tidak dijawab lagi.

Tuan Sazmi bin Miah: Sabar, sabar. Banjir, banjir ini kerja-kerja Tuhan sebenarnya, itu yang pertama.

Yang kedua, untuk mengambil konsultan atau perunding dari luar negara, saya rasa tidak ada perunding luar negara yang lebih prihatin daripada masalah kita sendiri

kecuali orang kita sendiri, dan tidak ada negara yang lebih kurang sama dengan Malaysia dari segi hujan, kelebihan dan sebagainya. Jadi tidak perlulah kita panggil orang England atau orang Amerika hendak bagi pendapat, sebab saya rasa di Malaysia ini memang tidak kurang ramai *engineer* dan juga perunding-perunding yang mampu.

Berkenaan dengan hakisan pantai juga ialah secara semula jadi adalah yang terbanyak. Maksudnya kita boleh cuba mengelakkan hakisan pantai dari berlaku tetapi ia memerlukan kos yang amat tinggi. Saya faham berkenaan dengan apa yang telah dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan kenapa tiap-tiap tahun kita ada peruntukan untuk tebatan banjir dan sebagainya, tetapi banjir masih juga berlaku.

Jadi kalau kita tidak buat langsung pun tidak boleh. Maksudnya kita buat setakat yang kita mampu untuk menghalang kejadian banjir yang lebih buruk dari apa yang berlaku. Lama-kelamaan, seperti juga tebat tanah, hakisan pantai dan sebagainya, kita tidak harus berkata bahawasanya kalau tahun ini kita sudah tidak berjaya untuk mengurangkan hakisan, kita tidak payah buat tahun hadapan.

Jadi sebab itulah tiap-tiap tahun kita adakan peruntukan supaya dapat menahan dan membasmi dari hakisan-hakisan baru yang juga banjir-banjir di kawasan-kawasan yang lain. Untuk menyelesaikan ini secara 100% in total, *almost impossible*, memang tidak mungkin dapat dilakukan. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dapat puas hati.

Berkenaan dengan INNEX Australia di Sungai Golok, saya tidak mempunyai maklumat buat masa ini, saya akan bagi secara bertulis sebab itu terperinci sangat.

Okay, Seputeh. Banyak sangat isu Seputeh ini, saya longgokkan satu Yang Berhormat bagi Seputeh ya, dengar. Mengapa pemaju tidak memohon hak milik strata? Kenapa tanya kementerian? Tanya pemajulah. Apa kementerian simpan maklumat ini? Mereka tidak *report* pada kita apa yang dia hendak buat atau tidak buat. Jadi kementerian tidak mempunyai maklumat ini, telah pun meminta bantuan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, di mana kementerian ini telah mengeluarkan pekeliling supaya pihak berkuasa tempatan mengemukakan maklumat bangunan-bangunan tinggi yang telah dikeluarkan *Certificate of Fitness* dan pihak berkuasa tempatan akan mengemukakan jumlah ini kepada pihak berkuasa negeri. Kita tidak mempunyai maklumat, minta maaf.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tidak tanya soalan macam ini mengapa pemaju tidak memohon *strata title*.

Sebenarnya saya berasa hairan daripada jawapan Yang Berhormat tadi. Sekarang baru kita semua tahu yang Pejabat Tanah dan Galian tidak ada hubungan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Itulah sebabnya bila saya tanya berapa pemaju yang sepatutnya memohon *strata title* tetapi tidak berbuat demikian dan kementerian Yang Berhormat tidak dapat memberikan saya jawapan.

Jadi saya ingin mengatakan ini adalah satu kelemahan yang wujud dalam Pejabat Tanah dan Galian yang mana haruslah diambil perhatian dan membetulkan keadaan ini. Saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang paling rajin menghadiri sidang Parlimen itu mengambil perhatian dan mengarahkan Pejabat Tanah dan Galian itu membuat kerja mereka betul-betul kerana mengikut Akta Hakmilik Strata kesemua pemaju mestilah memohon *strata title* dalam tempoh enam bulan selepas dapat CF dan saya rasa hairan di kawasan saya malah pemaju daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang juga menjadi co-pemaju bagi sesetengah pangsapuri itu mereka juga tidak memohon *strata title*.

Saya masih ingat apabila saya bertanya Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, bila saya tanya dia, dia kata, "Okey, saya akan tulis surat kepada mereka". Apabila sampai *dateline*, juga tidak ada tindakan dan pihak Pejabat Tanah kelihatan tidak mengambil perkara ini dengan serius walaupun pemaju telah mencabuli Akta Hakmilik Strata. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa perkara seperti ini haruslah diambil serius. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Seputeh. Kita ada hubungan tetapi kita tidak mendapat maklumat lagi yang berapa banyak tetapi yang kita sudah ada sehingga kini 10 kes kegagalan sudah difailkan di Mahkamah Majistret, 10 kes. Daripada jumlah tersebut, dua kes telah disabitkan dan pemaju telah didenda oleh mahkamah, empat kes ditarik balik dan selainnya masih menunggu untuk dibicarakan. Kesemua kes ini dibicarakan di Pulau Pinang.

Penubuhan *Strata Title Board*. Semua negeri dalam tindakan untukewartakan Lembaga Hak Milik Strata di mana selepas pewartaan *Strata Titles Board* atau Lembaga Hak Milik Strata ini akan diwujudkan dan menjalankan tugas-tugasnya

di dalam mengatasi *dispute* di antara pemilik petak dan juga perbadanan pengurusan. Pada hemat saya hanya Pulau Pinang baru buat perkara ini. Selangor, Wilayah.....

Puan Teresa Kok Suh Kim: [*Bangun*]

Tuan Sazmi bin Miah: Ya, apa hendak tanya lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa lagi Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Kim: Tuan Pengerusi, soalan saya ialah kenapa hanya negeri Pulau Pinang sahaja yang ada *Strata Title Board* yang juga mengambil tindakan terhadap pemaju. Apakah yang dilakukan oleh Pejabat Tanah dan Galian di negeri-negeri yang lain? Apakah mereka tengah tidur? Begitu banyak masalah dan juga korupsi sedang berlaku. Apa yang dilakukan oleh kementerian terhadap Pejabat Tanah dan Galian ini?

Tuan Sazmi bin Miah: Sudahlah, sudah. Terima kasih. Bagi negeri-negeri lain sedang buatlah. Sabarlah. Takkan hendak suruh semua siap sekali. Relakslah, kita tengah buatlah ini.

Perkara yang dibangkitkan yang kelima ialah masalah bangunan lama. Masalah bangunan lama tiada hak milik strata berpunca daripada pelbagai faktor seperti tidak ada CF, pelan bangunan yang hilang.

Ini semua bukan masalah kita, ini masalah pemilik itu sendiri. Untuk mengatasi masalah ini, kementerian di dalam proses untuk meminda Akta Hak Milik Strata [Akta 318] kita akan pinda. Kementerian juga di dalam peringkat semakan dan penelitian terhadap draf pindaan ini. Jadi untuk sesi yang akan datang.

Berkenaan dengan tuduhan Seputeh bahawasanya berlaku rasuah di peringkat jabatan. Tunjuk bukti, tunjuk bukti!

Puan Teresa Kok Suh Kim: [*Bangun*]

Tuan Sazmi bin Miah: Jangan main pandai tuduh-tuduh. Saya tidak bagi jalan, duduk, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Saya ada bukti.

Tuan Sazmi bin Miah: Duduk, duduk, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Saya ada bukti.

Tuan Sazmi bin Miah: Saya cabar Seputeh buat laporan polis, laporan BPR....

Puan Teresa Kok Suh Kim: Sudah buat.

Tuan Chow Kon Yeow: Sudah buat.

Tuan Sazmi bin Miah:bahawasanya ada itu.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Sudah buat.

Tuan Sazmi bin Miah: Sudah buat, duduk, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Juga sudah buat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah. Ini berlaku di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Dengarlah.

Tuan Sazmi bin Miah: Untuk makluman kementerian berkenaan dengan tidak mengarahkan mana-mana pegawai untuk menyelesaikan penipuan hak milik....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada enam minit lagi.

Tuan Sazmi bin Miah:mengapakah tidak menggantung kerja. Untuk makluman, kementerian sentiasa serius di dalam mengambil tindakan terhadap kes-kes penipuan hak milik. Pengarah Tanah dan Galian Negeri telah membuat laporan polis bagi aduan-aduan penipuan yang diterima. Apabila pemilik itu bagi laporan kepada kita, kita akan buat laporan polis. Kita serah kepada polis sebab kita ada Kanun Tanah Negara dan sebagainya. Justeru, pihak polis bertanggungjawab untuk membuat siasatan lanjut dan kebanyakannya sedang berjalan.

Selain itu, kementerian juga sentiasa mengawasi perjalanan sistem pendaftaran berkomputer bagi memastikan tiada ruang penyalahgunaan dan pemalsuan. Kementerian melihat secara serius masalah ini seperti yang saya cakapkan tadi, kita akan cuba tutup *loopholes* melalui sistem berkomputer yang akan datang.

Okey, berkenaan dengan EIA.....

Puan Teresa Kok Suh Kim: Minta penjelasan lagi Yang Berhormat.

Tuan Sazmi bin Miah:bagi Broga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Satu lagi soalan.

Tuan Sazmi bin Miah: Memang benar....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan apa lagi?

Puan Teresa Kok Suh Kim: Tanah, tanah.

Tuan Sazmi bin Miah: Kementerian telah melalui Jabatan Alam Sekitar telah meluluskan laporan EIA bagi insinerator di Broga. Kelulusan ini dibuat setelah Jabatan Alam Sekitar berpuas hati bahawa pembinaan dan operasi insinerator ini tidak

memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Penentuan ini dibuat melalui kajian EIA yang dibuat secara saintifik dan juga oleh pakar-pakar di dalam bidang berkenaan.

Masalah jerebu, EPI sudah jawab tadi. Pembakaran sampah-sarap di Kulai, lain kali *check your facts and figures*. Main cakap melatah tentang pembakaran di Kulai. Tuan Pengerusi kita sendiri yang cakap sudah selesai, selesailah. Jadi saya rasa Seputeh ini daripada 10 yang dia cakap satu pun tidak boleh dipercayai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan dikeluarkan oleh Seputeh tadi.

Tuan Sazmi bin Miah: Oh, minta maaf. Daripada Batu Gajah. *Sorry, sorry.*

Puan Teresa Kok Suh Kim: Ya, saya keluarkan.

Tuan Sazmi bin Miah: *Sorry*, minta maaf. Saya tarik balik....

Puan Teresa Kok Suh Kim: Kenapa *you* masih isytiharkan dalam surat khabar, Tuan Pengerusi.

Tuan Sazmi bin Miah: *Sorry, sorry.*

Puan Teresa Kok Suh Kim: Saya hanya hendak tolong Tuan Pengerusi sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak. Saya kata ini bukan dikeluarkan oleh Seputeh, tetapi Batu Gajah.

Tuan Sazmi bin Miah: Sudah, sudah. Saya ada tiga minit sahaja lagi. Seputeh cukuplah itu. Nanti lepas ini kita pergi bilik sebelah, *you* cakaplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Betullah. Saya bersetujulah.

Tuan Sazmi bin Miah: [*Ketawa*] Putatan sudah. Ada lagi Beluran, Bagan sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada tiga minit lagi ya, Yang Berhormat.

Tuan Sazmi bin Miah: Ya, ya. Saya tengah tengok ini. Rantau Panjang sudah. Ini ada Batu Gajah tadi. Dia cakap fasal gajah. Kita memang tahu ada ancaman gajah di Bekok dan tempat lain. Sebenarnya gajah ini dia mempunyai luas kawasan, *roaming* area, dengan izin, yang amat besar. Jadi kadang-kadang pertembungan di antara manusia dan binatang ini tidak dapat dielakkan. Jadi salah satu daripada komponen tersebut terpaksa mengalah. Kita memang jaga gajah ini, kita akan cuba membawa gajah ini kepada satu kawasan yang dilindungi. Tindakan tangkap pindah boleh kita buat, cuma kita tidak tembak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai. Apa, tentang gajah?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ini bila sebut gajah, saya baru balik daripada kawasan, pagi ini baru balik. Di kawasan saya di luar bandar di kawasan Dabong namanya Serasa. Makan masa tiga jam daripada Kuala Krai hendak pergi itu. Jadi bila saya pergi melawat ke sana gajah duduk mengamuk di sana. Saya telah melaporkan kepada pihak PERHILITAN di Kuala Krai, sila ambil tindakan pihak kementerian supaya orang-orang kampung di sana dapat duduk dengan agak tenteram kerana gajah di sana sedang mengamuk iaitu di Ladang Serasa, Kuala Krai, Dabong. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, kita akan ambil perhatian fasal gajah-gajah ini.

Mengenai dengan *inventory*. Ini saya cakap fasal PERHILITAN. Mengenai haiwan-haiwan liar, *inventory* di taman laut dan sebagainya, itu adalah cadangan yang amat baik sekali untuk menjaga khazanah kita daripada terus pupus. Saya akan sarankan kepada kementerian untuk mengadakan *inventory* binatang-binatang liar dan juga bagi taman-taman laut kita. Daripada.....

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Walaupun kawasan saya Batu Gajah tetapi saya tidak ada masalah gajah. Ini saya hendak tanya apakah pihak kementerian mempunyai maklumat yang lengkap berkenaan masalah yang saya bangkitkan tadi. Kalau tidak ada saya boleh kemukakan nanti.

Jadi agar tindakan yang lebih cepat boleh diambil, perkara gajah sudah lebih sebulan, perkara di Kulai sudah lebih dua bulan, saya dengar laporan akhbar hari ini ada protes, *you know* dan perkara berkenaan aduan saluran air mengandungi bahan racun di Gerisik. Saya dimaklumkan pada bulan lima telah hantar surat kepada Jabatan Alam Sekitar, kalau tidak cukup maklumat saya boleh bagi kerjasama. Tetapi saya harapkan tindakan cepat, jangan hanya cakap di sini, selepas itu balik, lepas mesyuarat lupa perkara ini.

Tuan Sazmi bin Miah: Okey, terima kasih. Yang Berhormat bagi Batu Gajah bolehlah bagi yang lengkap dan kalau boleh berikan saya cadangan-cadangan bagaimana hendak membawa gajah ini keluar daripada kawasan itu. Terima kasih. Kalau setakat hendak kompelin sahaja, kita akan buat melalui jabatan kita, cara kita buat, tetapi kalau Yang Berhormat ada cadangan, angkat gajah inikah, bagi dia minum susu dan sebagainya, bolehlah bagi, [*Ketawa*] saya akan terima.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat.

Tuan Sazmi bin Miah: Sudahlah, duduk, duduk, sudah, sudah. Itu gurau-gurau, duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Sazmi bin Miah: Saya rasa pun sudah cukup. Tadi ada Yang Berhormat bagi Ledang tanya, tidak *maintain* JPS, ribut berlaku, itu kerja Tuhan juga....

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: [*Menyampuk*] Soalan Kuala Selangor belum dijawab.

Tuan Sazmi bin Miah: *And then* soalan Kuala Selangor juga ada tadi berkenaan dengan pentadbiran tanah kita dalam pengurusan sistem tanah berkomputer sedang dijalankan, dan memangnya ada juga tadi Yang Berhormat yang menimbulkan isu – Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi, pengumuman penggunaan E-tanah yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2002, tetapi insya-Allah pada tahun 2005 kita akan mengeluarkan tender-tender bagi menjalankan sistem pentadbiran tanah secara berkomputer – E-tanah.

Dan mengenai kualiti Sungai Selangor, berkenaan dengan khinzir, saya akan *check*, saya akan siasat benda ini, dan mengenai pelupusan sampah di Tagar, kita telah memberi kelulusan dengan *condition*, dengan syarat yang amat ketat sekali – tidak boleh mengeluarkan setitik air pun daripada tempat pelupusan tersebut yang masuk ke dalam sistem pengairan di kawasan tersebut. Maksudnya mereka terpaksa kumpul air sisa buangan dan pindahkan ke tempat lain. Kalau mereka boleh memenuhi syarat-syarat EIA tersebut, insya-Allah, pelupusan sampah tersebut boleh dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah Yang Berhormat.

Tuan Sazmi bin Miah: Yang Berhormat bagi Kudat, mengenai plastik, kita akan mengambil tindakan berkenaan program-program yang dikenal pasti. Saya ada

seminit lagi Tuan Pengerusi, cuma saya hendak mengucapkan terima kasih kepada mana-mana soalan ataupun cadangan yang telah diberikan kepada kementerian.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih, terutamanya kepada pihak pembangkang yang begitu prihatin. Minta maaflah kerana saya terpaksa *cut short* ataupun ringkaskan, selepas ini kita boleh bincang, minum-minum air di bilik sebelah, pun akan sampai ke kementerian saya. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, dan pihak kementerian ini akan cuba menjadi sebuah kementerian yang lebih baik daripada yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM613,130,600 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM613,130,600 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM394,717,300 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM394,717,300 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.24 [Jadual] –
Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Mencari-cari nota untuk ucapan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]* Yang Berhormat, kalau hendak berucap, siap sedia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, macam mana boleh ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya sudah memperingatkan, kita akan masuk tajuk MITI.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat ada orang yang hendak berucap. Saya tidak sangkalah itu, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: Sebelah sana langsung tidak mahu berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap, kerana hendak berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Butiran 05

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap, kerana hendak berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang hendak berucap, tidak ada orang berucap mana boleh, dengan RM1.3 bilion ini. *Po hau kan. [Menuturkan dalam bahasa Mandarin] [Disampuk oleh beberapa ahli pembangkang]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu *po hau kan*?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu aja. Merapu, merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Butiran 050000.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, malas semua. *[Sorak]*

Dr. Tan Seng Giaw: Butiran 050000 – Pembangunan Usahawan. *[Disampuk]* Macam mana nak gulung? Tidak payah gulung. Tuan Pengerusi,

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Menyampuk]* Sila gulung. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Semasa Yang Berhormat Menteri bagi Parlimen menjadi Menteri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini di bawah Butiran mana satu? Jabatan Perdana Menteri sudah lepas.

Seorang Ahli: Gulung, gulung, gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Dak, dak, dak. Tuan Pengerusi, dengarlah ucapan saya, cepat sangat.

Seorang Ahli: Gulunglah, gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Semasa Yang Berhormat Menteri bagi Parlimen menjadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, saya nampak dia tidak begitu berminat dan tidak berkesan untuk memupuk dan mewujudkan budaya keusahawanan. Tidak begitu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Semua betul, walaupun sekarang ini kita bincang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita bincang mana, kita bincang apa, Yang Berhormat? Kita bukan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu. Dia merapu Tuan Pengerusi. Ini MITI.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu, saya tahu, saya tahu. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Beberapa Ahli: Dia merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada merapu pula. *[Disampuk]* Apa masalah sekarang? *[Ketawa]* Mengenai 030000 *[Ketawa]* - Perdagangan Antarabangsa dan juga 040000 – Pembangunan Perindustrian dan juga 050000 – Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan akhir sekali mengenai Butiran 070000 – Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Memang penting sekali peruntukan RM80 juta tetapi, Tuan Pengerusi, yang penting sekali, yang pertama, kita mesti memastikan ada ibu pejabat bagi MATRADE. Tetapi sampai sekarang, sudah bertahun-tahun MATRADE tidak mempunyai ibu pejabat langsung dan Yang Berhormat itu tidak mengambil kisah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah bangun dah. Kita hendak bincang mengenai MATRADE. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya protes sebab dia pandang menteri dia pandang kepada saya. Saya bukan jaga MITI.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Betullah Yang Berhormat. Lebih elok pandang ke sini.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak pandang ke situ juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya macam ini, Tuan Pengerusi, MATRADE punya pasal ini. Jangan kata kita tidak ada bukti, kita ada banyak bukti. MATRADE punya pasal, saya bagi satu bukti sekarang. Perkara ibu pejabat MATRADE, kalau kita hendak memupuk, mempromosikan perdagangan Malaysia di antarabangsa, kita mestilah mengatur dengan baik terutamanya ibu pejabat MATRADE. Daripada mula, Tuan Pengerusi, dia ada projek untuk membina bangunan ibu pejabat MATRADE. Yang dilantiknya ialah Perangsang International.

Perangsang International, saya pun tidak tahulah sama ada muflis ataupun tidak tetapi semasa itu, Yang Berhormat pun jadi Ahli Parlimen juga, dia tidak mengambil kira sama ada Perangsang International ini layak, berkemampuan, berkeupayaan atau berkebolehan untuk membina satu bangunan yang boleh mewakili lambang perdagangan Malaysia. Tetapi dengan belanja lebih RM192 juta, MATRADE sekarang tidak beroperasi. Ibu pejabatnya ada keretakan di situ, ada *façade* yang jatuh, ada *detailing* simen-simen tidak cukup dan lantai-lantai tidak stabil.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada kulat!

Dr. Tan Seng Giaw: Kulatkah, tidak tahukah, tetapi yang nampaknya dia tidak boleh tahan sampai masalah menaik taraf kerja luar bangunan itu, *façade* dia...

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tahu MATRADE? [Disampuk] [Ketawa]

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi dan kawan saya, Yang Berhormat bagi Kepong. Saya dengan secara seikhlas-ikhlasnya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kepong kerana maklumat ini kita dapat sebagai Ahli *Public Accounts Committee*, sama ada *fair game or not* kalau kita menggunakan maklumat yang telah diberikan kepada kita dan kita gunakan ini untuk menghentam pegawai-pegawai yang sudah dengan secara seikhlas-ikhlasnya menerangkan apa yang telah terjadi dan macam mana mereka hendak membetulkan apa yang salah oleh kerana prosiding kita dalam PAC ini pun ada disebarikan kepada semua Ahli Parlimen di sini. Adakah itu *ethical or not* memalukan pegawai-pegawai kita sekali lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman memang dia berniat baik. Tetapi saya mencadangkan supaya beliau balik untuk mengkaji dan berfikir semasak-masaknya sama ada itu beretika ataupun tidak kita belanja lebih RM200 bilion dan bangunan itu tidak boleh dipakai dan sama ada etika ataupun tidak kita belanjakan wang rakyat. Kemudian kita ada etika kerana pegawai beritahu kita, walhal yang sebenarnya Yang Berhormat bagi Sri Aman, kita baca tiap-tiap kali kalau ada *verbatim report* atau laporan verbatim yang diletak di dalam Dewan yang mulia ini, kita baca, semua ada di dalam. Jadi, soal etika mengenai perbincangan masalah MATRADE ini tidak timbul kerana diedarkan kepada setiap Ahli Parlimen yang hadir di sini. Ini masalah di situ. Tetapi yang pokok sekali...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:kita mesti tanya....

Ir Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Ledang, ada MATRADE di Ledang? *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, tetapi bagus juga Yang Berhormat bagi Kepong tidak terkepong.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong, maklumat yang Yang Berhormat bagi Kepong dapat itu sebenarnya kami dapat tadi di JKR semasa taklimat...

Dr. Tan Seng Giaw: Ooh.

Ir Haji Hamim bin Samuri: ...dengan Dato' Seri S. Samy Vellu di JKR. Jadi, yang dia tanya dan dia hujah ini, itulah yang dia hujah di tapak JKR tadi. Jadi, dia menggunakan pentas ini, dia ulang dua kali, di JKR dia sebut, di sini pun sebut. Adakah ini *fair game*?

Dr. Tan Seng Giaw: Oooh, itu Yang Berhormat bagi Ledangkah itu? Ledang di mana ya? Saya tidak tahu itu. *[Disampuk] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dekat Muar, Johor Utara.

Dr. Tan Seng Giaw: Dekat dengan Muarkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Johor Utara.

Dr. Tan Seng Giaw: Ooh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak tahukah?
[Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak tahulah. Macam mana boleh tahu kerana Yang Berhormat, yang penting sekali itu kita belanja kalau ada apa yang didengar pagi ini, kita perlu belanja RM268 juta, baru sahaja dalam 18 bulan lagi, kita boleh menggunakan bangunan ini. Kalau itulah yang dibelanjakan oleh pihak JKR ataupun pihak kerajaan, kita mesti tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun berulang kali...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pagi ini Yang Berhormat ada menghadiri satu taklimat....

Dr. Tan Seng Giaw: Ada dengar itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...persoalan dikeluarkan, betul?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Persoalan ini adalah perkara yang dibangkit. Jawapannya juga diperolehi, betul? Yang Berhormat dapat satu jawapan, betul?

Dr. Tan Seng Giaw: Belum lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh belum. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Belum lagi dapat jawapan. Itu cadangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada dapat, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat beralih ke tajuk lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan beralih ke tajuk lain. Cuma sebelum saya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu sahaja!

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelum saya mengakhiri mengenai isu MATRADE ini, saya akan menekankan bahawa selagi masalah MATRADE tidak diselesaikan, saya akan membangkitkan berulang-ulang kali. Walaupun Yang Berhormat bagi Ledang itu tidak mahu dengar, sepatutnya dia dengar. Kita bangkit jam 9.00 pagi di situ, bangkit jam 5.16 petang di sini, kita dengar berulang-ulang kali kerana kita tidak tahu siapa yang melantik kontraktor seperti Perangsang yang tidak begitu rangsang. Kita tidak tahu Perangsang dan Yang Berhormat itu siapa yang lantik. *[Disampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat hendak tahu?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang saya hendak tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang melantik secara *direct nego* Perangsang ini ialah suami kepada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, sahabat baik Yang Berhormat sekarang.

Dr. Tan Seng Giaw: Yakah? *[Ketawa]* Yakah? Saya tidak tahu, saya tidak tahu. Dia lebih tahu daripada Menteri. *[Disampuk]* Saya tidak tahu. Walau bagaimanapun, siapa yang melantik itu salah, tidak kira suami siapalah. Kalau melantik Perangsang yang kurang rangsang, mesti satu kesalahan. Tetapi kita hendak tahu sama ada Yang Berhormat bagi Ledang mestilah kita fikir, kita sama-sama bekerjasama, cari siapa yang salah yang melantik dan masalah *empowerment* sekarang ini, memberi kuasa kepada siapa – JKR atau Kementerian Kerja Raya yang tahu, yang ada kepakaran, siapa yang lebih sesuai untuk membuat keputusan sama ada Perbendaharaan ataupun Unit Perancang Ekonomi, siapa?

Di sini kita mesti terus-terang membincangkan hal ini sama ada Yang Berhormat bagi Ledang mahu atau tidak mahu, kalau memihak kepada memelihara rakyat, wang rakyat, kita mesti mahu, rela atau berminat, berulang-ulang kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada tiga butiran lagi yang saya sebut tadi. Ini cukup untuk MATRADE, baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah berucap selama 13 minit. *[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kerana tidak ada orang yang berminat, bagi saya satu jam, cukup.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya kena adil kepada semua. Keputusan saya...

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi dia tidak mahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya buat...

Dr. Tan Seng Giaw: ...berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sendiri buat keputusan, saya kena mematuhi keputusan yang saya buat itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi dia tidak berminat, saya berminat, itulah masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekurang-kurangnya Yang Berhormat dapat berucap. Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih. Itu saya berterima kasih. Itulah mengenai perdagangan antarabangsa, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Itu dihadkan masa untuk MATRADE sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, tidak, macam mana cukup pula?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk Yang Berhormat bagi Kepong cukup. Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya boleh teruskan?

Tuan Lim Kit Siang: Baik, teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, 10 minit. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Puan Chong Eng: Banyak murah hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang baik, kita adil punya, cukup adil punya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia baru masuk, macam mana boleh bagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia baru masuk, apa macam?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Yang Berhormat tidak bangun. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur teruskan. Takut dia belum siap lagilah. *[Ketawa]*

5.19 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya menyentuh 040000 – Pembangunan Perindustrian. Dalam perbahasan bajet ini saya ada kemukakan satu isu mengenai *cost of doing business* yang sangat tinggi di Malaysia, akhir daripada kajian Bank Dunia di mana *cost of doing business* dalam Malaysia lebih tinggi daripada negara-negara yang lain termasuk khasnya Ireland, satu *competitor* kepada Malaysia.

Tetapi dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak diberi apa-apa jawapan. Saya berharap bahawa beliau nanti dalam jawapannya boleh ganti rugi (*compensate*) mengenai apakah langkah yang diambil oleh kerajaan mengenai kajian ini - *World Bank* supaya Malaysia boleh lebih bersaing, lebih kompetitif dalam aspek ini. Nampaknya dalam ucapan Bajet ini satu isu yang ada ditinggalkan ialah FDI dalam tahun-tahun yang dahulu setiap kali ada Bajet adalah satu *reference* mengenai FDI, mengenai betapa pentingnya untuk menggalakkan kedatangan FDI. Tetapi nampaknya dalam *Budget speech* ini diketepikan, adakah ini merupakan satu pengakuan bahawa Malaysia sudah gagal untuk menarik FDI dan kita tahu bahawa kita telah membuat satu suasana yang sangat kompetitif khasnya, oleh kerana peranan negeri China untuk menjadi satu magnet ke FDI, di mana sudah berjaya untuk mendapat USD53 bilion FDI.

Memanglah Malaysia akan menghadapi masalah-masalah dalam segi ini, tetapi apakah langkah Malaysia untuk mengadakan supaya selain daripada menggalakkan *domestic investment*, bahawa kita pun boleh bersaing untuk terus menjadi satu destinasi FDI, dan baru-baru ini dalam satu laporan UNCTAD mengenai laporan *investment* kedudukan Malaysia dalam *investment* FDI pun tidak begitu optimistik. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi satu keterangan mengenai perkara ini.

Tadi Yang Berhormat bagi Kepong pun ada menyebut mengenai MATRADE, saya pun ada pergi ke sana dan ini saya rasa sangat penting dan dapat semua jawapan mengenai MATRADE. Apa yang kita tahu ialah tidak ada jawapan mengenai kenapa berlaku skandal MATRADE, satu bangunan yang harga asalnya ialah RM167 juta, sekarang sekurang-kurangnya dua kali. Pagi ini apa yang kita dapat daripada taklimat ialah lebih daripada RM280 juta, itu daripada JKR, tetapi daripada MITI tidak termasuk kos-kos MITI yang sekurang-kurangnya lebih daripada RM50 juta. Ini bererti bahawa akhirnya kos bangunan MATRADE yang akan *delay* dekat 10 tahun,

di mana kos belanja lebih daripada RM300 juta, kenapa boleh berlaku, sampai sekarang kita tidak tahu siapa yang sebenarnya bertanggungjawab mengenai dengan izin, *a series of errors* bukan sahaja *comedy of errors* tetapi juga *tragedy of errors* dan kalau kita tidak tahu siapa yang bertanggungjawab setiap peringkat kesilapan-kesilapan yang begitu besar ini, yang berbelanja wang yang begitu banyak bagaimana kita boleh bukan sahaja mengelakkan kesilapan-kesilapan semacam ini di masa hadapan di projek-projek pembangunan, bukankah ini menunjukkan bahawa kita tidak ada suasana yang boleh bersaing dengan dunia.

Saya berharap Yang Berhormat dalam jawapan beliau boleh memberitahu kedudukan dengan izin, *Sri Hartamas Triangle* di mana kalau tidak silap saya rancangan asal ialah ada tiga bangunan di Sri Hartamas, bukan sahaja ada MATRADE, juga ada ibu pejabat MITI, ibu pejabat MIDA. Tetapi sekarang dalam bangunan yang pertama ialah MATRADE sudah tergendala begitu lama dan bagaimanakah kedudukan mengenai *MITI Headquarters*, bagaimana kedudukan mengenai *MIDA Headquarters* di mana rancangannya ialah dalam *Sri Hartamas Triangle* semuanya di sana, *trade investments* dan *industry*. Tetapi bukankah ini satu lambang, satu simbol yang tidak elok untuk Malaysia, untuk tunjuk kepada dunia, bahawa kita satu negara yang cekap dan efisien yang kompetitif untuk bukan sahaja menarik FDI, tetapi untuk bersaing dengan dunia.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat dapat memberi penjelasan mengenai perkara ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kerana telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan bajet MITI.

Yang Berhormat bagi Kepong menyentuh mengenai dengan MATRADE. Ada dua isu yang beliau bangkitkan, pertama tentang bangunan baru MATRADE, yang sehingga kini seperti mana kita maklum masih lagi belum siap dan kedua beliau menyatakan bahawa MATRADE tidak ada ibu pejabat.

Saya ingin menyentuh perkara yang kedua terlebih dahulu. Tuan Pengerusi, dari segi MATRADE tiada ibu pejabat, MATRADE ada ibu pejabat. Ibu pejabat MATRADE terletak di bangunan *Sime Darby* dan operasi berjalan daripada situ, hanya MATRADE tidak lagi berpindah ke bangunan yang dicadangkan, iaitu bangunan MATRADE seperti mana Yang Berhormat nyatakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang saya gembira dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dia ada ibu pejabat dan bangunan *Sime Darby* itu menjadi ibu pejabat. Saya tidak tahu sama ada ibu pejabat akan mengakui ini bangunan MATRADE - saya tidak tahulah, sama ada adakah ini dibeli daripada *Sime Darby* ataupun disewa daripada *Sime Darby* sahaja dan sejak 1993 kita tidak dapat masuk ke bangunan MATRADE, bangunan sendiri.

Jadi, ibu pejabat bangunan sendiri tidak wujud, ini memang satu soalan yang perlu di jawab.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tidak mengapa Yang Berhormat, saya belum lagi selesai..

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! belum selesai.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: ...belum selesai lagi isu Yang Berhormat, pasal Yang Berhormat kata tidak ada ibu pejabat, ibu pejabat itu ada, Yang Berhormat tahu ibu pejabat sama ada di atas bangunan yang dimiliki sendiri ataupun disewa, itu isu pembiayaan ataupun pemilikan bangunan, tetapi adakah MATRADE mempunyai ibu pejabat atau tidak - MATRADE mempunyai ibu pejabat yang terletak di bangunan *Sime Darby* yang disewa.

Saya menyentuh perkara ini kerana ada tanggapan Yang Berhormat seolah-olah oleh kerana MATRADE tidak ada ibu pejabat, MATRADE tidak kompetitif, tidak membawa negara menuju ke tingkat yang lebih tinggi terutama dari segi perdagangan. Jadi, itu sebab saya sentuh perkara ini dan saya juga ingin menyatakan kepada Yang Berhormat aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh MATRADE, kita tahu *trade mission, trade fair* dari segi..

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seri Aman.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Boleh saya habiskan dahulu, sedikit. Saya ingin memberi statistik kepada Yang Berhormat mengenai

keberkesanan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MATRADE. Bagi tahun 2004 pada Januari hingga Jun MATRADE telah pun terlibat membawa produk Malaysia ke *trade fair*, sebanyak 48 - *trade fair* di seluruh dunia dan ini telah pun menjana penjualan sebanyak RM43 juta dan juga jualan berpotensi *potential sales*, dengan izin sebanyak RM223 juta.

Dari segi *trade mission* sehingga bulan Jun MATRADE telah membawa *trade mission* melibatkan 196 buah syarikat dan delegasi 289. Hasil daripada *trade mission* tersebut telah menjana jualan sebanyak RM244 juta dan *potential sales* sebanyak RM114.5 juta. *Potential sales* ini bermaksud bahawa mereka telah pun mengadakan rundingan dan ia akan menjadi kenyataan dalam tempoh antara enam bulan hingga satu tahun.

Jadi, ini telah dijana melalui usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MATRADE, ini tidak termasuk lain-lain program yang telah dijalankan, kita ada *buying mission*, ini satu perkara yang agak baru dalam dunia perdagangan, yang mana telah dicipta oleh MATRADE sendiri dan kita ada *networking* dan pelbagai perkara yang telah dijalankan oleh MATRADE. Jadi, saya ingin menyatakan..

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong apa lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada masalah, penjelasan

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: ...kepada Yang Berhormat bahawa MATRADE mempunyai ibu pejabat, dan MATRADE telah menjalankan kerja dengan cukup berkesan untuk kepentingan negara.

Dr. Tan Seng Giaw:yang..

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti sekejap beri ..

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan *boss* juga keluarga MATRADE tidak mahu berpindah ke bangunan MATRADE, tetapi saya telah difahamkan iaitu bangunan MATRADE itu telah direka khas untuk MATRADE dan aktiviti-aktivitinya dengan bilik pameran, bilik pentadbiran, semua khas untuk aktiviti MATRADE, macam mana tidak mahu berpindah dan saya dengar mahu diserahkan dan JKR yang disuruh pindah ke sana. Apa rasionalnya?.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Kita akan pergi ke isu bangunan MATRADE selepas ini Yang Berhormat. Saya kata ada dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi, saya menyentuh isu yang pertama terlebih dahulu kerana saya tidak mahu ada tanggapan bahawa MATRADE tidak efektif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dalam sepuluh minit boleh selesaikan jawapan?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ingat tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya menganggap itu soalan tidak ada..

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih kurang sama Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ada tiga isu yang di bangkitkan. Saya ingat sepuluh minit, lebih sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan saya hendak bertanya, boleh selesai dalam masa 15 minit?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tidak boleh. Saya ingat dalam 20 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, ini terpaksa kita tangguhkan besok untuk menjawab.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.